



MALAYSIAN INSTITUTE  
OF ACCOUNTANTS  
ACCOUNTANTS. MANAGERS OF VALUE

PROUD HOST:



# Mengekalkan Momentum



INSTITUT  
AKAUNTAN  
MALAYSIA

LAPORAN  
TAHUNAN 2011

# Akauntan Bertauliah Malaysia

## AKAUNTAN BERTAULIAH MALAYSIA

Akauntan Bertauliah Malaysia atau “C.A.(M)” adalah gelaran yang dianugerahkan oleh Institut Akauntan Malaysia (IAM) kepada golongan profesional dalam perakaunan, perniagaan dan kewangan dengan kelayakan perakaunan yang diiktiraf serta pengalaman kerja yang relevan. C.A.(M) ialah peneraju industri, pemimpin korporat dan pembuat keputusan yang memainkan peranan penting dalam pembangunan negara.

IAM ditubuhkan di bawah Akta Akauntan 1967 sebagai badan perakaunan kebangsaan yang mengawal selia, membangun, menyokong dan meningkatkan integriti, status dan kepentingan profesion.

Melalui kerjasama rapat dengan rakan kongsi perniagaan strategik dan pihak-pihak berkepentingan, IAM menyatukan ahli-ahlinya dengan rangkaian program pembangunan profesional yang berterusan, maklumat-maklumat terkini dan peluang-peluang kerjasama. Pada masa kini, terdapat lebih daripada 27,000 orang ahli mengorak langkah mereka dalam pelbagai industri di Malaysia dan di seluruh dunia.

## Visi IAM

Untuk diiktiraf diperingkat global dan menjadi rakan kongsi yang komited kepada pembangunan negara.

## Misi IAM

Untuk membangun, menyokong dan memantau kualiti serta kemahiran agar konsisten dengan amalan baik global dalam profesion perakaunan bagi kepentingan pihak-pihak berkepentingan.

## Fungsi IAM

Seksyen 6, Akta Akauntan 1967 (Akta) menyatakan bahawa fungsi-fungsi Institut adalah seperti berikut:

- a. Untuk menentukan kelayakan seseorang yang akan didaftarkan sebagai ahli;
- b. Untuk menyediakan latihan dan pendidikan; oleh Institut atau badan lain, kepada seseorang yang mengamalkan atau ingin mengamalkan profesion perakaunan;
- c. Untuk meluluskan Peperiksaan Kelayakan (QE) IAM dan untuk mengawal selia dan memantau pengendalian Peperiksaan;
- d. Untuk mengawal selia amalan profesion perakaunan di Malaysia;
- e. Untuk mempromosi, melalui sebarang cara yang difikirkan patut, kepentingan profesion perakaunan di Malaysia;
- f. Untuk menjaga kepentingan atau memberi lain-lain bantuan yang berkaitan kepada ahli-ahli atau tanggungannya dalam apa cara yang berpatutan dengan niat untuk melindungi atau meningkatkan kebajikan mereka; dan
- g. Secara umumnya melaksanakan sebarang usaha yang sesuai bertujuan untuk mencapai objektif-objektif di atas.

# Kandungan

Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-25	ms. 02
Ahli Majlis	ms. 03
Kenyataan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif	ms. 08
Laporan Majlis untuk 2011	ms. 14
Penyata Tadbir Urus dan Kawalan Dalaman	ms. 15
Bab 1: Perkembangan Keahlian IAM	ms. 20
Bab 2: Membuka Laluan ke Pengiktirafan Antarabangsa	ms. 24
Bab 3: Bakat Tempatan, Pandangan Global	ms. 27
Bab 4: Pematuhan Setanding Integriti	ms. 33
Bab 5: Mendukung Keseimbangan	ms. 36
Jawatankuasa-Jawatankuasa Jawatankuasa Berkanun and Jawatankuasa-Jawatankuasa Lain	ms. 38
Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 30 Jun 2011	ms. 47

# Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-25

Notis diberi menurut Kaedah 10, Kaedah-Kaedah Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis), 2001, bahawa Institut Akauntan Malaysia akan mengadakan **Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Lima** pada hari **Sabtu, 24 September 2011 jam 2.00 petang** di Mahkota Ballroom 11, Hotel Istana, 73 Jalan Raja Chulan, 50200 Kuala Lumpur.

## AGENDA

1. Untuk memilih tiga (3) anggota Majlis bagi tahun berikutnya menurut peruntukan perenggan (g) subseksyen (1) seksyen 8, Akta Akauntan, 1967.

Anggota-anggota Majlis yang berikut ini telah bersara mengikut peruntukan perenggan kecil (1)(b) kepada perenggan 2B, Jadual Kedua Akta Akauntan, 1967 dan tidak menawarkan diri untuk dilantik semula di mesyuarat agung tahunan yang akan datang:

- Billy Kang Wei Geih
- Alex Ooi Thiam Poh
- Stephen Oong Kee Leong

Pencalonan telah diterima berkenaan anggota-anggota berikut untuk pemilihan ke Majlis:

- Dr Ahmad Faisal bin Zakaria
- Ahmad Zahirudin Abdul Rahim
- Chan Wan Siew, Paul
- Jayapalasingam Kandiah
- Kua Choo Kai, Simon
- Mohd Afrizan Husain
- Yacob bin Mustafa

2. Ucapan Presiden.
3. Untuk menimbang dan menerima minit-minit **Mesyuarat Agung Tahunan Kedua Puluh Empat yang telah diadakan pada 25 September 2010.**
4. Untuk menerima laporan tahunan Majlis.
5. Untuk menerima penyata kewangan Institut bagi tahun berakhir 30 Jun 2011 serta laporan juruaudit berkenaan dengannya.
6. Untuk meluluskan Resolusi-Resolusi berikut yang dicadangkan oleh Majlis:

### Resolusi 1:

**ADALAH DENGAN INI DIPUTUSKAN BAHAWA**  
*peperiksaan akhir Up*

A

# Ahli Majlis IAM

Mengekalkan  
Momentum



MALAYSIAN INSTITUTE  
OF ACCOUNTANTS  
ACCOUNTANTS. MANAGERS OF VALUE

PROUD HOST:



MIAconference  
2011



MIA INTERNATIONAL ACCOUNTANTS CONFERENCE AFA CONFERENCE

# Ahli Majlis IAM



**Datuk Wan Selamah Wan Sulaiman**  
**Akauntan Negara**

*Dilantik sebagai Akauntan Negara Malaysia pada 29 November 2010. Menjadi Ahli Majlis di bawah Seksyen 8(1)(a)*



**Dato' Mohd Salleh Mahmud**  
**Bekas Akauntan Negara**

*Bersara pada 28 November 2010 setelah menerajui kepimpinan Jabatan Akauntan Negara Malaysia semenjak 21 Mac 2005*



**Rosini Abdul Samad**  
**Timbalan Akauntan Negara ( Korporat )**

*Rosini Abdul Samad merupakan wakil kepada Akauntan Negara dan dilantik pada 16 Disember 2010 di bawah Seksyen 8(1)(a)*



**Datuk Mohd Nasir Ahmad**  
**Presiden**

*Dilantik semula menjadi Ahli Majlis MIA pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(f). Dipilih menjadi Presiden pada 8 Ogos 2011*

Datuk Mohd Nasir Ahmad merupakan bekas Presiden Jawatankuasa Advisori ACCA Malaysia dan juga Ketua Pegawai Eksekutif, Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB).



**Abdul Rahim Abdul Hamid**  
**Naib Presiden**  
**Bekas Presiden**

*Bersara pada 15 Julai 2011. Dilantik semula menjadi Ahli Majlis MIA pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(f). Dipilih menjadi Naib Presiden pada 8 Ogos 2011*

Abdul Rahim Abdul Hamid merupakan Presiden bagi Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA). Beliau juga adalah Pengerusi Persidangan MIA-AFA 2011.



**Christina Constance Foo**  
**Bekas Naib Presiden**

*Bersara pada 15 Julai 2011. Dilantik sebagai Ahli Majlis pada 16 Julai 2009 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Christina Constance Foo merupakan wakil MIA di dalam Jawatankuasa Amalan Kecil & Sederhana (SMP) bagi Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC). Beliau juga merupakan ahli Lembaga Pengarah Persekutuan Akauntan Asia dan Pasifik (CAPA) dan ahli Lembaga Pengarah bagi CPA Australia Ltd.



**Datin Prof. Dr. Hasnah Haji Haron**

*Dilantik semula pada 1 Disember 2010 di bawah Seksyen 8(1)(b)*

Datin Prof. Dr. Hasnah Haron ialah Dekan, Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan, Universiti Sains Malaysia (USM).



**Dr. Kalsom Salleh**

*Dilantik semula pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(b)*

Dr. Kalsom Salleh ialah Ketua bagi Pusat Perancangan Strategik dan Kualiti Akademik di Institut Pengajian Siswazah, Universiti Teknologi MARA (UiTM).



**Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail**

*Dilantik semula pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(b)*

Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail bertugas di Kolej Perniagaan, Universiti Utara Malaysia (UUM).



**Prof. Madya Dr. Zulkarnian Muhamad Sori**

*Dilantik semula pada 1 Ogos 2010 di bawah Seksyen 8(1)(b)*

Profesor Madya Dr. Zulkarnain Muhamad Sori merupakan Pensyarah di Jabatan Perakaunan dan Kewangan, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia (UPM).



**Prof. Dr. Norman Mohd Saleh**

*Bersara pada 15 Julai 2011. Dilantik sebagai Ahli Majlis pada 16 Julai 2009 di bawah Seksyen 8(1)(b).*

Prof. Madya Dr. Norman Mohd Saleh merupakan Pensyarah di Sekolah Perakaunan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).



**Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan**

*Dilantik pada 19 Jun 2010 di bawah Seksyen 8(1)(c)*

Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan merupakan Pengerusi Eksekutif firma PricewaterhouseCoopers (PwC) Malaysia dan juga Presiden bagi Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA).



**Francis Chan Feoi Chun**

*Dilantik pada 1 Disember 2010 di bawah Seksyen 8(1)(d)*

Francis Chan adalah Presiden Divisyen CIMA Malaysia dan Ketua Pegawai Eksekutif Swiss Garden International Vacation Club Bhd.



**Dato' Gan Ah Tee**

*Bersara pada 28 April 2011, setelah menamatkan tugas sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kumpulan ICAEW Malaysia. Beliau dilantik sebagai Ahli Majlis pada 1 Ogos 2010 di bawah Seksyen 8(1)(d)*

Dato' Gan Ah Tee merupakan Rakan Pengurusan firma BDO Malaysia dan juga Rakan Kongsi Kanan Serantau untuk BDO Asia Pasifik.



**Ng Kim Tuck**

*Dilantik pada 1 Disember 2010 di bawah Seksyen 8(1)(e)*

Ng Kim Tuck merupakan Ahli Majlis MICPA dan Penasihat Kanan Audit BDO Malaysia.



**Mohd Noh Jidin**

*Dilantik pada 1 Disember 2010 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Mohd Noh Jidin merupakan Presiden Persatuan Firma-Firma Akauntan Awam Melayu Malaysia.



**Mohammad Faiz Mohammad Azmi**

*Dilantik semula pada 1 Ogos 2010 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Mohammad Faiz Mohammad Azmi merupakan Pengerusi Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) dan beliau juga merupakan Rakan Kongsi PwC Malaysia dan Pemimpin Global dan Kewangan Islam firma itu.



**Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed**

*Bersara pada 15 Julai 2011. Dilantik sebagai Ahli Majlis pada 16 Julai 2009 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed merupakan Pengerusi UDA Holdings Bhd dan Ahli Parlimen Pulau, Johor. Beliau juga berkhidmat sebagai Pengarah Bebas Bukan-Eksekutif dan Ahli Jawatankuasa Audit Dalam beberapa syarikat awam tersenarai.



**Mohamed Raslan Abdul Rahman**

*Bersara pada 15 Julai 2011. Dilantik sebagai Ahli Majlis pada 16 Julai 2009 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Mohamed Raslan Abdul Rahman ialah Rakan Pengurusan KPMG Malaysia.



**Seow Yoo Lin**

*Bersara pada 15 Julai 2011. Dilantik sebagai Ahli Majlis pada 16 Julai 2009 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Seow Yoo Lin ialah Rakan Pengurusan KPMG Malaysia.



**Uthaya Kumar Vivekananda**

*Bersara pada 15 Julai 2011. Dilantik sebagai Ahli Majlis pada 16 Julai 2009 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Uthaya Kumar Vivekananda ialah Rakan Kongsi Kanan firma PwC bagi Peninsula Asia Tenggara.



**Dr. Lee Yee Chong @ YC Lee**

*Bersara pada 15 April 2011. Beliau dilantik sebagai Ahli Majlis pada 16 April 2009 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Dr. Lee Yee Chong merupakan Pengarah, Kumpulan Sistem dan Teknologi Maklumat bagi Chemical Company of Malaysia Berhad (CCM). Beliau juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Penganjur WCOA 2010.





**Liew Kim Yuen**

*Bersara pada 30 November 2010. Dilantik sebagai Ahli Majlis pada 1 Disember 2008 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Liew Kim Yuen merupakan Ketua Jabatan Pemantauan Kewangan dan Korporat, Suruhanjaya Sekuriti.



**Dato' Narendra Kumar Jasani**

*Dipilih pada 25 September 2010 di bawah Seksyen 8(1)(g)*

Dato' Narendra Kumar Jasani ialah Rakan Pengurusan Negeri bagi firma Grant Thornton Malaysia.



**Dato' Liew Lee Leong @ Raymond Liew**

*Dipilih pada 12 September 2009 di bawah Seksyen 8(1)(g)*

Dato' Raymond Liew Lee Leong ialah Presiden firma McMillan Woods Global.



**Abraham Verghese**

*Dipilih pada 20 September 2008 di bawah Seksyen 8(1)(g)*

Abraham Verghese ialah Rakan Kongsi firma EY.



**Alex Ooi Thiam Poh**

*Dipilih pada 20 September 2008 di bawah Seksyen 8(1)(g)*

Alex Ooi Thiam Poh merupakan Rakan Kongsi firma BDO Malaysia.



**Billy Kang Wei Geih**

*Dipilih pada 29 September 2007 di bawah Seksyen 8(1)(g)*

Billy Kang Wei Geih merupakan pengasas firma Billy Kang & Co.



**Heng Ji Keng**

*Dipilih pada 12 September 2009 di bawah Seksyen 8(1)(g)*

Heng Ji Keng merupakan pengasas bersama firma Baker Tilly Monteiro Heng dan Ferrier Hodgson MH.



**Stephen Oong Kee Leong**

*Dipilih pada 20 September 2008 di bawah Seksyen 8(1)(g)*

Stephen Oong Kee Leong merupakan rakan kongsi dalam Jabatan Teknikal firma EY Malaysia.



**Peter Lim Thiam Kee**

*Dipilih pada 12 September 2009 di bawah Seksyen 8(1)(g)*

Peter Lim Thiam Kee merupakan Pengerusi bagi Institute of Chartered Accountants in Australia (ICAA) Cawangan Malaysia. Beliau juga adalah Rakan Pengurusan firma T K Lim & Associates.



**Sam Soh Siong Hoon**

*Dipilih pada 25 September 2010 di bawah Seksyen 8(1)(g)*

Sam Soh Siong Hoon merupakan Ahli Praktisan Akauntan Bertauliah dan Rakan Pengurusan firma Sam Soh & Co.



**Subramaniam AV Sankar**

*Dipilih pada 25 September 2010 di bawah Seksyen 8(1)(g)*

Subramaniam AV Sankar merupakan Rakan Kongsi firma HALS & Associates.



**Chen Voon Hann**

*Bersara pada 25 September 2010. Dipilih menjadi Ahli Majlis pada 23 September 2006 di bawah Seksyen 8(1)(g)*

Chen Voon Hann merupakan Rakan Pengurusan firma CAS & Associates dan Ketua Pegawai Eksekutif firma CAS International.




**Lam Kee Soon**

*Bersara pada 25 September 2010. Dipilih menjadi Ahli Majlis pada 23 September 2006 di bawah Seksyen 8(1)(g)*

Lam Kee Soon merupakan Rakan Kongsi firma KS Lam & Co.


**Yeo Tek Ling**

*Bersara pada 25 September 2010. Dipilih menjadi Ahli Majlis pada 23 September 2006 di bawah Seksyen 8(1)(g)*

Yeo Tek Ling merupakan Pengarah Kewangan Bebas Bukan Eksekutif bagi Advanced Packaging Technology (M) Bhd.


**Prof. Madya Dr. Mohamat Sabri Hassan**

*Dilantik pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(b)*

Prof. Madya Dr. Mohamat Sabri Hassan merupakan Pensyarah serta Pengerusi, Sekolah Perakaunan, Fakulti Ekonomi dan Perniagaan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).


**Devanesan Evanson**

*Dilantik pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(d)*

Devanesan Evanson merupakan Presiden Jawatankuasa Advisor ACCA Malaysia dan juga Pengarah Perkhidmatan Advisor, Ernst & Young (EY). Beliau pernah berkhidmat di Bursa Malaysia selama 18 tahun.


**Josephine Phan Su Han**

*Dilantik pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(d)*

Josephine Phan merupakan Presiden CPA Australia (Divisyen Malaysia). Beliau juga adalah Pengarah Eksekutif Kanan, PwC, Malaysia.


**Baharuddin Ahmad**

*Dilantik pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Baharuddin Ahmad merupakan Presiden Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERASAMA).


**Donald Joshua Jaganathan**

*Dilantik pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Donald Joshua Jaganathan merupakan Penolong Gabenor, Bank Negara Malaysia (BNM).


**Eugene Wong Weng Soon**

*Dilantik pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Eugene Wong Weng Soon merupakan Pengarah Eksekutif, Kewangan Korporat dan Pelaburan (CFI), Suruhanjaya Sekuriti (SC).


**Johan Idris**

*Dilantik pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Johan Idris merupakan Rakan Kongsi di firma KPMG.


**Zahrah Abd Wahab Fenner**

*Dilantik pada 16 Julai 2011 di bawah Seksyen 8(1)(f)*

Zahrah Abd Wahab Fenner merupakan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan) Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).


**Rosli Abdullah**

*Pendaftar dan Ketua Pegawai Eksekutif. Pendaftar semenjak 1 Disember 2007.*

# Kenyataan

## Mengekalkan Momentum



# Kenyataan Presiden

Para Ahli,

Apabila saya memulakan penggal saya sebagai presiden Institut Akauntan Malaysia (IAM), saya menyaksikan banyak perkembangan berlaku kepada IAM dan profesion perakaunan sejak saya menjadi ahli IAM, 26 tahun yang lalu – tentu saja, begitu banyak ia terus berubah.

Krisis hutang kewangan mengambil banyak perhatian dan tenaga kita sejak beberapa tahun yang lepas. Dan kita melihat bagaimana kes-kes terpencil – di antara syarikat dan di antara negara – boleh merebak dan menjadi bertambah buruk hingga memberi kesan kepada populasi yang lebih besar. Dalam situasi begini, maklumat kewangan dan perniagaan yang disediakan oleh profesion perakaunan menjadi lebih penting dalam membuat keputusan yang jitu dan pengurusan risiko.

Kongres Akauntan Sedunia ke-18 (WCOA) yang diadakan di Kuala Lumpur pada tahun lepas, menyaksikan profesion kita begitu bersemangat – ia diwakili dengan begitu baik, kuat, bernas dan bijak. Kita juga sering mendengar bahawa kita mesti tanyakan diri kita soalan yang sukar mengenai sumbangan profesion kepada pelaporan kewangan dan bukan kewangan dalam dunia yang lebih mantap, juga soalan mengenai nilai audit. Bagi memacu profesion, saya percaya hanya itu yang perlu dilakukan. Kita mesti tunjukkan bahawa kita adalah sebahagian daripada penyelesaian global yang menyumbang kepada kestabilan kewangan dan pertumbuhan ekonomi.

Kita sedar bahawa adalah penting untuk kita memenuhi keperluan perniagaan yang pantas berubah. Dengan pertumpuan piawai dan amalan, transformasi diperlukan untuk meningkatkan nilai dan mengekalkan penambahbaikan yang berterusan.

Tema WCOA, 'Akauntan: Melestarikan Penciptaan Nilai', terbukti ia jauh lebih relevan daripada yang dibayangkan pada hari-hari sebelum krisis ekonomi global, apabila IAM dan Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC) mula membentuk tema Kongres. WCOA merupakan tapak yang mana kita mampu tunjukkan bahawa terdapat banyak cara untuk akauntan membawa nilai menerusi peranan yang berbeza, untuk meningkatkan perniagaan.

Kita mesti ingat bahawa kita mesti terus berusaha untuk memperbaiki persepsi perniagaan berhubung nilai yang dibawa oleh akauntan, mengambil kira keperluan perniagaan dan pandangan pengguna serta mereka yang mendapat faedah daripada perkhidmatan kita, sebagai bukti utama dan pemangkin inovasi. Secara ringkasnya, kita mesti membawa nilai awam dalam semua kerja dan memastikan agar perniagaan dan lebih ramai orang awam memahami nilai yang kita bawa.

**PENCIPTAAN SEMULA NILAI MENERUSI WCOA 2010**  
WCOA 2010 telah membuka peluang yang luas untuk kita semua. Antaranya, ia telah meningkatkan perhubungan antarabangsa IAM. Didorong oleh perkembangan ini, kami komited untuk menyediakan pembangunan kapasiti dan perkembangan profesional melangkaui batasan Malaysia.

Hasilnya, bermula dari 2011, Persidangan Akauntan Kebangsaan yang lebih dikenali sebagai NAC akan dinamakan semula sebagai Persidangan Akauntan Antarabangsa IAM (Persidangan IAM). Penjenamaan semula NAC merupakan perkembangan semula jadi atas pendirian kita dalam komuniti antarabangsa. Kami yakin melalui usaha penjenamaan semula ini, Persidangan IAM akan dapat memberikan peluang perkembangan yang unik kepada peneraju perakaunan dan kewangan di rantau ini.

Untuk tahun 2011, Persidangan IAM akan dianjurkan serentak dengan Persidangan Akauntan ASEAN yang ke-17, yang akan diadakan dari 2-3 November 2011 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur

Dengan tema, **Bertumpu, Berubah, Kekal : Ke arah Kecemerlangan Bertaraf Dunia**, Persidangan dijangka akan dihadiri oleh lebih 2,500 orang delegasi yang terdiri daripada akauntan, pemimpin perniagaan, golongan profesional lain, eksekutif dan para akademik di rantau ASEAN, untuk berkongsi amalan terbaik dalam kewangan, perakaunan dan pengurusan, juga untuk mendapat pandangan baru dan maklumat terkini tentang trend global, isu-isu dan cabaran-cabaran yang mempengaruhi perniagaan dan persekitaran yang kita jalani.

Pelaburan yang kita buat melalui usaha ini adalah untuk perkembangan profesion dan masa depan rantau kita. Menjangkau daripada acara peringkat kebangsaan ke acara peringkat serantau akan melonjakkan kedudukan Malaysia dalam meningkatkan profesion di rantau ini.

## **PERUBAHAN LANSKAP PROFESION PERAKAUNAN DI MALAYSIA**

Sebagaimana petikan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan beliau semasa Kongres Akauntan Sedunia ke-18 pada bulan November lepas, Malaysia komited untuk mencapai pertumpuan penuh Piawai Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) pada 1 Januari 2012.

Menerima pakai kerangka baru pematuhan IFRS oleh entiti bertanggungjawab awam di Malaysia bermula dari tahun 2012,

pada masa yang sama mereka perlu memastikan pematuhan penuh ke atas penyata kewangan untuk kegunaan umum dengan IFRS.



Meskipun kita gembira dengan perkembangan ini, kita sedikit bimbang dengan persediaan semua pihak yang terlibat berhubung dengannya. Fasa pendekatan pertumpuan IFRS yang telah disediakan sejak tahun 2008, sehingga kini, telah memberikan masa yang cukup untuk semua pihak yang terlibat untuk bersedia menghadapi perubahan ini, tetapi kita tidak dapat pastikan bahawa semua isu yang melibatkan pertumpuan IFRS telah ditangani.



Sehingga kini, maklum balas daripada profesion terhadap Draf Dedahan 75 tentang kerangka baru pematuhan IFRS yang dikeluarkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB), amat menggalakkan dan kami amat berbangga memaklumkan bahawa agenda pertumpuan berada di landasan yang betul.

Meskipun kita gembira dengan perkembangan ini, kita sedikit bimbang dengan persediaan semua pihak yang terlibat berhubung dengannya. Fasa pendekatan pertumpuan IFRS yang telah disediakan sejak tahun 2008, sehingga kini, telah memberikan masa yang cukup untuk semua pihak yang terlibat untuk bersedia menghadapi perubahan ini, tetapi kita tidak dapat pastikan bahawa semua isu yang melibatkan pertumpuan IFRS telah ditangani.

Terdapat potensi, ada sebahagian isu pelaksanaan yang mungkin timbul dengan menerima pakai kerangka baru pematuhan IFRS. Perkara-perkara sedemikian dipantau rapi oleh Badan Bertindak Pertumpuan pelbagai agensi, yang telah diwujudkan sejak April 2010 (diilhamkan oleh MASB, yang mana IAM adalah ahlinya). Badan Bertindak ini dijangka tidak akan dibubarkan sehingga semua isu berkaitan pertumpuan diselesaikan dengan jayanya. Keperluan Akta Akauntan, 1967 dan jangkaan daripada para ahli selalunya meletakkan IAM di kedudukan yang penting untuk memastikan pencapaian pelbagai faedah kepada negara dan ekonomi menerusi pertumpuan IFRS.

Semasa gelombang pertama pada tahun 2006 yang mengharmonikan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) dengan IFRS, IAM telah membentuk Jawatankuasa Pelaksanaan

Piawaian Pelaporan Kewangan (FRSIC) dengan sokongan dari Dana Pembangunan Pasaran Modal, untuk menangani pelbagai isu, melibatkan pelaksanaan FRS. Sehingga kini, FRSIC telah mengeluarkan 16 topik panduan pelaksanaan, dan sejumlah isu-isu perbalahan dalam agenda FRSIC dijangka akan diselesaikan tidak lama lagi. Sebahagian daripada isu-isu dalam agenda FRSIC dijangka akan memberi kesan terhadap kejayaan pelaksanaan kerangka baru pematuhan IFRS dan oleh itu, resolusi yang kena pada masanya adalah penting.

Berkemungkinan, pandangan dan konsensus FRSIC berhubung isu-isu melibatkan pelaksanaan kerangka baru pematuhan IFRS akan digunakan sebagai rujukan dalam bidang kuasa IFRS yang lain, oleh itu pengurusan FRSIC perlu disemak semula untuk memenuhi keperluan yang makin meningkat. Pendek kata, IAM perlu lebih global dalam proses pemikirannya dan tindakannya dalam menangani perkara-perkara berhubung pelaporan kewangan, dan menjadi lebih aktif dalam rundingan tanpa sempadan. Adalah amat penting bahawa pandangan teknikal kita diketahui ramai dan diterima oleh komuniti antarabangsa.

Sehubungan itu, baru-baru ini Kerajaan telah mengumumkan pelannya untuk menerima pakai perakaunan berasaskan akruan dalam pelaporan kewangan oleh sektor awam pada 1 Januari 2015, menggunakan asas perakaunan yang sebahagian besarnya sejajar dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS).

Pada awal tahun ini, kami telah membantu dalam membentuk halatuju pelaksanaan perakaunan akruan untuk Kerajaan Persekutuan dan IAM dijangka akan memainkan peranan penting dalam bentuk perkhidmatan nasihat teknikal dan pendidikan berterusan.

Matlamat untuk bertukar daripada perakaunan asas tunai yang diubahsuai kepada asas akruan perakaunan dalam masa kurang dari empat tahun, agak pendek berbanding dengan pengalaman bidang kuasa yang lain.

Pelan untuk mengguna pakai sepenuhnya perakaunan berasaskan akruan ialah polisi pengukuran dalam Model Baru Ekonomi untuk Malaysia yang membentuk susun atur kepada Program Transformasi Ekonomi yang, dengan mempertimbangkan kemungkinan kesannya kepada ekonomi dan agenda Negara, perlu diberi keutamaan. Perhatian penuh IAM dalam perkara ini perlu pada tahap yang sama dengan usaha untuk menyokong pertumpuan IFRS jika tidak lebih dari itu.

### **MENGEKALKAN DAN MENGERAKKAN PROFESION PERAKAUNAN**

Kerangka pelaporan kewangan kita untuk pasaran modal dan juga sektor awam telah tersedia untuk diiktiraf di peringkat antarabangsa, tetapi terdapat kebimbangan bahawa tidak semua akauntan yang ada kini dan bakal akauntan bersedia untuk menerima perubahan dengan minda global.

Pertumpuan IFRS atau penggunaan pakai perakaunan akruan oleh sektor awam bukan hanya mengenai mengetahui keperluan IFRS atau IPSAS, tetapi keupayaan untuk membuat penilaian profesional berdasarkan minda dan pengetahuan yang sejajar rapat dengan bidang kuasa yang lain. Sehubungan ini, minda tentang 'kami berbeza' di kalangan sebahagian dari kita tidak lagi relevan; kita tidak mampu beroperasi secara bersendirian.

Dengan itu, pendidikan merupakan keutamaan IAM – bukan hanya kepada akauntan sedia ada, tetapi juga bakal akauntan. IAM akan terus memainkan peranan yang aktif untuk membantu semua ahli profesion untuk belajar, meninggalkan dan belajar semula sehingga membolehkan semua akauntan menghargai penggunaan piawaian perakaunan global, dengan minda global, dalam persekitaran global.

Sebenarnya, akauntan Malaysia secara umumnya dipandang tinggi dari segi kemahiran mereka dan mendapat permintaan tinggi di peringkat antarabangsa; maka semua usaha perlu dibuat untuk mengekalkan dan memperbaiki kedudukan tinggi yang kita nikmati. Tambahan lagi, bakal akauntan kita (iaitu mahasiswa perakaunan) perlu dilatih ke peringkat yang membolehkan mereka memasuki profesion dengan lancar.

IAM akan terus memberi sokongan yang diperlukan kepada Kementerian Pendidikan Tinggi untuk memastikan mahasiswa dibentuk ke arah ini – bukan sahaja terhad kepada kajian semula sukatan pelajaran untuk memasukkan perkembangan terkini dalam piawaian, tetapi mahasiswa perlu didedahkan kepada pelbagai isu-isu antarabangsa penting, di samping semakin kerap tentang kaedah penyampaian untuk menjadikan mahasiswa lebih beranalisis dalam pendekatan mereka.

“

Kerangka pelaporan kewangan kita untuk pasaran modal dan juga sektor awam telah tersedia untuk diiktiraf di peringkat antarabangsa, tetapi terdapat kebimbangan bahawa tidak semua akauntan yang ada kini dan bakal akauntan bersedia untuk menerima perubahan dengan minda global.

”

#### **PENGHARGAAN**

Segala usaha yang dijalankan oleh IAM akan terus diselaraskan agar sempurna bagi menghasilkan profesion yang dapat menyumbang kepada pengkalan penciptaan nilai. Saya amat bertuah kerana telah diberi tanggungjawab menerajui IAM ke arah yang lebih tinggi.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak-pihak berkepentingan yang mana sokongan dan kerjasama mereka telah banyak membantu Institut.

Saya juga ingin berterima kasih kepada Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak; Menteri Kewangan II, Dato' Seri Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, Akauntan Negara, Datuk Wan Selamah Wan Sulaiman; bekas Akauntan Negara, Dato' Mohd Salleh Mahmud atas panduan dan sokongan yang tidak ternilai.

Saya juga berterima kasih kepada Bekas Presiden IAM, Abdul Rahim Abdul Hamid dan Naib Presiden Christina Constance Foo, juga ahli-ahli Majlis yang telah bersara pada tahun ini atas sumbangan mereka terhadap profesion dan Institut.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Majlis, ahli-ahli jawatankuasa dan juga ahli-ahli Institut yang telah menunjukkan komitmen penuh untuk kebaikan Institut dan profesion.

Akhir kata, kepimpinan dan komitmen pihak pengurusan Institut dan kakitangan amatlah penting dalam pelbagai kejayaan yang telah kita capai setakat ini.

Terima kasih.

**Datuk Mohd Nasir Ahmad**  
**Presiden**





# Kenyataan Ketua Pegawai Eksekutif

Ahli yang dihormati,

Institut Akauntan Malaysia (IAM) meneruskan misinya untuk membangun, menyokong dan memantau kualiti dan kepakaran ahli-ahlinya selari dengan amalan terbaik di peringkat global. Nama IAM kini dikenali di persada antarabangsa. Kejayaan penganjuran Kongres Akauntan Sedunia ke-18 (WCOA) 2010 pada November tahun lalu telah menjadi pemangkin kepada profesion perakaunan di negara ini melangkau lebih jauh. November ini kita akan menjadi hos untuk satu lagi kongres antarabangsa yang tidak kurang hebatnya.

IAM juga komited untuk berkongsi kepakaran yang diperolehi untuk memperkukuhkan kedudukan Malaysia di persada dunia menerusi beberapa usaha strategik dengan berbagai-bagai pihak berkepentingan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi negara supaya menjadi lebih responsif serta bertanggungjawab kepada keperluan warga perniagaan dan swasta.

Bagi menyokong perkembangan ini, IAM bersama **Jabatan Akauntan Negara (JANM)** dan **Persatuan Akauntan Sektor Awam Malaysia (PERASAMA)** menganjurkan **Persidangan Akauntan Sektor Awam (NAPSAC)** kali pertama pada Jun yang lalu. Persidangan ini memberi tumpuan kepada isu-isu semasa serta cabaran yang mungkin wujud dalam membuat peralihan ke perakaunan akruan. IAM yakin perubahan dasar yang fleksibel dan relevan serta sesuai dengan perubahan dan pembangunan ekonomi yang pesat amat penting untuk pertumbuhan sektor swasta.

Kedua, IAM juga turut menyumbang di dalam Makmal Inisiatif Reformasi Strategik (SRI) mengenai liberalisasi yang dijalankan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri, bagi berkongsi usul-usul yang boleh mempercepatkan liberalisasi sektor perkhidmatan di negara ini.

Operasi Institut terus berfungsi dengan lebih dinamik selari dengan usaha Institut memastikan segala strategi yang dirancang untuk membangunkan profesion di Malaysia dilaksanakan secara efektif dan terancang. IAM berusaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada para ahli dan pihak berkepentingan menerusi pendekatan pengawalseliaan yang merangkumi pendidikan dan pembangunan; piawaian dan amalan profesional; pembangunan dan penyelidikan serta pengawasan dan penguatkuasaan (laporan penuh dalam Laporan Majlis).

## PRESTASI KEWANGAN

Dalam tahun kewangan ini, IAM mencatatkan lebih sebelum cukai sebanyak RM10.8 juta berbanding RM1.17 juta pada tahun sebelumnya. Pencapaian baik ini disumbangkan menerusi penganjuran WCOA 2010 yang mencatatkan RM9.51 juta. Institut mencatat jumlah keuntungan sebanyak RM29.76 juta (termasuk lebih dari WCOA 2010) berbanding RM22.78 juta sebelum ini. Ia merupakan peningkatan sebanyak RM6.98 juta atau 31%.

Pendapatan keahlian Institut juga turut meningkat sebanyak RM0.47 juta atau 6% berbanding RM8.16 juta pada tahun sebelumnya, kepada RM8.63 juta dalam tahun kewangan semasa.

Namun, pendapatan yang dicatatkan oleh CPE iaitu RM10.01 juta menerusi aktiviti pencatatan penurunan sebanyak RM2.57 juta atau 20% berbanding RM12.58 juta pada tahun sebelumnya. Penyusutan ini berlaku akibat peralihan fokus Jabatan itu bagi menghadapi WCOA 2010.

Kursus tuisyen di bawah program Peperiksaan Kelayakan pula meningkat sebanyak 25% dan menyumbang pendapatan sebanyak RM1.06 juta, berbanding tahun kewangan sebelumnya, iaitu RM0.85 juta. Menerusi pengurusan kewangan secara berhemah terhadap perkhidmatan keahlian serta perbelanjaan pentadbiran dan manfaat kepada kakitangan, Institut berjaya mencatatkan penjimatan berjumlah RM0.18 juta dan RM0.12 juta.

## WACANA SELEPAS WCOA 2010

Untuk maju ke hadapan, kita mesti mengekalkan momentum yang ada. Kini, IAM sedang melengkapkan diri menganjurkan satu lagi acara antarabangsa. IAM dengan kerjasama Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA) akan menganjurkan Persidangan Akauntan Antarabangsa IAM bersama Persidangan AFA yang ke-17 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 2-3 November 2011.

## MENINGKATKAN HUBUNGAN GLOBAL

IAM sedar bahawa semua strategi dan pelan yang dirancang hanya boleh di kecapai dengan modal insan yang kompeten. Oleh itu, adalah penting untuk kita bersama-sama mencipta dan mengekalkan satu sistem pendidikan kelas pertama untuk latihan perakaunan bagi melahirkan graduan perakaunan terlatih yang setanding dengan negara-negara maju.

IAM sentiasa bersedia untuk bekerjasama dengan institusi pendidikan tinggi di negara ini bagi memperkasakan graduan perakaunan agar memiliki kecekapan piawaian global serta menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau kelas pertama bagi latihan perakaunan di rantau ini.

Di peringkat serantau, IAM memberi sumbangan besar



menerusi pembabitannya di dalam pertubuhan serantau seperti Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA) dan Persekutuan Akauntan Asia dan Pasifik (CAPA). Namun, setelah menimbang keperluan untuk berada dalam dua buah organisasi secara serentak serta memastikan sumber yang ada dapat disalurkan pada satu cabang yang lebih fokus, keputusan diambil oleh Institut untuk menamatkan keahlian IAM di dalam CAPA pada Mac lalu dan mengekalkan keahlian di dalam AFA.

IAM terus memainkan peranan aktif dalam tahun keduanya memegang teraju AFA. Antara lain, Institut bertanggungjawab menghasilkan dokumen strategik AFA 2010, yang mengabadikan inisiatif yang dijalankan oleh AFA selaras dengan Pelan Strategik dan Operasi sepanjang tahun; serta mengemas kini 'Panduan Mudah Menubuhkan Amalan Perakaunan di Negara-Negara ASEAN serta menerbitkan Garis Panduan bagi Permohonan Keahlian Bersekutu AFA di laman web AFA. Selain menerbitkan dan mengemas kini Pelan Tindakan IAM sendiri, IAM juga terlibat secara aktif dalam membantu negara-negara anggota AFA seperti Brunei, Kemboja dan Vietnam dalam merumus dan menyunting Pelan Tindakan Pematuhan SMO IFAC mereka.

#### **INISIATIF 'HIJAU'**

IAM sentiasa komited untuk menjaga alam sekitar dalam setiap aktiviti yang dilakukan olehnya. Oleh yang demikian IAM sentiasa mengenal pasti langkah yang boleh diambil bagi memastikan impak yang minimum terhadap alam sekitar. Sebagai contoh, antara usaha yang diambil bagi mengurangkan penggunaan kertas adalah dengan memperkenalkan penyerahan penyata tahunan oleh firma-firma ahli tanpa kertas, pengenalan e-Baucer serta menerbitkan Accountants Today setiap dua bulan berbanding terbitan bulanan sebelum ini.

#### **MELANGKAH KE HADAPAN – KERJASAMA DENGAN KERAJAAN DALAM PEMBANGUNAN NEGARA DAN MEMARTABATKAN INTEGRITI DAN ETIKA**

Sebagai sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan, IAM bertanggungjawab untuk memastikan profesion perakaunan dibangunkan secara harmoni selaras dengan kehendak pembangunan negara dan berteraskan kepentingan awam. Dalam membangunkan profesion perakaunan di Malaysia, IAM sentiasa memastikan para ahlinya mempunyai kecekapan, pengetahuan dan keupayaan serta nilai-nilai profesional yang tinggi.

IAM giat mengeluarkan panduan untuk membantu akauntan di Malaysia dengan melaksanakan piawaian dan amalan-amalan terbaik; serta menjalankan penguatkuasaan dan pemantauan; kualiti perkhidmatan perakaunan; terutamanya yang berkaitan dengan pasaran modal dan kepentingan awam.

Untuk memastikan IAM dapat memikul tanggungjawab nasional ini dengan lebih berkesan, IAM ingin menyeru semua pihak berkepentingan untuk bersatu menyumbang ke arah menggalak dan membangunkan perakaunan profesion di Malaysia.

Tanpa mengira latar belakang profesional, kelayakan, dan sektor perakaunan yang anda wakili, kita harus bekerjasama untuk mempromosi dan meningkatkan kemajuan dan pembangunan profesion. Kita perlu meletakkan kepentingan dan kesejahteraan negara melebihi dari segalanya. Untuk memastikan keputusan yang lebih baik dalam jangka panjang, terdapat keperluan mendesak bagi kita untuk memperbaharui dan melipatgandakan usaha kita dalam pembangunan negara.

Adalah menjadi kewajipan setiap individu yang bergelar akauntan

untuk menjadikan profesion kita lebih utuh, relevan, berdaya saing dan berjaya dalam menghadapi pelbagai cabaran dan rintangan dari dalam dan luar negara. Adalah penting bagi semua ahli IAM, sama ada yang berkhidmat di dalam kerajaan, perniagaan, amalan awam ataupun pendidik untuk memastikan keutamaan kita diletakkan pada landasan yang betul.

#### **PENGHARGAAN**

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Perdana Menteri Malaysia, yang juga Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, di atas segala sokongan beliau terhadap profesion perakaunan. Ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada bekas Akauntan Negara, Dato' Mohd Salleh Mahmud di atas sumbangan beliau kepada profesion perakaunan. Pada masa yang sama, bagi pihak IAM, saya ingin mengalu-alukan Akauntan Negara yang baru, Dato' Wan Selamah Wan Sulaiman. Saya yakin, di bawah kepimpinan beliau kecemerlangan di dalam profesion perakaunan akan terus dapat dicapai.

Penghargaan saya juga kepada bekas Presiden IAM, Abdul Rahim Abdul Hamid dan Naib Presiden, Christina Constance Foo, serta semua ahli majlis yang bersara. Terima kasih di atas kepimpinan dan bimbingan yang diberikan kepada kami bagi memastikan IAM terus menyumbang ke arah pembangunan negara. Untuk Presiden yang baru dipilih, Datuk Mohd Nasir Ahmad dan Naib Presiden, Abdul Rahim Hamid, kami yakin di bawah kepimpinan saudara, Institut akan melakar lebih banyak kecemerlangan.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli IAM serta pihak berkepentingan yang lain termasuk pengawal selia bersama, badan perakaunan profesional, pengamal profesion dan institusi pengajian tinggi di atas sokongan berterusan dan sumbangan anda dalam memastikan profesion perakaunan membangun selaras dengan matlamat nasional dan kredibiliti profesion perakaunan terus terpelihara. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada kakitangan Institut yang bekerja tanpa mengenal penat lelah untuk memastikan kejayaan yang berterusan bagi IAM.

Terima kasih.



**Rosli Abdullah**  
**Pendaftar /**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**



# Laporan Majlis Untuk 2011

Mengekalkan  
Momentum



MALAYSIAN INSTITUTE  
OF ACCOUNTANTS

ACCOUNTANTS. MANAGERS OF VALUE.

PROUD HOST:



MIAconference  
2011


17<sup>th</sup>



MIA INTERNATIONAL ACCOUNTANTS CONFERENCE AFA CONFERENCE

# Penyata Tadbir Urus

## RANGKA KERJA TADBIR URUS



## MAJLIS

Menurut Seksyen 9 Akta, kuasa umum Majlis ialah menguruskan Institut dan dananya. Khususnya, menurut Seksyen 10 Akta, Majlis mempunyai kuasa untuk membentuk undang-undang kecil, melantik kakitangan, mengambil perhatian apa-apa yang memberi kesan kepada Institut atau kelakuan profesional ahli-ahlinya, berkomunikasi dengan badan-badan lain yang sepertinya dan dengan ahli-ahli profesion di tempat lain, menubuhkan cawangan-cawangan dan menugaskan kerja atas budi bicara mutlaknyanya sebarang kuasa, keistimewaan dan budi bicara, untuk melantik Jawatankuasa Institut, untuk menjalankan kuasa-kuasa, keistimewaan dan budi bicara tersebut yang tidak perlu dijalankan oleh ahli-ahli dalam mesyuarat agung dan untuk menggunakan mohor rasmi Institut.

Berdasarkan Seksyen 8(1) Akta, ahli-ahli Majlis terdiri daripada:

- Akauntan Negara atau wakilnya;
- \*\*tidak lebih lima ahli daripada institusi pengajian tinggi dibawah Bahagian I Jadual Ketiga;
- Presiden Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA);
- \*\*tiga ahli dilantik dikalangan Presiden badan badan diiktiraf

dibawah Bahagian II Jadual Pertama yang mempunyai cawangan di Malaysia;

- \*\*seorang ahli majlis MICPA selain daripada Presidennya;
- \*\*lantik tidak lebih daripada sembilan ahli dengan kelayakan bersesuaian; dan
- sepuluh ahli yang dipilih di mesyuarat agung tahunan Institut berdasarkan kaedah-kaedah Institut.

*Nota: \*\*Seksyen 8(2) Akta menyatakan bahawa ahli-ahli dibawah subseksyen ini mestilah dilantik oleh Menteri diatas nasihat Akauntan Negara.*

Perenggan 6 Jadual Kedua Akta menyatakan bahawa tiada imbuhan perlu dibayar kepada ahli-ahli Majlis.

Presiden Institut adalah Pengerusi Majlis. Dalam tahun kewangan, Majlis telah mengadakan 11 mesyuarat dan antara agenda mesyuaratnya ialah:

- Meluluskan Halatuju Strategi IAM untuk tahun 2011/2012 sehingga 2013/2014;
- Meluluskan Belanjawan MIA 2011/2012;
- Menyemak perkembangan serta aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Berkanun dan jawatankuasa-jawatankuasa lain;

**Majlis (sambung)**

4. Meluluskan Buku Panduan Operasi jabatan-jabatan;
5. Meluluskan garis panduan, maklum balas kepada IFAC, pindaan terhadap kriteria lesen audit dan cadangan kepada pihak berkuasa yang terlibat;
6. Pelantikan ahli-ahli lembaga dan jawatankuasa menurut cadangan Jawatankuasa Pencalonan;
7. Menyemak laporan perkembangan WCOA 2010;
8. Menyemak program Institut seperti penilaian Peperiksaan Kelayakan (QE) dan audit pendidikan profesional berterusan (CPE);
9. Meluluskan Penyata Kewangan Akhir Tahun dan Menyemak Penyata Kewangan Bulanan Institut;
10. Menyemak penglibatan IAM dalam Badan-badan/ Jawatankuasa-jawatankuasa Antarabangsa;
11. Meluluskan permohonan keahlian Institut;
12. Meluluskan ganjaran kakitangan; dan
13. Meluluskan perbelanjaan berdasarkan Had Kuasa (LOA) Institut.

Kehadiran ahli-ahli Majlis adalah seperti berikut:

No.	Nama	Kehadiran
1	Datuk Wan Selamah Wan Sulaiman Diwakili: Rosini Abd Samad	4/4
2	Dato' Mohd Salleh Mahmud Diwakili: Datuk Wan Selamah Wan Sulaiman	7/7
3	Abdul Rahim Abdul Hamid	9/11
4	Christina Constance Foo	11/11
5	Prof. Datin Dr. Hasnah Hj Haron	7/11
6	Dr. Kalsom Salleh	5/11
7	Prof. Madya Dr Ku Nor Izah Ku Ismail	5/11
8	Prof. Dr. Norman Mohd Saleh	5/11
9	Prof. Madya Dr. Zulkarnain Muhamad Sori	7/11
10	Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan	3/11
11	Francis Chan Feoi Chun	4/4
12	Ng Kim Tuck	3/4
13	Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed	1/11
14	Mohammad Faiz Mohammad Azmi	4/11
15	Mohamed Raslan Abdul Rahman	6/11
16	Seow Yoo Lin	8/11
17	Uthaya Kumar K. Vivekananda	0/11
18	Mohd Noh Jidin	4/4
19	Dato' Raymond Liew Lee Leong	9/11
20	Abraham Verghese	6/11
21	Alex Ooi Thiam Poh	10/11
22	Billy Kang Wei Geih	10/11
23	Heng Ji Keng	8/11
24	Stephen Oong Kee Leong	7/11
25	Peter Lim Thiam Kee	10/11
26	Dato' Narendra Kumar Jasani	5/6
27	Sam Soh Siong Hoon	5/6
28	Subramaniam A.V. Sankar	6/6
29	Dato' Gan Ah Tee	9/9
30	Dr. YC Lee	4/9
31	Datuk Mohd Nasir Ahmad	3/8
32	Liew Kim Yuen	2/7
33	Chen Voon Hann	4/5
34	Lam Kee Soon	2/5
35	Yeo Tek Ling	5/5

## JAWATANKUASA–JAWATANKUASA TADBIR URUS YANG MELAPOR KEPADA MAJLIS

### JAWATANKUASA EKSEKUTIF (EXCO)

EXCO telah ditubuhkan oleh Majlis sebagai Jawatankuasa Operasi yang berfungsi sebagai pengantara antara Majlis dengan pihak pengurusan bagi memastikan strategi perniagaan, operasi harian dan segala isu operasi dijalankan secara efektif dan efisien dan keperluan amalan tadbir urus korporat yang baik dipantau.

Bidang Tugas EXCO telah diluluskan oleh Majlis. Antara Bidang Tugas EXCO ialah:

1. Memantau hal ehwal kewangan, operasi dan prestasi Institut;
2. Meluluskan perbelanjaan dan lain-lain komitmen kewangan berdasarkan LOA;
3. Memantau pelantikan dan perkembangan kakitangan kanan dan perancangan penggantian;
4. Memulakan, mencadangkan dan menjalankan perkara-

perkara dan fungsi-fungsi lain yang berkaitan dengan Institut yang diberikan oleh Majlis;

5. Memantau dan menyemak tadbir urus Institut.

Pengerusi EXCO ialah Presiden IAM dan terdiri daripada 6 orang ahli Majlis dan Pendaftar. Dalam tahun kewangan, EXCO telah mengadakan 13 mesyuarat dan antara agenda mesyuaratnya ialah:

1. Menyemak Penyata Kewangan Bulanan / Akhir Tahun IAM;
2. Menyemak laporan perkembangan WCOA 2010;
3. Meluluskan Buku Panduan Operasi yang disemak;
4. Menyemak aktiviti-aktiviti Cawangan;
5. Menyemak Halatuju Strategik IAM untuk tahun 2011/2012 sehingga 2013/2014;
6. Menyemak Belanjawan IAM 2011/2012;
7. Menyemak cadangan ganjaran kakitangan; dan
8. Meluluskan sebarang perbelanjaan berdasarkan Had Kuasa (LOA) Institut.

Kehadiran mesyuarat EXCO adalah seperti berikut:

No.	Nama	Status	Kehadiran
1	Datuk Wan Selamah Wan Sulaiman Diwakili: Rosini Abd Samad	Akauntan Negara (AG)	Dilantik sebagai AG pada 29 November 2010. 7/8
2	Dato' Mohd Salleh Mahmud Diwakili: Datuk Wan Selamah Wan Sulaiman	Akauntan Negara (AG)	Bersara sebagai AG pada 28 November 2010 5/5
3	Abdul Rahim Abdul Hamid	Pengerusi	- 10/13
4	Christina Constance Foo	Ahli	- 13/13
5	Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan	Ahli	- 7/13
6	Sam Soh Siong Hoon	Ahli	Dilantik pada 25 November 2010 8/8
7	Dato' Gan Ah Tee	Ahli	Bersara pada 28 April 2011 10/10
8	Yeo Tek Ling	Ahli	Bersara pada 25 September 2010 3/3

### JAWATANKUASA PENCALONAN (NC)

NC telah ditubuhkan oleh Majlis dan objektif utamanya ialah membentuk mekanisme bagi penilaian formal setiap calon sebelum beliau dicadangkan kepada Majlis untuk dilantik ke Jawatankuasa Institut.

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa telah mengadakan 6 mesyuarat bagi mencalonkan beberapa ahli jawatankuasa untuk mendapat kelulusan Majlis.

NC terdiri daripada Presiden, Naib Presiden, 2 ahli Majlis dan wakil daripada Jabatan Akauntan Negara dan Jawatankuasa akan mengadakan mesyuarat sekiranya perlu.

Kehadiran mesyuarat NC adalah seperti berikut:

No.	Nama	Status	Kehadiran
1	Abdul Rahim Abdul Hamid	Pengerusi	- 4/6
2	Christina Constance Foo	Ahli	- 6/6
3	Datuk Wan Selamah Wan Sulaiman	Ahli	- 6/6
4	Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan	Ahli	- 3/6
5	Dato' Gan Ah Tee	Ahli	Bersara pada 28 April 2011 4/5
6	Yong Teck Ling	Ahli	Bersara pada 25 September 2010 1/1

## JAWATANKUASA AUDIT DAN PENGURUSAN RISIKO (ARMC)

ARMC ditubuhkan oleh Majlis dan objektif utama ARMC ialah membantu Majlis dalam memenuhi tanggungjawab pengawasan terhadap sistem kawalan dalaman, pelaporan kewangan, proses pengurusan risiko dan tadbir urus Institut.

ARMC terdiri daripada 5 orang ahli Majlis yang bukan ahli EXCO. Bidang Tugas ARMC telah diluluskan oleh Majlis. Antara Bidang Tugas ARMC ialah:

1. Meluluskan Piagam Audit Dalaman yang menjelaskan tanggungjawab dan bidang kuasa fungsi audit dalaman;
2. Meluluskan Pelan Audit Dalaman;
3. Menyemak penemuan oleh Juruaudit Dalaman (IA), Juruaudit Luaran dan Jabatan Audit Negara;
4. Menyemak penyata kewangan interim dan tahunan Institut serta dasar perakaunan dan keperluan pelaporan; dan

5. Memberi nasihat bagi pelaksanaan Rangka kerja Pengurusan Risiko Organisasi serta menyemak profil risiko utama Institut.

Dalam tahun kewangan, Jawatankuasa telah mengadakan 3 mesyuarat dan antara aktiviti-nya ialah:

1. Menyemak Penyata Kewangan Akhir Tahun/Interim/Akaun Pengurusan Bulanan Institut;
2. Menyemak Laporan Audit Luaran/Laporan Audit Dalaman seperti semakan Tadbir Urus Bagi Penyata Kewangan Interim/Akhir Tahun IAM, juruaudit luaran yang dilantik oleh AG telah dijemput untuk menghadiri mesyuarat ARMC untuk membangkitkan sebarang isu kepada Jawatankuasa;
3. Menyemak Laporan Profil Risiko Utama IAM; dan
4. Membangkitkan sebarang isu yang berkaitan kepada Majlis untuk pertimbangan.

Kehadiran mesyuarat ARMC adalah seperti berikut:

No.	Nama	Status	Kehadiran	
1	Heng Ji Keng	Pengerusi	-	3/3
2	Lam Kee Soon	Pengerusi	Bersara pada 25 September 2010	1/1
3	Alex Ooi Thiam Poh	Ahli	-	1/3
4	Prof. Dr. Norman Mohd Saleh	Ahli	-	2/3
5	Dato' Narendra Kumar Jasani	Ahli	Dilantik pada 25 November 2010	2/2
6	Subramaniam A.V. Sankar	Ahli	Dilantik pada 25 November 2010	2/2
7	Dr. Kalsom Salleh	Ahli	Bersara pada 24 November 2010	1/1

# Penyata Kawalan Dalaman

## Pengenalan

Sebagai badan berkanun kepada Kerajaan Pusat, tiada keperluan bagi MIA untuk mengeluarkan penyata kawalan dalaman dalam Laporan Tahunan kami. Walaubagaimanapun, sebagai amalan tadbir urus yang baik, penyata ini telah disediakan, dimana berkenaan, berdasarkan kepada garis panduan yang telah dikeluarkan kepada syarikat-syarikat awam tersenarai.

## Tanggungjawab Majlis

Majlis sedia maklum bahawa sistem kawalan dalaman yang baik adalah asas penting untuk menjadikan operasi lebih efektif dan efisien, laporan kewangan yang berkesan, pematuhan undang-undang dan peraturan-peraturan yang terpakai. Namun, Majlis maklum bahawa sistem ini diwujudkan bagi menguruskan

risiko secara bersepadu dan terkawal bagi mencapai objektif-objektif Institut. Oleh itu, sistem ini hanya memberikan jaminan yang munasabah dan bukan muktamad terhadap berlakunya salahnyata yang ketara, kehilangan dan penipuan.

## Pengurusan Risiko (RM)

Institut menganggap pengurusan risiko sebagai sebahagian penting daripada persekitaran kawalan Institut. Dasar dan proses pengurusan risiko Institut terkandung di dalam buku panduan Pengurusan Risiko Organisasi yang telah diluluskan oleh Majlis. Ketua Pegawai Operasi (COO) adalah Pegawai Risiko Institut dan Juruaudit Dalaman membantu proses aktiviti-aktiviti pengurusan risiko.

Dalam tahun kewangan, profil dan daftar risiko utama telah dibentangkan kepada ARMC/EXCO untuk disemak.



## PERSEKITARAN KAWALAN DALAMAN

### A. JAWATANKUASA–JAWATANKUASA IAM

Majlis disokong oleh beberapa Jawatankuasa dalam melaksanakan tanggungjawabnya. Setiap Jawatankuasa mempunyai bidang tugas yang jelas dan dibahagikan kepada beberapa jenis Jawatankuasa seperti berikut:

1. **Jawatankuasa Tadbir Urus**
2. **Jawatankuasa Berkanun**
3. **Jawatankuasa Pengawasan**
4. **Jawatankuasa Teknikal**
5. **Wakil Keahlian**
6. **Jawatankuasa Operasi/Pentadbiran**

Bagi jawatankuasa di bawah jenis 1 adalah seperti yang dinyatakan dalam Penyata Tadbir Urus dan untuk jawatankuasa-jawatankuasa jenis lain, butiran terperinci adalah seperti yang dinyatakan di bawah seksyen Jawatankuasa-jawatankuasa Lain dalam IAM.

### B. PENGURUSAN INSTITUT

Tanggungjawab untuk melaksanakan strategi dan operasi harian Institut diberikan kepada Pengurusan Institut. Bidang kuasa, tanggungjawab dan kebertanggungjawaban yang jelas telah diwujudkan bagi membolehkan objektif-objektif Institut dicapai. Struktur divisyen meningkatkan kebolehan setiap divisyen untuk menumpukan perhatian kepada fungsi sokongan utama di dalam Institut. Institut diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) yang juga merupakan Pendaftar. Pelantikan Pendaftar adalah berdasarkan Seksyen 12, Akta Akauntan 1967.

### C. JABATAN AUDIT DALAMAN (IA)

IA melaporkan terus kepada ARMC dan secara pentadbirannya kepada CEO. Piagam Audit Dalaman telah diluluskan oleh Majlis untuk mengawal bidang kuasa IA dalam menjalankan tanggungjawabnya. IA menyokong peranan pengawasan ARMC, iaitu, dengan memberikan jaminan bebas dan objektif dan aktiviti perundingan melalui penilaian dan penambahbaikan kecekapan pengurusan risiko, kawalan dan proses tadbir urus Institut.

Jabatan mengambil kira pendekatan berasaskan risiko dalam pengauditan dan melaksanakan semakannya berdasarkan pelan 2 tahun yang diluluskan oleh ARMC. Memandangkan risiko boleh berubah-ubah, IA diberi kuasa oleh ARMC untuk bertindak mengikut perubahan dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya.

Aktiviti-aktiviti untuk menyokong fungsi-fungsi di atas adalah:

- i. **Profil Risiko Utama Institut**—membantu dan menasihati Institut dalam aktiviti-aktiviti Pengurusan Risiko Organisasi Institut. Matriks Risiko Utama dan Daftar Risiko Utama MIA telah dibentangkan kepada EXCO dan ARMC, masing-masing pada bulan Julai 2010 dan Mac 2011. Lima Risiko Utama telah dikenal pasti dan kawalan sewajarnya telah dibuat atau dalam proses pelaksanaan bagi memastikan objektif Institut tercapai.
- ii. **Semakan secara berkala ke atas aktiviti-aktiviti Institut**—melaksanakan audit berasaskan risiko terhadap bidang risiko utama/aktiviti-aktiviti Institut yang diluluskan oleh ARMC. Laporan audit dalaman yang mengandungi risiko utama atas bahagian yang diaudit dan isu-isu penting yang dikenal pasti dan juga maklum balas dari unit-unit yang diaudit telah dikeluarkan dan dibincangkan dalam mesyuarat ARMC. Bahagian yang perlu penambahbaikan

telah dicadangkan dan dipersetujui oleh pihak pengurusan. Apabila perlu, ARMC turut mengeluarkan usul-usul untuk terus menambahbaikan proses-proses kawalan dalaman, pengurusan risiko dan proses pelaporan kewangan. IA juga dilantik sebagai juruaudit Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) dan telah menjalankan audit KKP pada tahun ini.

- iii. **Penambahbaikan berterusan terhadap—Kerangka Kerja Tadbir Urus Institut**—menjalankan semakan ke atas buku panduan operasi yang dikaji semula bagi tiga jabatan, memberi nasihat tentang penyediaan Bidang Tugas Jawatankuasa IAM dan mencadangkan proses audit interim dan audit akhir tahun untuk penyata kewangan IAM.

### E. AUDIT PENYATAKEWANGAN/AUDIT PENGURUSAN OLEH JABATAN AUDIT NEGARA (AGD)

Menurut Akta, IAM ditubuhkan sebagai badan berkanun di bawah Kementerian Kewangan dan diaudit oleh Ketua Audit Negara (KAN) menurut Akta Audit 1957 menerusi juruaudit luaran yang dilantik olehnya. Juruaudit luaran menjalankan audit interim dan akhir ke atas penyata kewangan Institut dan dijemput untuk membangkitkan sebarang isu dalam 2 mesyuarat ARMC. Sijil Penyata Kewangan telah dikeluarkan oleh KAN.

Jabatan Audit Negara (JAN) juga menjalankan Audit Pengurusan untuk menyemak pegurusan kewangan Institut dan pematuhan terhadap undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkenaan. JAN telah mengeluarkan laporan audit mereka dan pihak IAM telah pun memberi respon kepada laporan berkenaan. Penarafan yang dikenali Penarafan Bintang Indeks Akauntabiliti akan diberikan kepada Institut apabila mereka selesai memuktamadkan laporan audit dan proses penarafan.

### F. PROSES, DASAR DAN PROSEDUR UTAMA INSTITUT

Dalam tahun kewangan, proses, dasar dan prosedur utama berikut wujud sebagai sebahagian dari sistem kawalan dalaman kami:

- Had Kuasa (LOA) IAM menetapkan had kuasa untuk pelbagai peringkat dari Majlis sehingga peringkat kakitangan. LOA akan disemak apabila perlu.
- Buku Panduan Operasi untuk jabatan-jabatan telah diwujudkan dan sebahagiannya sedang disemak atau dibentuk.
- Proses belanjawan dan pelaporan yang terperinci telah diwujudkan. Belanjawan lengkap disediakan oleh unit operasi dan dibentangkan kepada EXCO dan Majlis untuk disemak dan diluluskan. Hasil kewangan dipantau dan dilaporkan kepada ARMC, EXCO dan Majlis pada setiap mesyuarat masing-masing.
- Sistem penilaian prestasi kakitangan yang seragam telah dilaksanakan, yang membolehkan penilaian prestasi setiap kakitangan berdasarkan KPI mereka.
- Kod Tatakelakuan telah dibentuk untuk ahli-ahli Majlis pada tahun 2008. Bagi kakitangan IAM, Kod untuk Etika Perniagaan dan Percanggahan Kepentingan telah dimasukkan ke dalam Buku Panduan Kakitangan.
- Sebagai ahli badan IFAC, IAM melaporkan pematuhannya terhadap Penyata Obligasi Keahlian seperti yang dikehendaki oleh Program Pematuhan Ahli Badan IFAC.

# Bab 1:

## Perkembangan Keahlian IAM

Sebagai sebuah organisasi yang berasaskan keahlian, Institut Akauntan Malaysia (IAM) memberi keutamaan kepada perkhidmatan keahlian dalam tugas hariannya. Bilangan para ahli meningkat setiap tahun, oleh itu bukanlah sesuatu yang mudah untuk memenuhi permintaan yang tinggi daripada para ahli.

### GAMBARAN KESELURUHAN

Pada 30 Jun 2011, keahlian mencatatkan jumlah 27,156 yang terdiri dari 27,000 Akauntan Bertauliah, lapan (8) Akauntan Berlesen dan 148 Ahli Bersekutu. Dalam tahun kewangan 2010/2011, 1,548 orang individu yang layak telah diterima menjadi ahli terdiri dari 1,531 Akauntan Bertauliah dan 17 Ahli Bersekutu. Peratusan kemasukan ahli baru meningkat sebanyak 22.3% berbanding tahun kewangan yang lepas.

Daripada jumlah 1,351 orang ahli Akauntan Bertauliah, 1,496 orang ahli memiliki kelayakan di bawah Bahagian I atau II, Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967 dan seramai 35 orang merupakan graduan Peperiksaan Kelayakan IAM. Sejumlah 274 permohonan telah diterima semula keahliannya dalam tahun kewangan yang sama.

#### \* **Bahagian I, Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967**


- Diploma Perakaunan, Universiti Malaya (sehingga peperiksaan sesi 1981/82)
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Malaya
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia
- Diploma Lanjutan Perakaunan, Institut Teknologi MARA / Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Teknologi MARA
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Utara Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Putra Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Sains Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), (Teknologi Maklumat), Universiti Utara Malaysia
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Tenaga Nasional (yang program akademik pertamanya bermula dari tahun 2002/2003 dan seterusnya)
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Multimedia (yang program akademik pertamanya bermula dari tahun 2002/2003 dan seterusnya)
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaysia Terengganu
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Malaysia Sabah
- Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian), Universiti Industri Selangor

#### \*\* **Bahagian II, Jadual Pertama Akta Akauntan, 1967**

- Malaysian Institute of Certified Public Accountants
- Institute of Chartered Accountants of Scotland
- Institute of Chartered Accountants In England & Wales
- Institute of Chartered Accountants in Ireland
- Association of Chartered Certified Accountants (United Kingdom)
- Institute of Chartered Accountants in Australia
- CPA Australia
- New Zealand Institute of Chartered Accountants
- Canadian Institute of Chartered Accountants
- Institute of Chartered Accountants of India
- Chartered Institute of Management Accountants (United Kingdom)

Merujuk kepada Kaedah 7(1), Kaedah-kaedah MIA (Keanggotaan dan Majlis) 2001, Pendaftar, atas arahan Majlis telah menggugurkan seramai 798 orang ahli dari Daftar Keahlian kerana gagal membayar yuran keahlian dalam tempoh yang ditetapkan. Dua (2) orang ahli telah digugurkan keahlian atas sebab tindakan tatatertib. Sejumlah 41 orang ahli meletak jawatan dan 19 orang ahli meninggal dunia pada tahun kewangan ini.

**GRAF 1: PERTUMBUHAN KEAHLIAN SEJAK 1983 (SEHINGGA 30 JUN 2011)**




Demografi keahlian seperti yang berikut:

**JADUAL 1: TABURAN GEOGRAFI KEAHLIAN (SEHINGGA 30 JUN 2011)**


*\*Termasuk WP Labuan*

NEGERI	CA	LA	AM	JUMLAH
Perlis	48		19	67
Kedah	480	1	14	495
Pulau Pinang	1,740	1	3	1,744
Perak	854	3	3	860
Selangor	10,801	1	36	10,838
Wilayah Persekutuan*	6,526	1	14	6,541
Negeri Sembilan	509		3	512
Melaka	488		6	494
Johor	1,569	1	6	1,576
Pahang	315		18	333
Terengganu	213		9	222
Kelantan	168		4	172
Sarawak	1,461		6	1,467
Sabah	869		2	871
Luar Negara	959		5	964
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>27,000</b>	<b>8</b>	<b>148</b>	<b>27,156</b>


**GRAF 2: KEAHLIAN MENGIKUT UMUR (SEHINGGA 30 JUN 2011)**



**CARTA 1: KEAHLIAN MENGIKUT JANTINA (SEHINGGA 30 JUN 2011)**



**CARTA 2: KEAHLIAN MENGIKUT SEKTOR (SEHINGGA 30 JUN 2011)**



**PENGELUARAN SIJIL AMALAN DAN FIRMA-FIRMA AHLI**

**JADUAL 2: KEDUDUKAN SIJIL AMALAN YANG DIKELUARKAN**

Kategori	Jumlah pada 30/06/2010	Permohonan baru	Permohonan semula	*Pembatalan	Jumlah pada 30/06/2011
Akauntan Bertauliah	2490	109	14	-95	2518
Akauntan Berlesen	5	-	-	-	5
<b>Jumlah</b>	<b>2495</b>	<b>109</b>	<b>14</b>	<b>-95</b>	<b>2523</b>

\*Pembatalan atas sebab gagal membayar yuran sijil amalan (10), tidak memulakan amalan dalam tempoh 6 bulan dari tarikh pengeluaran (42), menamatkan amalan (35) dan pemegangnya telah meninggal dunia (8).

Dalam tahun kewangan ini, 82 buah firma telah berdaftar dengan Institut yang terdiri dari 32 buah firma audit dan 50 buah firma bukan audit. Institut juga mengeluarkan pendaftaran bagi 28 buah firma audit dan 40 buah firma bukan audit kerana telah menamatkan operasi. Tujuh (7) buah firma audit telah digantung atas sebab tidak aktif dan menunggu dokumentasi dari Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) untuk dikeluarkan pendaftarannya.

**JADUAL 3: KEDUDUKAN FIRMA AHLI (SEHINGGA 30 JUN 2011)**

Kategori	Jumlah pada 30/06/2010	Baru	Dikeluarkan	Digantung	Jumlah pada 30/06/2011
Audit	1356	32	-28	-7	1353
Bukan Audit	680	50	-40	-0	690
<b>Jumlah</b>	<b>2036</b>	<b>82</b>	<b>-68</b>	<b>-7</b>	<b>2043</b>

Jadual yang berikut menunjukkan taburan firma-firma ahli (audit dan bukan audit) berdaftar dengan Institut.

**JADUAL 4: FIRMA-FIRMA AHLI MENGIKUT NEGERI (SEHINGGA 30 JUN 2010 DAN 30 JUN 2011)** \*Termasuk WP Labuan

NEGERI	PADA 30 JUN 2010			PADA 30 JUN 2011		
	Firma Audit	Firma Bukan Audit	Jumlah	Firma Audit	Firma Bukan Audit	Jumlah
Perlis	1	1	2	1	1	2
Kedah	27	18	45	28	19	47
Pulau Pinang	109	38	147	106	43	149
Perak	54	48	102	53	51	104
Selangor	278	189	467	286	183	469
Wilayah Persekutuan*	504	201	705	493	206	699
Negeri Sembilan	19	15	34	20	14	34
Melaka	31	15	46	30	15	45
Johor	124	82	206	127	80	207
Pahang	24	8	32	24	6	30

Jadual 4: Firma-firma Ahli Mengikut Negeri (sambung)

NEGERI	PADA 30 JUN 2010			PADA 30 JUN 2011		
	Firma Audit	Firma Bukan Audit	Jumlah	Firma Audit	Firma Bukan Audit	Jumlah
Terengganu	10	1	11	10	3	13
Kelantan	11	5	16	11	5	16
Sarawak	80	28	108	80	32	112
Sabah	84	31	115	84	32	116
<b>JUMLAH</b>	<b>1356</b>	<b>680</b>	<b>2036</b>	<b>1353</b>	<b>690</b>	<b>2043</b>

Kesemua firma yang berdaftar dengan IAM dikehendaki mengemukakan penyata tahunan ke IAM dalam talian. Kaedah tanpa kertas ini telah menambah baik proses mengemas kini penyata tahunan firma dan pada masa yang sama sejajar dengan komitmen Institut ke arah persekitaran hijau dengan mengurangkan penggunaan kertas.

Seksyen 510 Undang-undang Kecil IAM memperuntukkan semua para ahli dalam amalan awam memiliki polisi insurans indemniti profesional (PII) dengan perlindungan minima sebanyak RM100,000 sebaik memulakan amalan. Dengan sukacita kami ingin melaporkan bahawa 98% ahli amalan awam telah mematuhi undang-undang tersebut. Para pengamal yang gagal mematuhi undang-undang tersebut akan dirujuk ke Jawatankuasa Penyiasatan atas sebab ketidakpatuhan.

## INISIATIF PRO-AKTIF

Jabatan Perkhidmatan Keahlian telah terlibat dengan aktifnya dalam menggalakkan keahlian Institut kepada mereka yang berkelayakan. Aktiviti-aktiviti yang berikut telah diadakan untuk memberi kesedaran tentang profesion ini dan menyumbang kepada peningkatan keahlian dalam jangka masa panjang.

- Lawatan korporat ke firma-firma dan organisasi-organisasi;
- Menyampaikan taklimat berkumpulan;
- Menyertai seminar/forum/jerayawara;
- Menyertai pameran anjuran persatuan-persatuan/badan-badan professional dengan membeli tapak pameran; dan
- Mengadakan ceramah pra kemasukan dan hari pendaftaran.

IAM juga memantau iklan-iklan yang disiarkan dalam akhbar-akhbar tempatan untuk jawatan 'akauntan' dan jawatan lain yang berhubung kait dengan profesion. Usaha ini diharap dapat mewujudkan kesedaran di kalangan para majikan dan juga mendidik mereka tentang keperluan menjawat hanya ahli IAM untuk jawatan-jawatan ini seperti yang diperuntukkan dalam Akta Akauntan, 1967. Dalam tempoh tahun kewangan ini, lebih dari 250 pucuk surat telah dikeluarkan kepada pengiklan-pengiklan.

## PERKHIDMATAN TAMBAH NILAI

### 'HELPDESK'

Borang *MIA e-feedback* yang dihasilkan dalam laman web pada Mei 2009 telah menarik minat para ahli dan bukan ahli untuk menghantar pertanyaan mereka. Sehingga 30 Jun 2011, MIA telah menerima lebih daripada 850 maklumbalas yang dihantar melalui borang *e-feedback*. Para ahli menggunakan saluran ini untuk menghantar soalan dan akan dijawab oleh jabatan yang berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan. Unit *Helpdesk* berusaha meningkatkan perkhidmatan yang disediakan oleh Institut melalui kaji selidik dan maklum balas daripada para ahli.

### PUSAT SUMBER

Pusat Sumber mempunyai satu sudut yang menjual penerbitan perakaunan yang terkini. Buku-buku ini dijual pada harga yang lebih rendah berbanding harga runcit sebagai satu khidmat kepada para ahli dan pelajar. Pusat ini sentiasa menyusun dan memuat naik keratan akhbar yang berkaitan perakaunan pada setiap hari Rabu di laman web Institut di [www.mia.org.my](http://www.mia.org.my).

### JADUAL 5:

#### ACARA YANG DISERTAI DALAM TAHUN KEWANGAN

Inisiatif	Bilangan Acara
Lawatan Korporat	13
Pameran / Seminar	12
Ceramah Kerjaya	12
Ceramah Pra kemasukan dan Hari Pendaftaran	11

### LINDUNGI BUMI, KURANGKAN PENGGUNAAN KERTAS

Sebaran maklumat kepada para ahli adalah penting, walau bagaimanapun IAM sentiasa mencari cara yang terbaik yang mengurangkan kesan kepada persekitaran. Bermula dari 1 Jun 2011, majalah 'Accountants Today' diterbitkan setiap dua bulan berbanding terbitan bulanan sebelum ini.

### PEJABAT-PEJABAT WILAYAH

Empat pejabat-pejabat Wilayah IAM (Johor, Wilayah Utara, Sabah dan Sarawak) terus menyokong usaha Kuala Lumpur dengan menjalankan fungsi-fungsi berikut:

- menganjur dan mengadakan program MPDC;
- membantu pemohon-pemohon baru untuk keahlian dan Peperiksaan Kelayakan;
- mempromosikan kepentingan profesion perakaunan; dan
- menyediakan bantuan kepada para ahli dan pihak berkepentingan yang bernaung di wilayah mereka.

# Bab 2: Membuka Laluan ke Pengiktirafan Antarabangsa

Peranan IAM dalam menyokong dan menggalakkan pembangunan pendidikan perakaunan dalam negara kini kian mencabar kerana Institut mempunyai tanggungjawab untuk memastikan kedua-dua golongan profesional yang ada pada masa kini dan juga yang bakal lahir pada masa hadapan dapat menghadapi cabaran global di samping kekal relevan terhadap keperluan masyarakat. Oleh itu, IAM perlu bertindak sebagai pemangkin dalam memikul harapan pihak-pihak yang berkepentingan dan menyediakan saluran yang efisien supaya kedua-dua golongan ini sentiasa peka dengan perkembangan pendidikan perakaunan.

Pada masa yang sama, IAM juga menyumbang dan menyertai aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh Jawatankuasa Lembaga Piawaian Pendidikan Perakaunan Antarabangsa (IAESB) di bawah Persekutuan Perakaunan Antarabangsa (IFAC) untuk memastikan pendidikan perakaunan di negara ini menepati piawaian global.

## INISIATIF

Untuk memastikan kompetensi para ahli, MIA menjalankan beberapa inisiatif pro-aktif.

### Peperiksaan Kelayakan IAM (MIA QE)

Peperiksaan Kelayakan IAM yang ke-15 dan ke-16 telah dijalankan dari 28 hingga 29 September 2010 dan 29 hingga 30 Mac 2011. Lima buah pusat peperiksaan dipilih, iaitu Universiti Teknologi MARA (UiTM) di Shah Alam (296 calon) dan Pejabat Wilayah IAM di Johor Bahru, Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching (232 calon).


Keputusan mata pelajaran Percukaian, Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Lanjutan bagi peperiksaan bulan September 2010, masing-masing menunjukkan peningkatan kepada 54% dan 31% berbanding peperiksaan bulan Mac 2010. Lapan orang calon telah mendapat kepujian dalam pelbagai mata pelajaran.

Bagi peperiksaan bulan Mac 2011, keputusan mata pelajaran Perkhidmatan Pengauditan dan Asurans juga meningkat sedikit berbanding peperiksaan yang lepas. Namun, prestasi calon dalam mata pelajaran Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Lanjutan menunjukkan penurunan yang mendadak. Sepuluh orang calon mendapat kepujian untuk setiap mata pelajaran iaitu Percukaian, Undang-undang Perniagaan dan Syarikat serta Perkhidmatan Pengauditan dan Asurans.

Seramai dua puluh enam orang calon telah berjaya menamatkan peperiksaan dan ini telah meningkatkan bilangan graduan kepada 152 orang secara keseluruhannya. Analisis terperinci keputusan peperiksaan bagi bulan September 2010 dan Mac 2011 adalah seperti yang berikut.

**JADUAL 1: KEPUTUSAN PEPERIKSAAN KELAYAKAN SEPTEMBER 2010**

GREED	CUKAI	BCL	AFAR	AUD
Lulus dengan Kejujian	1	2	3	2
Lulus	34	19	20	10
Gagal	30	32	52	32
Tidak hadir	18	19	11	11
<b>JUMLAH</b>	<b>83</b>	<b>72</b>	<b>86</b>	<b>55</b>




PETUNJUK	
CUKAI	Percukaian
BCL	Undang-undang Perniagaan dan Syarikat
AFAR	Perakaunan dan Pelaporan Kewangan Lanjutan
AUD	Perkhidmatan Pengauditan dan Asurans



**JADUAL 2: KEPUTUSAN PEPERIKSAAN KELAYAKAN MAC 2011**

GRED	CUKAI	BCL	AFAR	AUD
Lulus dengan Kepujian	3	2	0	5
Lulus	20	25	10	12
Gagal	21	31	44	30
Tidak hadir	9	6	6	8
<b>JUMLAH</b>	<b>53</b>	<b>64</b>	<b>60</b>	<b>55</b>



**PROGRAM TUISYEN MATAPELAJARAN QE IAM**

Untuk kali yang ketiga, IAM menjalankan program tuisyen QE IAM dari Mei 2010 hingga September 2010 bagi calon yang mendaftar menduduki peperiksaan pada bulan September 2010. Sejumlah 124 orang calon menyertai program tuisyen yang diadakan di Pusat Sumber IAM di Kuala Lumpur, dengan fasilitator dari bidang akademik dan juga amalan awam.

Objektif program tuisyen ini ialah untuk membimbing para calon memahami mata pelajaran QE dan teknik-teknik peperiksaan menerusi pendekatan yang sistematik dan menyeluruh. Berdasarkan kepada analisis keputusan, calon yang menghadiri program tuisyen QE yang ketiga, ramai telah mendapat keputusan yang baik, terutamanya untuk mata pelajaran Percukaian. Daripada 42 orang calon yang mendaftar kelas tuisyen Percukaian, seorang daripada mereka telah mendapat kepujian dan 22 orang lulus.

Program kali ke 4 diadakan dari November 2010 hingga Mac 2011 untuk para calon yang mendaftar peperiksaan bulan Mac 2011. Sejumlah 108 orang calon telah menyertai program ini. Analisis menunjukkan ramai calon yang menghadiri kelas ini mendapat keputusan yang baik dalam peperiksaan yang mana tujuh orang calon mendapat kepujian dalam pelbagai mata pelajaran.

**MAJLIS PENYAMPAIAN SIJIL QE IAM**

IAM menganjurkan majlis penyampaian sijil untuk mengiktiraf 32 orang calon yang lulus peperiksaan kelayakan IAM bagi bulan Mac dan September 2010. Lapan belas orang calon juga telah dianugerahkan dengan Sijil Kecemerlangan kerana lulus beberapa mata pelajaran QE dengan kepujian. Majlis yang diadakan pada 20 Disember 2010 bertempat di Auditorium SSM merupakan majlis penyampaian sijil QE yang kedua anjuran IAM.

**AKREDITASI**

IAM diberi kuasa di bawah Akta Akauntan, 1967 untuk menentukan kelayakan seseorang untuk menjadi ahli IAM. Fungsi ini adalah perlu untuk memastikan kelayakan yang diiktiraf di bawah Akta memenuhi piawaian dan kualiti yang dikehendaki oleh IAM. Melalui fungsi ini, IAM menerima kemasukan akauntan yang berkelayakan, kompeten dan profesional sebagai ahli yang kemudiannya mampu memenuhi keperluan awam.

Pada Mesyuarat Agung Tahunan yang ke-24 yang diadakan pada 25 September 2010, kelayakan berikut telah dibentangkan dan diluluskan oleh para ahli sebagai kelayakan yang diiktiraf dalam Bahagian I, Jadual Pertama, Akta Akauntan, 1967:

- Peperiksaan akhir Universiti Industri Selangor untuk Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian).

Proses semakan untuk akreditasi ke atas permohonan dari Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) bagi program Ijazah Sarjana Muda Perakaunan masih dijalankan. Jawatankuasa Badan Bertindak untuk setiap kelayakan telah pun mengemukakan laporan penilaian terakhir kepada Jawatankuasa Pendidikan untuk pertimbangan yang sewajarnya.

**PROGRAM PENGALAMAN RELEVAN AKAUNTAN BERTAULIAH (CARE)**

Institut telah memperkemas sistem pemantauan pengalaman kerja para graduan untuk kemasukan sebagai akauntan bertauliah melalui satu program terbaru dikenali sebagai Pengalaman Relevan Akauntan Bertauliah (CARE). Program ini mensyaratkan pelbagai kompetensi yang perlu dimiliki oleh calon sebelum layak digelar akauntan bertauliah. Program CARE memerlukan setiap graduan diselia oleh seorang mentor. Setelah berdaftar, graduan perlu berterusan mengemas kini pengalaman kerja dalam buku log CARE dan mendapat pengesahan dari mentornya.

Semenjak ia diperkenalkan pada 1 November 2001, daripada 1,425 orang graduan yang berdaftar di bawah program ini, 402 orang telah pun menjadi ahli IAM.

**KAJIAN KES INTEGRASI**

Aktiviti berterusan ini dijalankan dengan penglibatan daripada para ahli akademik dan pengamal. Objektif utama ialah untuk menghasilkan kes-kes yang boleh digunakan oleh universiti-universiti sebagai alat mengajar dalam kursus Kajian Kes Integrasi (ICS).

Kementerian Pengajian Tinggi (MOHE) telah membiayai projek pembangunan ICS. Jilid pertama ICS yang mengandungi sembilan (9) kes telah dilancarkan oleh MOHE pada 20 Julai 2010. Terbitan kedua ICS kini berada pada tahap akhir. Dua buah bengkel dan beberapa mesyuarat telah dijalankan bersama pihak yang berkenaan. Jilid kedua ICS dijangka bakal diterbitkan pada September 2011.

**PROGRAM PERANTARA**

Program perantara ialah satu kelayakan baru yang dibangunkan oleh IAM. Program ini memberi peluang kepada mereka yang telah lama bekerja dalam bidang berkaitan perakaunan tetapi tidak dapat memperkembangkan kerjaya kerana mempunyai batasan dalam kelayakan untuk mencartakan kerjaya mereka dan seterusnya menjadi ahli IAM.

## Bab 2: Membuka Laluan ke Pengiktirafan Antarabangsa

Program perantara ini masih dalam proses pembangunan. Beberapa perbincangan telah dijalankan dengan pihak universiti untuk bekerjasama dan membentuk program ini.

### HUBUNGAN DENGAN PIHAK BERKEPENTINGAN YANG UTAMA

IAM berterusan bekerjasama dengan pihak berkepentingan melalui pelbagai kaedah bagi memastikan kredibiliti para akauntan dikekalkan dan pada masa yang sama meningkatkan kepentingan dalam profesion. Seterusnya, IAM juga ingin menjadikan dirinya sebagai platform yang mengangkat profesion untuk memastikan komunikasi dengan pihak berkepentingan yang utama menjadi lebih jelas terutamanya terhadap isu-isu yang penting kepada pembangunan profesion.

Dalam tempoh yang dilaporkan, pelbagai aktiviti telah dijalankan:

#### 1. Perbincangan Meja Bulat

Pada 9 Februari 2011, Perbincangan Meja Bulat telah diadakan dengan ahli akademik bagi mengenalpasti langkah yang boleh diambil untuk menjadikan CA (M) sebagai kelayakan global. Sesi ini merupakan inisiatif yang ke-empat yang dijalankan oleh IAM untuk membentuk hubungan rapat dengan ahli akademik. Objektifnya ialah untuk membincang dan mendapatkan maklum balas dan bertukar pendapat di kalangan universiti-universiti dalam membentuk strategi pendidikan perakaunan Malaysia untuk memenuhi piawaian pendidikan global pada masa hadapan. Dua puluh orang peserta daripada universiti awam dan swasta menghadiri sesi ini dan perbincangan tersebut dipengerusikan oleh Presiden IAM, Abdul Rahim Abdul Hamid. Turut hadir bersama ialah Timbalan Presiden MIA, Christina Constance Foo dan Ketua Pegawai Eksekutif, Rosli Abdullah.

#### 2. Ceramah Kesedaran dan Kerjaya

Dalam menggalakkan pembangunan profesion perakaunan di semua peringkat, IAM menjalankan ceramah kesedaran dan kerjaya di Institusi-institusi Pengajian Tinggi dan sekolah-sekolah. Sesi ini memfokuskan kepada mendidik dan memupuk minat di kalangan para pelajar untuk mempertimbangkan perakaunan sebagai pilihan kerjaya pada masa hadapan. Para pelajar didedahkan kepada panduan untuk menjadi akauntan dan kepentingan berdaftar sebagai ahli. Ahli IAM telah dijemput untuk menyampaikan ceramah kepada kumpulan ini untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan mereka dalam profesion perakaunan dengan tujuan untuk memberi kesan mendalam dalam sesi tersebut.

#### 3. Kerjasama dengan Sektor Pendidikan, Majlis Amanah Rakyat (MARA)

Sebagai satu inisiatif untuk mendidik para pendidik tentang IAM dan profesion perakaunan, pada 22 Februari 2011, IAM dan Bahagian Pendidikan Menengah MARA telah menganjurkan 'Kursus Pemantapan Prinsip Perakaunan'. Seramai 37 orang guru perakaunan dari Maktab Rendah Sains Mara seluruh negara hadir ke majlis itu. Wakil dari IAM, Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) hadir untuk memberi ceramah kesedaran berkaitan profesion perakaunan serta menyebarkan maklumat tentang kursus-kursus perakaunan yang ditawarkan oleh setiap universiti.

Pada 27 hingga 29 Jun 2011, IAM dengan Bahagian Pendidikan Tinggi MARA telah menganjurkan Seminar Piawaian Pelaporan Kewangan (FRS) untuk 40 orang pensyarah Kolej Profesional MARA dari seluruh Malaysia. Seminar tersebut bertujuan untuk membimbing dan mengemas kini para pensyarah tentang piawaian FRS dan memberi penerangan tentang Penumpuan IFRS 2012. Seminar tersebut telah dijalankan dengan jayanya oleh Profesor Madya Jane Magdalene Vimola Lazar, dari Fakulti Perakaunan, UiTM Shah Alam. IAM juga menjemput wakil MASB untuk memberi ceramah tentang Penumpuan IFRS dan isu-isu di Malaysia.

IAM merancang untuk menganjurkan jerayawara bersama MRSM sekali lagi, iaitu 'Perakaunan: Seminar Pendidikan dan Kerjaya' yang ditumpukan untuk para pelajar Tingkatan 4 & 5, guru-guru dan kaunselor. Jerayawara yang dicadangkan telah dipersetujui oleh Bahagian Pendidikan Menengah MARA dan akan diadakan mulai bulan Januari 2012.

### JADUAL 3: CERAMAH KESEDARAN DAN KERJAYA (JULAI 2010–JUN 2011)

KATEGORI	SESI
Sekolah Menengah	3
Institusi Pengajian Tinggi (Awam)	8
Institusi Pengajian Tinggi (Swasta)	19
Institusi Pengajian Tinggi (ASEAN)	2
<b>JUMLAH</b>	<b>32</b>

# Bab 3:

# Bakat Tempatan, Pandangan Global

Ketika ini adalah masa mencabar bagi profesion perakaunan. Kemaraan globalisasi dalam persekitaran perniagaan yang semakin kompetitif serta kompleks merupakan faktor yang menentukan kerelevanan profesion.

IAM terus memainkan peranan yang efektif bagi memastikan ahlinya terus relevan dalam persekitaran perniagaan masa kini. Ia dijalankan dengan dua fungsi penting:

1. Menjana pengetahuan dan mengumpul maklumat menerusi unit-unit seperti piawaian dan amalan profesional, akauntan profesional dalam perniagaan dan amalan awam. IAM juga mengambil bahagian dalam badan-badan perakaunan global dan serantau seperti Persekutuan Akauntan Antarabangsa (IFAC), Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA) dan Persekutuan Akauntan Asia dan Pasifik (CAPA). Ia juga bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan yang berkaitan untuk mendapatkan lebih pengetahuan dan lebih memahami perkembangan dan isu-isu yang berkait dengan profesion.
2. Penyebaran pengetahuan kepada profesion menerusi Pusat Pengembangan Profesional IAM (MPDC), sesi taklimat eksklusif dan e-pembelajaran.

## **MENINGKATKAN PERIKATAN ANTARABANGSA**

IAM mempromosikan kepentingan profesion di Malaysia secara berterusan dengan berhubung secara aktif dan meningkatkan kerjasama juga kolaborasi dengan pelbagai badan-badan perakaunan di peringkat antarabangsa dan serantau. Menerusi Jabatan Hal Ehwal Antarabangsa dan Projek Khas, IAM juga memantau trend dan perkembangan global yang memberi kesan kepada profesion perakaunan tempatan di samping proses globalisasi dan liberalisasi perdagangan dalam perkhidmatan di peringkat pelbagai hala, serantau dan dua hala.

IAM mengambil bahagian dalam pelbagai aktiviti di peringkat antarabangsa dalam tahun yang dilaporkan. Antaranya:

### **Globalisasi dan Liberalisasi**

IAM mengekalkan kerjasama rapat dengan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melibatkan rundingan dalam perdagangan pelbagai hala dalam perkhidmatan untuk sektor Perakaunan, Pengauditan dan Perkhidmatan Simpan Kira (CPC 862) di bawah Perjanjian Umum Perdagangan dalam Perkhidmatan (GATS) dan Perjanjian Kerangka mengenai sektor Perkhidmatan ASEAN (AFAS). Bagi Perjanjian Perdagangan Bebas (FTAs) yang lain, pada masa kini Malaysia berunding secara individu atau sebagai sebahagian dari ASEAN, termasuklah Perkongsian Trans Pasifik, yang mana buat pertama kalinya Malaysia perlu menggunakan pendekatan senarai negatif.

IAM akan terus memantau perkembangan semua perundingan ini untuk memastikan kedudukan dan kepentingan para ahli dan firma ahli tidak terjejas dalam menghadapi tekanan luar yang timbul daripada liberalisasi perdagangan dalam perkhidmatan.

Pandangan IAM diambil kira terhadap pelbagai isu melibatkan liberalisasi perdagangan dalam perkhidmatan dan ekonomi negara secara keseluruhannya, selaras dengan inisiatif Kerajaan dalam menghasilkan Model Baru Ekonomi (MBE). Dalam tahun yang dilaporkan, IAM dijemput untuk mengambil bahagian dalam MBE/Makmal Inisiatif Reformasi Strategik (SRI) mengenai Liberalisasi yang dijalankan oleh Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), Jabatan Perdana Menteri dari Februari hingga April 2011. Makmal tersebut telah diberi tugas mengeluarkan usul-usul yang boleh mempercepatkan liberalisasi sektor perkhidmatan di negara ini.

### **Organisasi Serantau**

#### **Persekutuan Akauntan ASEAN (AFA)**

IAM terus memainkan peranan aktif dan menerajui AFA dengan memegang jawatan Presiden AFA untuk tahun ke-dua.

IAM meneruskan tugasnya sebagai penyelenggara laman web AFA—yang pada masa kini dilakukan oleh Jabatan Korporat dan Hal Ehwal Antarabangsa Institut dengan sokongan teknikal dari Jabatan IT. Laman web mengandungi maklumat mengenai semua ahli Utama dan Bersekutu AFA dan juga maklumat terkini tentang AFA, aktiviti-aktiviti ahli dan berita-berita perakaunan antarabangsa.

IAM terus mengetuai usaha mengeluarkan penerbitan AFA seperti Laporan Tahunan AFA 2010 yang menyenaraikan inisiatif-inisiatif yang dijalankan sepanjang tahun oleh AFA menurut Pelan Strategik dan Operasi, di samping mengemas kini 'Easy Guide to Setting Up Accountancy Practices in ASEAN Countries' AFA-ACCA dan menerbitkan Garis Panduan Permohonan Keahlian Bersekutu AFA di laman web AFA.

Di samping menerbitkan dan mengemas kini Pelan Tindakan IAM, Institut turut aktif membantu rakan negara ahli AFA seperti Brunei, Kemboja dan Vietnam dalam merumus dan mengedit Pelan Tindakan Pematuhan IFAC SMO.

Dalam tahun yang dilaporkan, tiga mesyuarat Majlis AFA telah diadakan yang mana dua daripadanya dihoskan oleh IAM.

#### **Persekutuan Akauntan Asia dan Pasifik (CAPA)**

Pada bulan Mac 2011, IAM memutuskan untuk menamatkan keahlian dalam CAPA. Ini dibuat setelah mengkaji kerelevanan dan keperluan untuk berada dalam dua buah organisasi serantau pada masa yang sama.

Sebelum ini, IAM merupakan ahli CAPA yang aktif dan juga ahli Lembaga CAPA. IAM turut terlibat dalam Jawatankuasa

Strategik dan Kewangan, yang melibatkan pembentukan strategi CAPA dan menyelia kejayaan pelaksanaannya. Jawatankuasa tersebut turut menyelia operasi dan kewangan CAPA untuk mencapai objektif-objektif, antara lainnya.

#### **KERJASAMA DAN PERHUBUNGAN DENGAN PIHAK-PIHAK BERKEPENTINGAN BERHUBUNG PERKARA-PERKARA TEKNIKAL**

Jabatan PSP menggalakkan pematuhan terhadap piawaian dan amalan profesional bagi memastikan kelakuan para ahli kekal mendapat keyakinan dan kepercayaan dari orang awam. Bagi menyokong fungsi-fungsi teknikalnya, iaitu perakaunan dan FRSIC; pengauditan dan asurans; etika dan urus tadbir; juga percukaian, Jabatan PSP telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut dalam tahun kewangan yang dilaporkan:

1. November 2010, sesi dialog dengan MOF, IRB dan MASB telah diadakan untuk membincangkan perkara berhubung implikasi cukai berkait dengan pelaksanaan FRS. Ia merupakan proses berterusan yang mana Kertas Perbincangan telah dihantar awal dan diikuti dengan siri dialog sejak bulan Januari 2010.
2. Inisiatif berterusan dalam pelaksanaan MASB IC Interpretasi 15 “Perjanjian untuk Pembinaan Hartanah” berikutan piawaian baru yang dicadangkan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Antarabangsa. Inisiatif tersebut diubahsuai untuk turut mengambil kira keperluan piawaian baru yang dicadangkan.
3. Ogos 2010. Memberi taklimat tentang fungsi pembentukan piawaian IAM ke Lembaga Pengawasan Audit telah diadakan.
4. Ogos 2010. Membincangkan isu-isu teknikal berkaitan dengan penggunaan pakai undang-undang perbadanan dengan SSM. Ini merupakan isu-isu yang dibangkitkan oleh para ahli di Forum Konsultasi Amalan Korporat IAM (CPCF) 3/2010.
5. September 2010. Mengambil bahagian dalam perbincangan meja bulat media bertajuk Perspektif Global Tentang Urus Tadbir : Tauladan dari Timur dan Barat. Pembentangan IAM bertumpu kepada membentuk kesedaran awam tentang perbezaan dalam amalan urus tadbir Timur dan Barat.
6. September 2010. Mengambil bahagian dalam perbincangan meja bulat anjuran Institut Integriti Malaysia berkenaan isu-isu yang berkait dengan profesional perakaunan dalam industri pembinaan.
7. September 2010. Menyemak dan memberi komen kepada Lembaga Piawaian Pengauditan dan Asurans (IAASB) untuk: Draf Dedahan Piawaian Antarabangsa tentang Assurance Engagement (ISAE) 3420, Laporan Asurans tentang Proses untuk Mengumpul Maklumat Kewangan Pro Forma yang Termasuk dalam Prospektus.
8. November 2010. Menyemak dan memberi komen kepada IAASB untuk perkara berikut: Draf Dedahan Piawaian Antarabangsa Pengauditan (ISA) 315 (Disemak semula), Mengenal pasti dan Mentaksirkan Risiko Material Salah Pernyataan dengan Memahami Entiti dan Persekitarannya dan ISA 610 (Disemak), Menggunakan Kerja-kerja Juruaudit Dalaman.
9. Februari 2011. Menyemak dan memberi komen kepada IAASB untuk perkara berikut: Draf Dedahan Berkenaan Penarikan Penyata Pengauditan Antarabangsa Sedia ada (IAPSs) dan Penjelasan Status dan Kuasa IAPS yang Baru dan IAPS 1000, Pertimbangan Khas dalam Pengauditan Kompleks Instrumen Kewangan.
10. Mac 2011. Menyemak dan memberi komen kepada IAASB untuk perkara berikut: Draf Dedahan Piawaian Antarabangsa tentang Perkhidmatan Berkaitan (ISRS) 4410 (Disemak semula), Compilation Engagement.
11. September 2010. Menyediakan bantuan teknikal kepada Jawatankuasa Konsultasi Isu-isu Perakaunan, Suruhanjaya

Syarikat Malaysia (SSM) berkenaan inisiatif Reformasi Undang-undang Korporat dengan meneliti seksyen tertentu dalam Akta Syarikat, 1965. Usul-usul terperinci dan cadangan pindaan terhadap Akta telah dihantar kepada SSM.

12. Disember 2010. Mengeluarkan panduan untuk menentukan untung atau rugi boleh direalisasi dan tidakboleh direalisasi dalam konteks pendedahan menurut Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia Securities Berhad. Ini dilakukan dengan memformulasikan asas panduan berdasarkan konsep “penggunaan sumber”.
13. Menyemak dan membincangkan Kod Etika untuk Akauntan Profesional IFAC IESBA dengan perundingan sewajarnya yang diperolehi dari para ahli dan pihak-pihak yang berminat. Kod Etika telah diguna pakai dan terkandung di dalam Undang-undang Kecil tentang Etika Profesional Institut, dengan pengubahsuaian dilakukan di beberapa seksyen Kod tersebut. Undang-undang Kecil yang disemak semula telah dikeluarkan pada bulan Disember 2010 dan berkuat kuasa pada 1 Januari 2011.
14. Januari 2011. Bantuan teknikal diberikan kepada perbadanan SME Malaysia dalam penerbitan buku kerja “Mencapai Kejayaan Kewangan”. IAM menyemak draf penerbitan bagi memastikan ketepatan kandungannya, juga keseragamannya dengan kerangka dan keperluan pelaporan kewangan di Malaysia.
15. Januari 2011. Menyediakan input teknikal diberikan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan berhubung cadangan untuk meminda satu seksyen dalam Akta Bangunan dan Harta Bersama (Penyenggaraan dan Pengurusan) 2007 berhubung dengan penyediaan dan pembentangan penyata kewangan oleh Badan Pengurusan Bersama, dan menyediakan satu set penyata kewangan ilustrasi untuk dimasukkan sebagai jadual kepada Akta tersebut.
16. Mengadakan perhubungan berterusan dengan Bursa Malaysia Securities Berhad (Bursa) dalam menjelaskan tanggungjawab juruaudit menurut Keperluan Penyenaraian Bursa tentang Pendedahan Untung/Rugi boleh direalisasi dan tidak boleh direalisasi dalam Nota kepada Penyata Kewangan Teraudit Laporan Suku Tahun dan Tahunan. Satu surat pekeliling telah dikeluarkan kepada firma ahli dengan memberi panduan tentang bentuk pelaporan oleh juruaudit bagi memenuhi keperluan tersebut.
17. Februari 2011. Mengambil bahagian di dalam forum dengan pegawai-pegawai dari Jabatan Skim Pelaburan Terurus, Suruhanjaya Sekuriti (SC) dan pakar-pakar industri dari dana tukaran-dagang dan dana unit amanah. Turut memberi input teknikal kepada SC pada bulan Mac 2011 mengenai cadangan pindaan kepada Klausula 13.01 Garis panduan Dana Tukaran Dagang; dan memberi sampel pembentangan tentang persamaan pengagihan dalam Penyata Perubahan dalam Ekuiti.
18. Februari - April 2011. Mengambil bahagian dalam makmal Inisiatif Reformasi Strategik tentang kewangan awam anjuran Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU). IAM menghantar analisis GAP lengkap tentang pengiktirafan perakaunan dan kriteria pengukuran kepada kerajaan berhubung dengan cadangan penggunaan pakai perakaunan terakru, dengan menggunakan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) sebagai tanda aras.
19. Menyemak semula Panduan Amalan yang Disyorkan (RPG) 4—Contoh Laporan Juruaudit Bebas untuk memasukkan keperluan piawaian diperjelaskan.
20. Mac 2011. Menganjurkan forum separuh hari—Piawaian Pengauditan Disemak semula: Implikasi kepada Perniagaan dan Peranan Juruaudit Luar—bersama dengan ACCA. Objektif forum ialah membentuk kesedaran di kalangan

pemilik perniagaan, pengamal-pengamal awam, para penyedia dan pengguna laporan kewangan tentang implikasi yang timbul daripada piawaian pengauditan yang disemak semula dan dipertingkatkan yang dikenali sebagai Piawaian Pengauditan Antarabangsa Diperjelaskan.

21. Semakan secara kerap, kajian semula dan penyiapan FRS oleh Kumpulan Kerja Cukai Bersama. Cadangan untuk turut melibatkan Pihak Berkuasa Cukai (Kementerian Kewangan—Divisyen Analisis Cukai, Panel Semakan Cukai dan Lembaga Hasil Dalam Negeri) bagi menghadiri dialog untuk mempertimbangkan implikasi cukai. Mengeluarkan empat kertas perbincangan yang kini sedia untuk dimuat turun oleh para ahli dari laman web IAM.
22. Mac 2011. Memulakan inisiatif penyelidikan teknikal tentang FRSIC Isu No. 33 dan menghasilkan FRSIC Konsensus 14 “Kemosotan Pelaburan dalam Instrumen Ekuiti Di Kategori sebagai Aset Kewangan Tersedia Untuk Dijual” disebabkan Penurunan Nilai Saksama “Penting atau yang Berpanjangan” telah dikeluarkan sebagai panduan pelaksanaan amalan terbaik.
23. Mac 2011. Memulakan inisiatif penyelidikan teknikal tentang FRSIC Isu No. 37 dan menghasilkan FRSIC Konsensus 15 “Pengelasan pinjaman berjangka yang mengandungi klausa pembayaran semula apabila diminta oleh peminjam” telah dikeluarkan sebagai panduan pelaksanaan amalan terbaik.
24. April 2011. Menyemak dan memberi maklum balas kepada Kertas Konsultasi tentang Cadangan Pindaan kepada Peraturan-peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad dan Arahan Iringan.
25. 11 Mei 2011 Menganjur bersama seminar dengan AOB tentang Meningkatkan Kualiti Audit untuk para pengamal bagi berkongsi penemuan pemeriksaan AOB dan perbincangan mengenai jangkaan pihak-pihak yang berkepentingan terhadap kualiti audit.
26. 27 Mei 2011. Memberi input dan komen kepada IAASB tentang Draf Dedahan Piawaian Antarabangsa “Review Engagement” 2400 (Disemak semula), menyemak penyata Kewangan Sejarah dan Kertas Perbincangan—Sifat Berkembang Laporan Kewangan: Pendedahan dan Implikasi Audit.
27. Membentuk empat kumpulan perbincangan teknikal untuk memudahkan penggunaan pakai dan pelaksanaan piawaian antarabangsa perjelaskan tentang pengauditan yang melibatkan wakil-wakil dari firma-firma kecil, sederhana dan besar. Tiga perbincangan telah diadakan pada 24 Mei, 21 Jun dan 24 Jun 2011.

### PERKEMBANGAN AKAUNTAN PROFESIONAL DALAM PERNIAGAAN

IAM terus menjalankan pelbagai projek untuk membangunkan dan menyokong ahli-ahli yang merupakan akauntan profesional dalam perniagaan (PAIB) di negara ini. Melalui fungsi ini, IAM berusaha untuk menyediakan platform untuk memudahkan pertukaran maklumat mengenai perkembangan semasa dan isu-isu berbangkit yang membentuk profesion dan menggalakkan amalan terbaik global untuk memperteguhkan profesion.

Dalam tempoh kewangan yang dilaporkan, IAM telah menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

1. Menghasilkan kajian kes ke atas enam buah syarikat IKS yang berjaya, yang telah mendapat manfaat daripada perkhidmatan atau perundingan yang diberikan oleh akauntan dalam menguruskan syarikat mereka.
2. Mengelolakan Anugerah Artikel Merit MIA untuk PAIB 2010 yang mana artikel terbaik dinilai berdasarkan sumbangan

yang bermakna dan bermanfaat kepada perkembangan peranan dan bidang PAIB, telah diberi ganjaran.

3. Menganjur bersama pertandingan Anugerah Pengurusan Perakaunan Kebangsaan (NAfMA) 2010 dengan Chartered Institute of Management Accountants (CIMA) Divisyen Malaysia bertujuan untuk mengiktiraf dan menggalakkan penggunaan amalan baik dalam pengurusan perakaunan ke arah prestasi perniagaan bertaraf dunia, di kalangan organisasi-organisasi di Malaysia.

### PERKEMBANGAN KEWANGAN ISLAM

Dalam bidang Kewangan Islam (IF), IAM menyokong komitmen kerajaan untuk menggalakkan IF menjadi bahagian penting dalam ekonomi Malaysia dan menjadi daya saing kepada negara. IAM akan bekerjasama dengan negara-negara serantau untuk berkongsi idea dan piawaian bagi mewujudkan pasaran Asian yang berdaya maju terbuka kepada barangan IF, selaras dengan harapan Malaysian untuk menjadi hab serantau dalam Kewangan Islam. IAM turut berusaha mempamerkan pakar-pakar IF dan mempromosikan bahawa akauntan Malaysia boleh dipasarkan di peringkat antarabangsa.

### INISIATIF PERKEMBANGAN UNTUK PARA AHLI DALAM AMALAN AWAM

Aktiviti-aktiviti Jabatan Amalan Awam untuk tahun kewangan yang dilaporkan adalah tertumpu di bidang-bidang berikut:

#### 1. Meningkatkan kompetensi dan kualiti

IAM meneruskan penganjuran seminar Piawaian Antarabangsa tentang Kawalan Kualiti (ISQC) dengan sokongan pembiayaan dari Perbadanan SME. Pada tahun ini, RM82,630 telah dikeluarkan untuk menyokong SMP dalam pelaksanaan ISQC mereka menerusi seminar di sembilan buah lokasi.

Beberapa siri “members engagement session” (MES) dijalankan di enam lokasi dengan rekod kehadiran seperti berikut:

Tarikh	Lokasi	Jumlah peserta
9 Ogos 2010	Kota Bharu, Kelantan	19
13 Ogos 2010	Pulau Pinang	46
22 September 2010	Kuala Lumpur	118
27 September 2010	Kota Kinabalu, Sabah	55
28 September 2010	Kuching, Sarawak	40
4 Oktober 2010	Johor Bahru, Johor	43

Antara topik yang dibincangkan ialah Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA) yang diperjelaskan serta kod etika IAM yang disemak. Maklum balas daripada para ahli tentang keperluan mengadakan latihan tanpa kos tambahan dalam dua bidang ini telah diambil kira dengan pelaksanaan siri kursus pengauditan tanpa kos tambahan yang dianjurkan pada awal 2011. Kursus yang sama untuk agen cukai turut dianjurkan pada awal 2011 di Lembah Kelang.

Jerayawara tersebut mencapai kemuncaknya dengan pengeluaran CD ROM tentang ISA yang diperjelaskan dan kod etika IAM yang disemak, dengan tujuan menjadikan kod tersebut konsisten dengan yang dikeluarkan oleh IFAC.

#### 2. Menggalakkan pertumbuhan dan menghadapi cabaran baru

Portal Penyataan & Penggabungan IAM (M&A) telah



**Bab 3: Bakat Tempatan, Pandangan Global**

dilancarkan semula dengan bertambahnya keperluan untuk profesion bagi memulakan penyatuan memandangkan terdapat cabaran operasi penting dalam menangani isu kapasiti.

Jerayawara di lima lokasi berjaya mencatat rekod kehadiran seperti berikut:

Tarikh	Lokasi	Bilangan Peserta
4 Januari 2011	Kuala Lumpur	43
10 Januari 2011	Pulau Pinang	28
24 Januari 2011	Johor Bahru, Johor	27
21 Februari 2011	Kota Kinabalu, Sabah	35
22 Februari 2011	Kuching, Sarawak	19

**3. Mengubah paradigma para ahli dan rakan kawal selia yang lain**

1. Pada bulan Januari 2011, satu Forum Amalan Awam diadakan bagi menjelaskan peluang yang ada kepada para akauntan dalam bidang-bidang seperti konsultasi halal, peranan akauntan melapor dalam IPO dan aktiviti-aktiviti kewangan korporat di luar negara, di samping membuka pejabat asing di Kemboja dan Vietnam.
2. IAM menyediakan sokongan dan kerjasama dengan Jabatan Insolvensi Malaysia (MDI) tentang kajian semula berterusan ke atas cadangan Rang Undang-undang Insolvensi, sebelum Rang Undang-undang tersebut dibentangkan di Parlimen.
3. Terdapat skop yang amat penting untuk IAM berkongsi maklumat dengan Lembaga Pengawasan Audit (AOB) mengenai amalan asurans kualiti para ahli. IAM turut bekerjasama dengan Lembaga Pengawasan Audit (AOB) berhubung laporan pemeriksaan pertama mereka yang membawa kepada sekatan terhadap tiga orang pengamal disebabkan oleh kekurangan di dalam kerja-kerja pengauditan mereka.

**MEMASTIKAN AKSES KEPADA PENGETAHUAN MELALUI PUSAT PENGEMBANGAN PROFESIONAL IAM (MPDC)**

MPDC sebagai pelengkap matlamat strategik keseluruhan IAM dalam mengekalkan kredibiliti profesion perakaunan untuk mendukung kepentingan awam disamping menyediakan platform untuk pendidikan profesion berterusan kepada para ahli IAM dan pihak-pihak berkepentingan profesion perakaunan.

Usaha ini adalah bermatlamat untuk memastikan kumpulan yang cukup lengkap terdiri daripada profesional perakaunan dan kewangan yang berwibawa dan mahir, dibentuk untuk mengekalkan integriti rantaian pelaporan kewangan, yang kemudiannya akan menyalurkan maklumat kewangan berkualiti tinggi kepada pihak-pihak berkepentingan dan membina asurans serta keyakinan pasaran. Program-program MPDC dibuka kepada akauntan profesional dan bukan ahli yang menyokong profesion.


Sebagai cabang perniagaan strategik IAM, fungsi khusus MPDC ialah:

- a) Untuk mengekalkan kewibawaan profesional ahli-ahli IAM dari sudut pengetahuan dan kemahiran menerusi program-program latihan pendidikan profesional berterusan (CPE), seminar, kursus, forum dan persidangan.

- b) Untuk memperkembangkan pengetahuan dan kemahiran bukan ahli yang bekerja dan menyokong profesion perakaunan, menerusi program-program latihan, seminar dan kursus.

- c) Untuk menjana pendapatan bagi membolehkan IAM menjalankan fungsi-fungsi sokongan utamanya, iaitu piawaian & amalan profesional serta pengawasan & penguatkuasaan yang dijalankan untuk melindungi kepentingan awam.

MPDC, kini menawarkan julat lebar program CPE ke seluruh negara. Pelanggan MPDC terdiri dari 60% ahli-ahli IAM dan 40% bukan ahli, yang mendapat perkhidmatan menerusi lima unit perniagaan strategik di dalam MPDC:



**Prestasi**

Aktiviti utama MPDC termasuklah menjalankan kerja penyelidikan umum ke atas keperluan latihan dan topik untuk profesion perakaunan, formulasi program CPE, mendapatkan fasilitator/penceramah atau mereka yang mahir dalam bidang-bidang tertentu, mendapatkan rakan kongsi yang diyakini dan merancang serta menguruskan pemasaran dan promosi program-program CPE. MPDC menganjurkan program-program CPE di pelbagai lokasi di seluruh negara.

Sepanjang tahun ini, di samping aktiviti-aktiviti CPE dari lima unit perniagaan strategik, MPDC turut terlibat secara aktif dalam pengurusan projek Kongres Akauntan Sedunia (WCOA) 2010.

IAM turut memperkasakan peranan CPEnya dengan menawarkan program latihan dalaman mengikut permintaan kepada sektor-sektor korporat terutamanya untuk topik-topik berkaitan IFRS. E-pembelajaran telah bermula dengan penawaran Kursus Pengenalan IAM bagi kemudahan ahli yang baru diterima masuk. Pada tahun ini enam Kursus Audit e-pembelajaran diperkenalkan kepada ahli di sektor amalan awam. Pada masa kini, IAM sedang meneliti program-program lain yang sesuai yang boleh ditawarkan melalui platform e-pembelajaran.

Dalam tahun yang dilaporkan, IAM berjaya menghasilkan dan menganjurkan 688 program pendidikan, ini termasuklah 113 tajuk baru. Dalam tempoh yang sama, 177 orang pakar industri bertindak sebagai fasilitator dan penceramah untuk program-program IAM, termasuklah 114 orang penceramah baru, membuktikan peningkatan reputasi IAM sebagai peneraju penyedia pendidikan berterusan perakaunan dan profesional. Dalam tahun kewangan yang disemak, IAM menganjurkan program CPE dalam kategori berikut:



Kategori	Bilangan Acara	%
FRS & Perakaunan Kewangan	179	26%
Pengauditan & Asurans	48	7%
Percukaian	105	15%
Perakaunan Pengurusan	99	14%
Perundangan & Urus Tadbir Korporat	11	2%
Perbankan & Kewangan	20	3%
Amalan Awam & Perundangan	18	3%
Aplikasi IT	168	24%
Kemahiran Insaniah	28	4%
Lain-lain	12	2%
<b>JUMLAH</b>	<b>688</b>	<b>100%</b>

Secara keseluruhannya, IAM berjaya menghasilkan sekitar 218,000 jam latihan yang mana lebih kurang 60% (130,800 jam) dikhususkan kepada ahli-ahli IAM, sebagai memenuhi keperluan CPE mereka. Baki sebanyak 40% (87,200 jam)


diambil oleh bukan ahli. Bagi tahun kewangan, IAM menerusi MPDC, telah berjaya memberi khidmat dan sokongan keperluan CPE kepada lebih kurang 11,000 orang ahlinya.

Untuk memenuhi keperluan CPE ahli IAM di seluruh negara, berbagai program CPE telah dianjurkan di Lembah Kelang dan juga di negeri-negeri lain. Berikut adalah lokasi dan bilangan program yang dianjurkan dalam tahun kewangan:

Lokasi	Bil. Program	%
Lembah Kelang	515	75%
Pulai Pinang	46	7%
Johor	61	9%
Sarawak	29	4%
Sabah	21	3%
Lain-lain	16	2%
<b>JUMLAH</b>	<b>688</b>	<b>100%</b>


IAM telah mencapai peningkatan berterusan daripada segi bilangan program CPE yang dijalankan dan penjanaaan pendapatan. Statistik pertumbuhan untuk tujuh tahun terakhir adalah seperti berikut:

**Carta 1:** Bilangan program yang dijalankan dari 2005 to 2011 (*mencapai 13.5% pertumbuhan purata*)



Dari segi pendapatan, aktiviti pendidikan profesional berterusan di bawah MPDC telah merekodkan jumlah hasil sebanyak RM15.69 juta, termasuklah RM5.68 juta dari WCOA 2010 (penyertaan delegasi tempatan). Hasilnya, IAM merekodkan untung bersih sebanyak RM3.90 juta dari aktiviti-aktiviti CPE untuk tahun kewangan.

**Carta 2:** Penjanaan hasil dari 2005 to 2011 (*mencapai 21.5% pertumbuhan purata*)



Kerjasama dengan organisasi luar ialah faktor utama kejayaan perkhidmatan pengembangan profesional IAM. Institut telah membentuk hubungan kerja yang cemerlang dengan firma-firma perakaunan utama, firma-firma profesional dan pakar-pakar pengetahuan, badan-badan profesional dan badan-badan kawal selia, agensi-agensi kerajaan dan IPT. Dalam tahun yang dilaporkan, IAM menganjurkan bersama program khas CPE dengan rakan strategik berikut:

No.	Organisasi yang Kolaborasi	Bil. Acara
1.	Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)	20
2.	Lee Hishammuddin Allen & Gledhill	7
3.	Muamalah Financial Consulting Sdn Bhd	7
4.	Kastam DiRaja Malaysia	7
5.	The Institute of Chartered Accountants in England and Wales (ICAEW)	4
6.	Institute of Business Analytic Ltd	4
7.	International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF)	3
8.	Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	3
9.	Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)	2
10.	Bond Pricing Agency Sdn Bhd	2
11.	The Chartered Institute of Management Accountants (CIMA)	2
12.	CIMB	2
13.	Deloitte Malaysia	2
14.	KPMG Malaysia	2

Di samping itu, pada tahun ini IAM turut kolaborasi dan menganjur bersama program-program CPE dengan rakan kongsi strategik yang lain iaitu PricewaterhouseCoopers Malaysia, Ernst & Young Malaysia, CPA Australia, Jabatan Akauntan Negara, CIDB Malaysia, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, Malaysia External Trade Development Corporation, SME Corp, Corporate Regulatory Authority of Singapore, XBRL International, IRIS Business Services Ltd, Business Reporting Advisory Group, International Centre For Leadership in Finance, Association of Fraud Examiners, Suruhanjaya Anti Rasuah, Lembaga Hasil Dalam Negeri, Institut Surveyor Malaysia, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysian, Practice 2 Perfect Solutions (P2P), Institute of Bankers Malaysia, Universiti Tun Abdul Razak dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

**BANTUAN KEWANGAN UNTUK PESERTA-PESERTA PROGRAM CPE IAM**

IAM memperoleh bantuan kewangan berjumlah RM447,000 dari Perbadanan SME Malaysia (SMEECorp) untuk peserta-peserta program CPE IAM. Bantuan kewangan tersebut, yang dalam bentuk subsidi latihan digunakan khususnya untuk peserta-peserta SME dan juga Pengamal-pengamal Kecil dan Sederhana serta kakitangan mereka yang menghadiri program latihan IAM. Lebih dari 600 orang peserta dari SME dan SMP mendapat faedah dari bantuan kewangan ini.

**PENGIKTIRAFAN DITERIMA OLEH IAM DALAM TAHUN INI**

1. IAM menerima Anugerah Penghargaan PSMB (“kategori penyedia latihan) daripada YB Datuk Dr. S Subramaniam, Menteri Sumber Manusia Malaysia pada 19 Oktober 2010.
2. IAM telah diiktiraf oleh SMEECorp atas pencapaian 100% pematuhan audit untuk “Program Peningkatan Kemahiran PKS Tahun 2010”.

# Bab 4 :

## Pematuhan Bersamaan Dengan Integriti

Para ahli dikawal oleh Undang-undang Kecil IAM yang memerlukan mereka patuh kepadanya sepanjang masa. Ini bertujuan untuk mengekalkan integriti pelaporan kewangan yang sebenarnya menjurus kepada keyakinan umum dalam tugas akauntan atau juruaudit. Dalam menjalankan peranan pemantauannya, IAM telah menetapkan empat mekanisme:

1. Penelitian Penyata Kewangan;
2. Pemantauan menerusi pengawasan media;
3. Semakan Amalan;
4. Pengauditan CPE.

### PENELITIAN PENYATA KEWANGAN

Fungsi Penelitian penyata Kewangan (FSR) IAM adalah bertujuan untuk memastikan kualiti maklumat kewangan yang dibentangkan menerusi pelaporan kewangan memenuhi piawaian yang ditetapkan.

Menerusi fungsi ini, IAM mengawasi pematuhan terhadap statutori dan keperluan-keperluan lain, piawaian perakaunan yang diluluskan dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia yang berkaitan dengan pelaporan kewangan. Ia juga berkongsi dengan ahli-ahli IAM amalan terbaik pelaporan kewangan berdasarkan kepada hasil penemuan yang dikenal pasti semasa proses semakan.

Penelitian di bawah fungsi ini dijalankan oleh Jawatankuasa Penelitian Penyata Kewangan IAM, yang mengawasi kualiti penyata kewangan menerusi proses semakan.

Dalam menyokong IAM mengawal selia amalan profesion

perakaunan di Malaysia bagi mengukuhkan kewibawaan profesion perakaunan, Jabatan Penelitian Penyata Kewangan (FSRD) menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

**Pertama**, bekerjasama dengan Jawatankuasa Penelitian Penyata Kewangan (FSRC) dalam meneliti penyata kewangan syarikat-syarikat tersenarai yang dipilih secara rawak dan kes-kes kepentingan awam (termasuklah yang dirujuk oleh pihak pengawal selia yang lain). Objektif latihan ini ialah untuk mengawasi pematuhan kepada statutori dan keperluan-keperluan lain, piawaian perakaunan yang diluluskan dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia yang berkaitan dengan pelaporan kewangan.

FSRC meneliti 10 penyata kewangan syarikat-syarikat tersenarai yang baru dan lapan kes kepentingan awam. 37 maklum balas kepada persoalan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa telah dipertimbangkan dalam tahun kewangan. Secara amnya:

	Pilihan secara rawak	Kepentingan Awam	Jumlah
Kes di bawa ke hadapan dari tahun kewangan sebelumnya	9	-	9
Kes-kes yang baru bermula/dirujuk kepada FSRC	10	8	18
Kes-kes yang ditutup dalam tahun kewangan	(14)	(7)	(21)
Kes-kes yang di bawa ke hadapan ke tahun kewangan yang berikutnya	5	1	6

Dalam tahun yang dilaporkan, FSRC telah mengkategorikan tiga kes di bawah Kategori 2 dalam tarif penalti, yang mana surat amaran telah dikeluarkan kepada penyedia/juruaudit atas pelbagai ketidakpatuhan yang berlaku berkaitan dengan keperluan Piawaian Pelaporan Kewangan.

**Kedua**, mengesan secara aktif kes-kes berkepentingan awam yang dilaporkan di media berkaitan pelaporan kewangan dan memastikan tindakan segera diambil untuk mengatasi isu tersebut.

## Bab 4: Pematuhan Bersamaan Dengan Integriti

Dalam tahun kewangan, laporan media atau rujukan yang memerlukan analisa lanjut oleh jabatan adalah seperti berikut:

Kes	Bilangan
Kes di bawa ke hadapan dari tahun kewangan sebelumnya	4
Kes dimulakan	6
Kes ditutup dalam tahun kewangan	(7)
Bil kes yang masih berjalan pada penghujung tahun kewangan	3

**Ketiga.** Institut bekerjasama dengan Bursa Malaysia dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA) menganjurkan Anugerah Laporan Tahunan Korporat Kebangsaan (NACRA). Matlamat NACRA ialah untuk mempromosikan komunikasi maklumat perniagaan dan kewangan yang lebih baik dan efektif, menerusi penerbitan laporan tahunan yang tepat pada masanya, bermaklumat, berfakta dan mesra pembaca.

Juga, untuk berkongsi dengan ahli IAM mengenai pelaporan kewangan terbaik berdasarkan kepada hasil penemuan yang dikenal pasti semasa proses semakan, pelbagai isu-isu pelaporan kewangan yang telah disusun dan dikongsi menerusi artikel yang diterbitkan dalam 'Accountants Today' keluaran November 2010 bertajuk "The Financial Statements Review Committee (FSRC) Key Observations". Ini adalah hasil penelitian yang dijalankan oleh FSRC dari bulan Julai 2009 ke Jun 2010.

### PENGAWASAN MEDIA

IAM turut mengawasi laporan media sebagai sebahagian daripada pendekatan pengawasan proaktif terhadap kemungkinan ketaksekataan perakaunan dan kekurangan pelaporan dalam syarikat-syarikat tersenarai awam dan entiti-entiti kepentingan awam. Sekiranya perlu, jika seseorang ahli didapati melanggar mana-mana undang-undang kecil dalam penyediaan penyata kewangan mereka, tindakan yang sewajarnya akan diambil.

### SEMAKAN AMALAN

Semakan Amalan IAM mengawasi profesion pengauditan di Malaysia. Ia bertujuan untuk memastikan bahawa firma-firma

audit terus meningkatkan kualiti mereka dengan mengambil langkah-langkah tertentu untuk memastikan pematuhan penuh kepada keperluan piawaian profesional perakaunan dan pengauditan yang diluluskan, dan juga peruntukan perundangan dan pengawal seliaan.

Sejarah membuktikan bahawa apabila terbongkarnya skandal kewangan, tugas juruaudit merupakan perkara utama yang dipersoalkan. Persepsi negatif atas kerja-kerja juruaudit sudah pastinya akan mencemar integriti dan kredibiliti profesion pengauditan. Juruaudit yang bersalah pastinya akan dikenakan hukuman, tetapi terjerumus dalam kemusnahan akibat dari kegagalan audit kepada suatu entiti yang besar boleh membinasakan firma audit tersebut dan keruntuhan entiti itu khususnya dan juga profesion pengauditan secara amnya.

Oleh itu, semakan amalan terlibat secara langsung dalam aspek-aspek pengawal seliaan kualiti audit. Proses semakan amalan adalah telus dan terkandung di dalam Undang-undang Kecil IAM. Proses semakan yang paling penting bertumpu kepada fail-fail perjanjian yang telah dipilih sebelumnya menurut kriteria-kriteria tertentu. Ciri-ciri lain proses semakan termasuklah penggunaan soal selidik yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai amalan firma tersebut.

Kualiti audit kekal sebagai fokus utama kepada fungsi semakan amalan terutamanya dengan kemunculan krisis kewangan yang telah memberi kesan kepada ekonomi global. Di Malaysia, kes-kes penipuan korporat yang terjadi kepada syarikat-syarikat awam tersenarai dan meningkatnya sumber audit yang terhad telah membentuk persekitaran yang lebih mencabar kepada firma-firma audit.

Lembaga Piawaian Pengauditan dan Asurans Antarabangsa (IAASB) merupakan agensi yang bertanggungjawab sebagai penanda aras kepada kualiti audit, menerusi penyebaran Piawaian Pengauditan Antarabangsa (ISA) dan Piawaian Kawalan Kualiti Antarabangsa (ISQC). Piawaian-piawaian ini mengandungi inti pati audit berkualiti tinggi dan telah diterima pakai oleh IAM sebagai pematuhan audit yang unggul sebagai panduan kepada kelompok audit di Malaysia, terutamanya juruaudit luaran. Rejim semakan amalan mempercayai penuh prinsip ISA dan ISQC memandangkan kerja-kerja firma-firma audit dibimbing oleh mereka.

Ringkasan statistik adalah seperti berikut:

Aktiviti		Tempoh masa
Pemberitahuan Semakan Firma-firma	112	Dari Julai 2010-Jun 2011
Semakan Kali Pertama	512	Pada 30 Jun 2011
Laporan Akhir dan dihantar	393	Pada 30 Jun 2011
Hasil Semakan		Pada 30 Jun 2011 (kumulatif)
Jenis 1 – Memuaskan	8.14%	
Jenis 2 – Asurans disediakan	44.27%	
Jenis 3 – Semakan susulan	47.59%	

Laporan semakan amalan dihantar kepada firma-firma audit dengan maklumat lengkap tentang sebarang kekurangan dalam fail audit dan usul-usul untuk penambahbaikan.

Sebagaimana tahun-tahun lepas, seminar semakan amalan telah dijalankan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu.

**Audit Pendidikan Profesional Berterusan (CPE)**

Audit CPE berfungsi untuk memastikan prinsip asas bagi

etika dan tata cara profesional dipatuhi oleh semua ahli dalam menjalankan tugas profesional, seperti yang diperlukan sebagai ahli Institut dalam mematuhi piawaian profesional dan teknikal. Secara ringkasnya, para ahli bertanggungjawab terhadap diri mereka, pekerja, pelanggan dan pihak-pihak berkepentingan yang lain bagi memastikan mereka peka dengan perkembangan terkini yang memberi kesan terhadap tugas profesional semasa mereka dan masa akan datang.

Objektif	Aktiviti/Sinopsis	Penghasilan
<p>Untuk mengekalkan kewibawaan profesional dan untuk memastikan perhatian yang sewajarnya dijalankan pada setiap masa, seseorang akauntan profesional dikehendaki menyertai aktiviti-aktiviti pembelajaran CPE yang bersesuaian dengan tugas semasa dan akan datang bagi memenuhi tanggungjawab profesional mereka.</p>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• IAM terus menjalankan audit CPE tahunan.</li> <li>• Pihak Pengurusan mencadangkan Audit CPE Audit dijalankan kepada semua ahli yang aktif (lebih kurang 27,000 ahli).</li> <li>• Kumpulan pertama seramai 6,900 ahli yang terdiri daripada pemegang Sijil Amalan dan Bukan Pemegang Sijil Amalan telah dimaklumkan bahawa mereka akan diaudit pada bulan Mei 2011.</li> <li>• Semua pemegang Sijil Amalan akan diaudit secara tahunan.</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Para ahli akan memberi maklum balas kepada Institut melalui 'Deklarasi Atas Talian Pematuhan CPE'.</li> <li>• Tarikh akhir untuk penyerahan jam kredit CPE ialah 31 Disember 2011.</li> <li>• Pada 30 Jun 2011, sejumlah 557 ahli telah menyerahkan deklarasasi atas talian CPE yang mana 208 ahli telah mematuhi keperluan jam kredit CPE.</li> </ul>

# Bab 5:

## Mendukung Keseimbangan

Dalam usahanya bertindak sebagai badan statutori dan kawal selia bagi profesion perakaunan di Malaysia, IAM perlu memastikan bahawa kredibiliti profesion dikekalkan manakala kepentingan awam terus dipertahankan pada setiap masa. Melalui mekanisme penguatkuasaan, IAM telah mengenakan sekatan yang berkesan dalam usaha untuk meningkatkan lagi piawaian kelakuan profesional di kalangan ahli-ahlinya.

### PENYIASATAN

Jawatankuasa Penyiasatan (IC) merupakan jawatankuasa statutori yang ditubuhkan di bawah s.19(a) Akta Akauntan 1967 untuk mempertimbangkan dan menyiasat aduan yang dibuat terhadap ahli-ahli IAM dan merujuk mereka ke Jawatankuasa Tatatertib (DC), sekiranya perlu.

### MEMBENTUK KERANGKA PENYIASATAN EFISIEN

Dalam tahun kewangan, 85 kes baru telah dilaporkan kepada Pendaftar mengenai pelbagai bentuk tuduhan salah laku. Pendaftar telah menolak dan menutup lapan (8) kes.

IC telah mengadakan 11 mesyuarat penyiasatan sepanjang tempoh tahun kewangan, daripada tindakan yang dilakukan, sebanyak 44 kes disingkirkan dan 19 aduan dirujuk kepada DC. Dari sejumlah aduan yang dipersetujui untuk dirujuk, sembilan (9) aduan telah diserahkan kepada DC dengan laporan penuh dari IC, dan baki sebanyak 10 kes tergantung sementara menunggu laporan akhir IC.

Kes-kes di atas adalah berkaitan pelbagai jenis tuduhan salah laku seperti yang dinyatakan di bawah.

Jenis salah laku	Kes baru diterima dalam tempoh tersebut	Kes ditolak oleh Pendaftar dalam tempoh tersebut	Kes disingkirkan oleh Jawatankuasa Penyiasatan dalam tempoh tersebut	Kes diputuskan untuk dirujuk (penyerahan laporan kepada Jawatankuasa Tatatertib belum selesai)	Kes dirujuk (laporan telah diserahkan kepada Jawatankuasa Tatatertib)
Kegagalan dalam perakaunan dan pengauditan	9	1	12	2	2
Pelanggaran peruntukan tentang juruaudit dalam Akta Syarikat	1	2	-	-	-
Kegagalan Penyelesai Syarikat	4	1	3	-	-
Kegagalan Setiausaha Syarikat	11	3	7	1	2
Pelanggaran peruntukan lain dalam Akta Syarikat	1	-	1	1	-
Kelakuan kurang sopan	1	1	1	-	-
Salah laku lain	58	-	20	6	5
<b>Jumlah</b>	<b>85</b>	<b>8</b>	<b>44</b>	<b>10</b>	<b>9</b>

IC berharap dan akan terus mempercepatkan kes-kes penyiasatan sebaik mungkin, meskipun komposisi jawatankuasa dihadkan oleh undang-undang kepada sebuah panel dengan lima (5) orang ahli tetapi terdapat peningkatan dalam jumlah kes yang dikemukakan dari tahun ke tahun.



Jawatankuasa Tatatertib diberi kuasa di bawah Akta untuk mempertimbangkan semua kes yang dirujuk oleh Jawatankuasa Tatatertib dan juga yang dibawa terus kepada perhatiannya menerusi Kaedah 18(2) Kaedah-kedah IAM (Tatatertib) 2002. Sekiranya dirasakan sesuai oleh Jawatankuasa Tatatertib, akan menjalankan kuasa tatatertib yang diberikan kepadanya oleh Kaedah-kedah Tatatertib.

**JADUAL 2: KES KENDALIAN JAWATANKUASA TATATERTIB (1 JULAI 2010 HINGGA 30 JUN 2011 )**

Bilangan kes	Bilangan kes berakhir dengan hukuman	Bilangan kes ditolak oleh Jawatankuasa Tatatertib	Bilangan kes dikeluarkan oleh Jawatankuasa Penyasatan diperingkat pendengaran	Kes belum selesai	Pengadu		Kes-kes melibatkan :	
					Individu / Lain-lain	Pengawal selia	Juruaudit	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pengarah</li> <li>• Penyelesai Syarikat</li> <li>• Lain-lain</li> </ul>
19*	6	-	-	13**	16	1	10	7

\* termasuk dua (2) kes yang dibawa terus kepada perhatian DC di bawah Peraturan 18(2) Kaedah-kedah IAM (Tatatertib), 2002

\*\* Dari 13 kes, lima (5) masih menunggu pendengaran, tiga (3) masih menunggu keputusan, dan lima (5) masih belum disebut kes

**RAYUAN**

Mana-mana ahli yang tidak berpuas hati dengan keputusan Jawatankuasa Tatatertib boleh merayu ke Lembaga Rayuan Tatatertib (DAB) dalam tempoh tertentu. DAB diberi kuasa di bawah S.21(3) Akta untuk mempertimbangkan rayuan oleh para ahli, dan boleh mengesahkan, bertentangan atau berbeza keputusannya dari Jawatankuasa Tatatertib. DAB menerima empat (4) rayuan dalam tahun kewangan dan telah mengadakan pertemuan sebanyak tiga (3) kali. Lima (5) rayuan telah dipertimbangkan oleh DAB dalam tempoh tersebut (termasuk yang dibawa ke hadapan) dan DAB telah mengesahkan keputusan DC dalam kes-kes tersebut. Dua (2) rayuan masih belum selesai.



# Jawatankuasa- Jawatankuasa

Mengekalkan  
Momentum



MALAYSIAN INSTITUTE  
OF ACCOUNTANTS  
ACCOUNTANTS: MANAGERS OF VALUE

PROUD HOST:



MIAconference  
2011

17<sup>th</sup>

MIA INTERNATIONAL ACCOUNTANTS CONFERENCE AFA CONFERENCE

# Jawatankuasa-Jawatankuasa Berkanun

*Keahlian dan Kehadiran dari 1 Julai 2010 ke 30 Jun 2011*

## **\*\*JAWATANKUASA PENYIASATAN (IC) – SEKSYEN 19 (A), AKTA AKAUNTAN 1967**

**Jumlah Mesyuarat: 12**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Billy Kang Wei Geih	Pengerusi	Dilantik pada 12 Oktober 2010	12/12
2	Uthaya Kumar Vivekananda	Ahli	-	4/12
3	Abraham Verghese	Ahli	-	10/12
4	Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail	Ahli	Dilantik pada 12 Oktober 2010	7/8
5	Ng Kim Tuck	Ahli	Dilantik pada 17 Mac 2011	1/4
6	Datuk Mohd Nasir Ahmad	Ahli	Bersara pada 28 Februari 2011	6/8
7	Yeo Tek Ling	Pengerusi	Bersara pada 25 September 2010	4/4

## **\*\*JAWATANKUASA TATATERTIB (DC) - SEKSYEN 19 (B), AKTA AKAUNTAN 1967**

**Jumlah Mesyuarat: 8**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Mohamed Raslan Abdul Rahman	Pengerusi	-	8/8
2	Alex Ooi Thiam Poh	Ahli	-	5/5
3	Dr. Kalsom Salleh	Ahli	-	6/8
4	Dato' Raymond Liew Lee Leong	Ahli	Dilantik pada 12 Oktober 2010	2/4
5	Francis Chan Feoi Chun	Ahli	Dilantik pada 15 April 2011	1/1
6	Dr. YC Lee	Ahli	Bersara pada 15 April 2011	6/7
7	Dato' Gan Ah Tee	Ahli	Bersara pada 25 September 2010	1/2

## **\*\*LEMBAGA RAYUAN TATATERTIB (DAB) - SEKSYEN 19 (C), AKTA AKAUNTAN 1967**

**Jumlah Mesyuarat: 3**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Datuk Nur Jazlan Tan Sri Mohamed	Pengerusi	-	3/3
2	Prof. Datin Dr. Hasnah Haji Haron	Ahli	-	1/1
3	Seow Yoo Lin	Ahli	-	3/3
4	Heng Ji Keng	Ahli	-	2/3
5	Sam Soh Siong Hoon	Ahli	Dilantik pada 12 Oktober 2010	2/2
6	Mohd Noh Jidin	Ahli	Dilantik pada 17 Mac 2011	1/1

*\*\*Nota: mana-mana ahli dari jawatankuasa-jawatankuasa ini boleh menolak atau berkecuali dari membincangkan perkara yang mereka ada atau mungkin ada percanggahan kepentingan.*

## **JAWATANKUASA PEPERIKSAAN – KAEDAH 6, KAEDAH-KAEDAH PEPERIKSAAN KELAYAKAN MIA 2002**

**Jumlah Mesyuarat: 7**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Dato' Seri Ahmad Johan Mohammad Raslan	Pengerusi	-	5/7
2	Rosini Abdul Samad	Ahli	Dilantik pada 17 Mac 2011	3/3
3	Prof. Madya Dr. Nor Aziah Abu Kasim	Ahli	-	3/7
4	Prof. Madya Dr. Zulkarnain Muhamad Sori	Ahli	-	2/7
5	Prof. Madya Noorbijan Abu Bakar	Ahli	-	7/7
6	Foo Yoke Pin	Ahli	-	4/7
7	Prof. Datin Dr. Hasnah Hj. Haron	Ahli	-	4/7
8	Prof. Dr. Ibrahim Kamal Abdul Rahman	Ahli	-	4/7
9	Zuraini Abidin	Ahli	Dilantik pada 28 April 2011	2/2
10	Mohd Ali Jabar	Ahli	Bersara pada 13 Disember 2010	2/3
11	Datuk Wan Selamah Wan Sulaiman Nomini: Er Beng Kiong	Ahli	Bersara pada 17 Mac 2011	2/4

# Jawatankuasa-Jawatankuasa Lain

*Keahlian dan Kehadiran dari 1 Julai 2010 ke 30 Jun 2011*

## 01. TEKNIKAL

### LEMBAGA PIAWAIAN PENGAUDITAN DAN ASURANS (AASB)

**Jumlah Mesyuarat: 4**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Robert Tan Bun Poo	Pengerusi	Dilantik pada 6 Disember 2010	4/4
2	Ahmad Shahrul Mohamed	Ahli	-	1/4
3	Hooi Kok Mun	Ahli	-	2/4
4	Josephine Phan Su Han	Ahli	-	3/4
5	Lee Tuck Heng	Ahli	-	4/4
6	Lock Peng Kuan	Ahli	-	4/4
7	Mohamed Raslan Abdul Rahman	Ahli	-	2/4
8	Norazman Hashim	Ahli	-	2/4
9	Prof. Takiah Mohd Iskandar	Ahli	-	1/4
10	Quay Chew Soon	Ahli	-	4/4
11	Sukanta Kumar Dutt	Ahli	-	2/4
12	Tang Seng Choon	Ahli	-	4/4
13	Thong Foo Vung	Ahli	-	4/4
14	Walter Sandosam	Ahli	-	3/4
15	Chng Boon Huat	Pemerhati	-	-
16	Zainun Taib	Pemerhati	-	-
17	Lai Kor Foong	Pemerhati	-	-
18	Lim Fen Nee	Pemerhati	-	-
19	Yap Lai Kuen	Pemerhati	-	-

### LEMBAGA PIAWAIAN ETIKA (ESB)

**Jumlah Mesyuarat: 2**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Christina Constance Foo	Pengerusi	-	2/2
2	Prof. Datin Hasnah Hj Nordin	Ahli	-	2/2
3	Datuk Mohd Nasir Ahmad	Ahli	Dilantik pada 25 November 2010 Bersara pada 28 Februari 2011	1/1
4	Tan Soo Yan	Ahli	-	2/2
5	Ravindran Navaratnam	Ahli	-	2/2
6	Rita Benoy Bushon	Ahli	-	2/2
7	Sharifah Khadijah Syed Agil	Ahli	-	2/2
8	Dr. A Bakar Sarpon	Ahli	Dilantik pada 9 Jun 2010	2/2
9	Lam Kee Soon	Ahli	Bersara pada 25 November 2010	1/1
10	Shalet Marian	Ahli	Bersara pada 31 Disember 2010	1/1
11	Zainun Taib	Pemerhati	-	2/2
12	Muhamad Ibrahim	Pemerhati	-	2/2
13	Selvarany Rasiah	Pemerhati	-	2/2

**JAWATANKUASA PENDIDIKAN (EC)**

**Jumlah Mesyuarat: 1**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Prof. Dr. Norman Mohd Saleh	Pengerusi	-	1/1
2	Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail	Ahli	-	1/1
3	Prof. Madya Dr. Nafsiah Mohamed	Ahli	-	1/1
4	Prof. Madya Hashanah Ismail	Ahli	-	1/1
5	Aznam Abdullah	Ahli	-	0/1
6	Dr. Kalsom Salleh	Ahli	-	0/1
7	Mohammad Faiz Mohammad Azmi	Ahli	Dilantik pada 15 Mac 2011	0/1
8	Rosini Abdul Samad (Diwakili oleh Rosenida Abdul Rahman)	Ahli	Dilantik pada 15 Mac 2011	1/1
9	Prof. Datin Dr. Hasnah Hj. Haron	Ahli	Dilantik pada 15 Mac 2011	0/1
10	Abraham Verghese	Ahli	Dilantik pada 15 Mac 2011	-
11	Datuk Wan Selamah Wan Sulaiman (Diwakili oleh Er Beng Kiong)	Ahli	Bersara pada 15 Mac 2011	-

**JAWATANKUASA PELAKSANAAN PIAWAIAN PELAPORAN KEWANGAN (FRSIC)**

**Jumlah Mesyuarat: 8**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Abdul Rahim Abdul Hamid	Pengerusi	-	4/8
2	Mohamed Raslan Abdul Rahman	Ahli	-	6/8
3	Stephen Oong Kee Leong	Ahli	-	8/8
4	Dato' Narendra Kumar Jasani	Ahli	Dilantik pada 25 November 2010	2/4
5	Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail	Ahli	Bersara pada 25 November 2010	0/4
6	Alex Ooi Thiam Poh	Ahli	-	7/8
7	Ng Kim Tuck	Ahli	-	8/8
8	Ng Kean Kok	Ahli	-	8/8
9	Ng Mi Li	Ahli	-	8/8
10	Thong Foo Vung	Ahli	-	5/8

**JAWATANKUASA PERCUKAIAN (TC)**

**Jumlah Mesyuarat: 3**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Beh Tok Koay	Pengerusi	-	3/3
2	Peter Lim Thiam Kee	Ahli	-	2/3
3	Sam Soh Siong Hoon	Ahli	-	2/3
4	Pauline Tam Poh Lin	Ahli	-	1/3
5	Frances Po Yih Ming	Ahli	-	3/3
6	Mohd Noor Abu Bakar	Ahli	-	1/3
7	Ng Kim Lian	Ahli	-	3/3
8	Woon Yoke Lee	Ahli	-	3/3
9	Chan Kee Hoong	Ahli	-	2/3
10	Prof. Madya Dr. Choong Kwai Fatt	Ahli	-	1/3
11	Kenneth Lim Tiong Beng	Ahli	-	1/3



**JAWATANKUASA KEWANGAN ISLAM (TIFC)**

**Jumlah Mesyuarat: 1**

No.	Nama	Status	Kehadiran
1	Mohamed Raslan Abdul Rahman	Pengerusi	1/1
2	Mohammad Faiz Mohammad Azmi	Ahli	1/1
3	Badlisyah Abdul Ghani	Ahli	1/1
4	Daud Vicary Abdullah	Ahli	1/1
5	Mohd Radzuan Ahmad Tajuddin	Ahli	1/1
6	Nik Mohd Hasyudeen Yusoff	Ahli	1/1
7	Rafe Haneef	Ahli	1/1
8	YM Raja Teh Maimunah Raja Abdul Aziz	Ahli	0/1

**02. PENGAWASAN**

**JAWATANKUASA PENILITIAN PENYATA KEWANGAN (FSRC)**

**Jumlah Mesyuarat: 9**

No.	Nama	Status	Kehadiran
1	Stephen Oong Kee Leong	Pengerusi	9/9
2	Lam Kee Soon	Timbalan Pengerusi	5/9
3	Cheong Thoong Farn	Ahli	5/9
4	Asna Atqa Abdullah	Ahli	3/9
5	Chen Voon Hann	Ahli	Dilantik pada 21 Februari 2011
6	Khairudin Ibrahim	Ahli	7/9
7	Mohd Noh Jidin	Ahli	Dilantik pada 17 Mac 2011
8	Ow Peng Li	Ahli	8/9
9	Raymond Cheong Chye Hin	Ahli	8/9
10	Sharon Sung Fong Fui	Ahli	Dilantik pada 21 Februari 2011
11	Siew Kar Wai	Ahli	Dilantik pada 21 Februari 2011
12	Soon Teck Thong	Ahli	6/9
13	Stephen Khoo Siong Kee	Ahli	3/9
14	Tan Poh Ling	Ahli	4/9
15	Tang Seng Choon	Ahli	7/9
16	Wong Kay Yong	Ahli	4/9
17	Prof. Madya Dr. Zulkarnain Muhammad Sori	Ahli	Bersara pada 25 November 2010 Dilantik semula pada 17 Mac 2011
18	Dato' Raymond Liew Lee Leong	Ahli	Bersara pada 25 November 2010
19	Mohammad Faiz Mohammad Azmi	Ahli	Bersara pada 25 November 2010
20	Lee Teck Leong	Ahli	Bersara pada 25 November 2010
21	Liew Kim Yuen	Ahli	Bersara pada 25 November 2010
22	Ng Mi Li	Ahli	Bersara pada 21 Februari 2011
23	Prof. Dr. Ku Nor Izah Ku Ismail	Ahli	Bersara pada 21 Februari 2011



**JAWATANKUASA SEMAKAN AMALAN (PRC)**

**Jumlah Mesyuarat: 3**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Abdul Rahim Abdul Hamid	Pengerusi	-	3/3
2	Peter Lim Thiam Kee	Ahli	-	3/3
3	Subramaniam A V Sankar	Ahli	Dilantik pada 29 Mac 2011	1/3
4	Liew Kim Yuen	Ahli	Bersara pada 28 Ogos 2010	0/3
5	Dato' Raymond Liew Lee Leong	Ahli	Bersara pada 28 Ogos 2010	2/3
6	David Siew Kah Toong	Ahli	-	2/3
7	Eric Ooi Lip Aun	Ahli	-	3/3
8	Ooi Chee Kun	Ahli	-	3/3
9	Peter Ho Kok Wai	Ahli	-	2/3

**03. WAKIL KEAHLIAN**

**JAWATANKUASA AMALAN AWAM (PPC)**

**Jumlah Mesyuarat: 7**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Christina Constance Foo	Pengerusi	-	7/7
2	Billy Kang Wei Geih	Ahli	-	6/7
3	Chen Voon Hann	Ahli	Bersara pada 25 September 2010	2/2
4	Dato' Gan Ah Tee	Ahli	Bersara pada 28 April 2011	5/6
5	Dato' Narendra Kumar Jasani	Ahli	Dilantik pada 15 Disember 2010	3/4
6	Dato' Raymond Liew Lee Leong	Ahli	-	6/7
7	Heng Ji Keng	Ahli	-	6/7
8	Mohammad Faiz Mohammad Azmi	Ahli	-	3/7
9	Peter Lim Thiam Kee	Ahli	-	7/7
10	Sam Soh Siong Hoon	Ahli	Dilantik pada 15 Mac 2011	2/2
11	Seow Yoo Lin	Ahli	Bersara pada 15 Mac 2010	1/3
12	Subramaniam A V Sankar	Ahli	Dilantik pada 15 Disember 2010	4/4

**JAWATANKUASA KECIL AMALAN AUDIT**

**Jumlah Mesyuarat: 5**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Billy Kang Wei Geih	Pengerusi	-	4/5
2	Mohammad Faiz Mohammad Azmi	Ahli	-	2/5
3	Sam Soh Siong Hoon	Ahli	Dilantik pada 15 Mac 2011	2/2
4	Seow Yoo Lin	Ahli	Bersara pada 15 Mac 2011	2/3
5	Abd Halim Husin	Ahli	-	1/5
6	Chan Ying Wah	Ahli	-	3/5
7	Chen Voon Hann	Ahli	Bersara pada 2 Disember 2010	3/3
8	Chin Chee Kong	Ahli	-	2/5
9	Dennis Wong Chen Feng	Ahli	Dilantik pada 10 Februari 2011	2/2
10	Desmond Tan	Ahli	Dilantik pada 10 Februari 2011	2/2
11	Goh Chee San	Ahli	Bersara pada 15 Mac 2011	0/3
12	Jason Sia Sze Wan	Ahli	-	5/5
13	Mohd Afrizan Husain	Ahli	-	3/5
14	Mohd Noor Abu Bakar	Ahli	-	3/5
15	Ooi Chee Kun	Ahli	-	4/5
16	Rejeesh Balasubramaniam	Ahli	-	4/5

**JAWATANKUASA KECIL AMALAN AUDIT (sambung)**

No.	Nama	Status		Kehadiran
17	Robart @ Robert M. Seenivasan	Ahli	-	3/5
18	Steven Lim Hoo Teck	Ahli	-	5/5
19	Tan Cheng Hooi	Ahli	-	4/5
20	Tan Poh Ling	Ahli	Dilantik pada 10 Februari 2011	2/2
21	Wang Ing Min	Ahli	-	5/5
22	Wong Lai Ching	Ahli	-	3/5

**JAWATANKUASA KECIL AMALAN PERCUKAIAN**

**Jumlah Mesyuarat: 2**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Peter Lim Thiam Kee	Pengerusi	-	2/2
2	Ananthan Chelliah a/l Chelliah	Ahli	-	2/2
3	Beh Tok Koay	Ahli	-	2/2
4	David Lai Shin Fah	Ahli	-	1/2
5	Frances Po Yih Ming	Ahli	-	2/2
6	Goh Kean Hoe	Ahli	-	2/2
7	Gwendolyn Lau	Ahli	Dilantik pada 10 Februari 2011	0/0
8	Jason Boey	Ahli	Dilantik pada 10 Februari 2011	0/0
9	Ong Chow Pheng	Ahli	-	2/2
10	Phoon Sow Cheng	Ahli	-	1/2
11	Tan Hock Kim	Ahli	-	2/2
12	Wong Yok Chin	Ahli	-	2/2

**JAWATANKUASA KECIL AMALAN INSOLVENSII**

**Jumlah Mesyuarat: 5**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Dato' Gan Ah Tee	Pengerusi	-	5/5
2	Dato' Raymond Liew Lee Leong	Ahli	-	2/5
3	Heng Ji Keng	Ahli	-	2/5
4	Peter Lim Thiam Kee	Ahli	-	3/5
5	Subramaniam A V Sankar	Ahli	-	5/5
6	Amy Lim Swee Geok	Ahli	-	5/5
7	Datuk Ng Seing Liong	Ahli	-	5/5
8	Gabriel Teo Chun	Ahli	-	2/5
9	Geoffrey Foo Lai Don	Ahli	-	5/5
10	Kumar Kanagasingam	Ahli	-	4/5
11	Lim San Peen	Ahli	-	5/5
12	Lim Tian Huat	Ahli	-	5/5
13	Mak Kum Choon	Ahli	Dilantik pada 10 Februari 2011	1/1
14	Mea Fatt Leong	Ahli	-	3/5
15	Mok Chew Yin	Ahli	-	5/5
16	Ong Hock An	Ahli	-	5/5
17	Stephen Duar Tuan Kiat	Ahli	-	5/5
18	Wong Chee Lin	Ahli	-	3/5

**JAWATANKUASA AKAUNTAN PROFESIONAL DALAM PERNIAGAAN (PAIB)**

**Jumlah Mesyuarat: 4**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Yeo Tek Ling	Pengerusi	Bersara pada 25 September 2010	1/1
2	Datuk Mohd Nasir Ahmad	Pengerusi	Dilantik pada 1 Januari 2011	3/3
3	Prof. Madya Dr. A. Thillaisundaram	Ahli	-	3/4
4	Ahmad Fuaad Mohd Kenali	Ahli	-	2/4
5	Billy Kang Wei Geih	Ahli	Bersara pada 31 Disember 2010	0/1
6	Prof. Dr. Ibrahim Kamal Abd Rahman	Ahli	Dilantik pada 1 April 2011	1/2
7	Dr. Kalsom Salleh	Ahli	-	1/4
8	Lee Hin Kan	Ahli	-	4/4
9	Prof. Dr. Maliah Sulaiman	Ahli	Bersara pada 31 Disember 2010	0/1
10	Dr. Muslim Har Sani Mohamad	Ahli	-	1/4
11	Mustapa Kamal Mohd Razali	Ahli	-	4/4
12	N. Chanthiran Nagappan	Ahli	-	1/4
13	Saat Esa	Ahli	-	1/4
14	Dr. Ng Boon Beng	Ahli	Dilantik pada 1 April 2011	2/2
15	Mazhairul Jamaludin	Ahli	Dilantik pada 1 April 2011	0/2
16	Dato' Mohd Nizam Zainordin	Ahli	Dilantik pada 1 Jun 2011	0/1
17	Tan Seow Heng	Ahli	Bersara pada 31 Disember 2010	1/1

**04. OPERASI / PENTADBIRAN**

**JAWATANKUASA PEMANDU WCOA 2010**

**Jumlah Mesyuarat: 5\***

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Abdul Rahim Abdul Hamid	Pengerusi Jawatankuasa Pemandu WCOA 2010	-	4/5
2	Dr. YC Lee	Pengerusi Jawatankuasa Penganjur WCOA 2010	-	4/5
3	Christina Constance Foo	Ahli	-	5/5
4	Ho Foong Moi	Ahli	-	4/5
5	Dato' Prof. Dr. Daing Mohd Nasir	Ahli	-	0/5
6	Er Beng Kiong	Ahli (mewakili Akauntan Negara)	-	2/5
7	Rosli Abdullah	Ahli	-	4/5

\* Selepas 11 Ogos 2010, mesyuarat Jawatankuasa Pemandu WCOA 2010 telah digabungkan bersama Jawatankuasa Penganjur. Mesyuarat-mesyuarat tersebut telah diadakan secara mingguan sehingga ke tarikh Kongres. Sejurus selepas Kongres berakhir, Jawatankuasa Penganjur telah ditamatkan dan dua mesyuarat Jawatankuasa Pemandu telah diadakan untuk meneliti dan menyelia penyiapan projek ini.

**PEJABAT SERANTAU MIA**

**WILAYAH UTARA (PERLIS, KEDAH DAN PULAU PINANG)**

**Jumlah Mesyuarat: 4**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Ooi Kok Seng	Pengerusi	Dilantik pada 1 Julai 2010	4/4
2	Adeline Chan Su Lynn	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/4
3	Chan Boon Jiunn	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/4
4	Goh Su Yin	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	4/4
5	Gwendolyn Lau Ee Lin	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/4
6	Lim Huck Khiam	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	4/4
7	Andrew Toh Hai Hin	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	2/4
8	Lok Char Lee	Ahli	Dilantik pada 17 Ogos 2010	3/3

**JOHOR**

**Jumlah Mesyuarat: 6**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Huang Shze Jiun	Pengerusi	Dilantik pada 1 Julai 2010	6/6
2	Se Kuo Shen	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	4/6
3	Alvin Ong Seng Piow	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	4/6
4	Phang Kok Kwen	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	6/6
5	Lee Ming Li	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	6/6
6	Norherienda Abdul Kadir	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	5/6

**SARAWAK**

**Jumlah Mesyuarat: 3**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Chin Chee Kong	Pengerusi	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/3
2	David Tiang Kung Seng	Naib Pengerusi	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/3
3	Dayang Rostylawati Awang Ehsan	Setiausaha Kehormat	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/3
4	Philip Lim Su Sing	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/3
5	Wan Idris Wan Ibrahim	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/3
6	Zahrah Hj Sirat	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/3
7	Mathew Wong Chie Bin	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/3
8	Yong King Sung	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/3

**SABAH**

**Jumlah Mesyuarat: 3**

No.	Nama	Status		Kehadiran
1	Goh Chee San	Pengerusi	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/3
2	Winson Chong Kan Hiung	Naib Pengerusi	Dilantik pada 1 Julai 2010	1/3
3	Wong Chen Fen @ Dennis	Bendahari Kehormat	Dilantik pada 1 Julai 2010	2/3
4	Modesta Siambun	Setiausaha Kehormat	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/3
5	Ng Kiat Min	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	2/3
6	Alex Chan Chau Yau	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	2/3
7	Chong Ket Vui @ Dusun	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	3/3
8	Zallifah Shadan	Ahli	Dilantik pada 1 Julai 2010	0/3

# Penyata Kewangan

Bagi Tahun Berakhir  
30 Jun 2011

Mengekalkan  
Momentum



MALAYSIAN INSTITUTE  
OF ACCOUNTANTS  
ACCOUNTANTS. MANAGERS OF VALUE

PROUD HOST:



MIAconference  
2011

17<sup>th</sup>

MIA INTERNATIONAL ACCOUNTANTS CONFERENCE AFA CONFERENCE

# Sijil Ketua Audit Negara

mengenai Penyata Kewangan



## MENGENAI PENYATA KEWANGAN INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA BAGI TAHUN BERAKHIR 30 JUN 2011

Penyata kewangan Institut Akauntan Malaysia bagi tahun berakhir 30 Jun 2011 telah diaudit oleh wakil saya. Pihak pengurusan bertanggungjawab terhadap penyata kewangan ini. Tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut.

Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan ini termasuk memeriksa rekod dan dokumen secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan, unjuran signifikan oleh pengurusan dan persembahan penyata kewangan secara keseluruhan. Saya percaya pengauditan yang dilaksanakan memberi asas yang munasabah terhadap pendapat saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Institut Akauntan Malaysia pada 30 Jun 2011 serta hasil operasi dan aliran tunai untuk tahun tersebut adalah selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan.

(BOON JON LIN)

b.p KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA

17 OGOS 2011







# Penyata oleh Majlis

Kami, Datuk Mohd. Nasir Ahmad dan Abdul Rahim Abdul Hamid, yang merupakan Presiden dan Naib Presiden INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Majlis, penyata kewangan dan nota-nota akaun yang disertakan adalah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan untuk menunjukkan gambaran yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan Institut pada 30 Jun 2011 dan hasil kendaliannya serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Majlis berikutan resolusi Majlis



DATUK MOHD. NASIR AHMAD  
PRESIDEN



ABDUL RAHIM ABDUL HAMID  
NAIB PRESIDEN

Tarikh : 8 Ogos 2011  
Kuala Lumpur

# Pengakuan oleh Pegawai Utama

## Yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Institut


Saya, ROSLI BIN ABDULLAH, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan INSTITUT AKAUNTAN MALAYSIA dengan ikhlasnya mengakui bahawa penyata kewangan dan nota-nota akaun yang disertakan adalah mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat akaun ini dengan kepercayaan bahawa apa-apa yang tersebut di dalamnya adalah benar, serta menurut Akta Akaun Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas ROSLI BIN ABDULLAH di Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan pada 8 Ogos 2011



ROSLI BIN ABDULLAH

Di hadapan saya,



No.136-1C, Tkt. Satu  
Jln Tun Sambanthan  
Erickfields, 50470 Kuala Lumpur

# Penyata Kedudukan Kewangan

pada 30 Jun 2011

	Nota	30 Jun 2011 RM	30 Jun 2010 RM	1 Julai 2009 RM
<b>Dinyatakan semua</b>				
<b>Aset bukan semasa</b>				
Hartanah, loji dan peralatan	4	3,282,666	3,499,198	3,514,395
Aset tidak ketara	5	39,670	79,333	-
Pelaburan	6	7,458	7,458	7,458
Aset cukai tertunda	7	-	107,163	190,053
		3,329,794	3,693,152	3,711,906
<b>Aset semasa</b>				
Inventori	8	69,688	55,402	146,236
Akaun belum terima, deposit dan prabayar	9	2,024,593	900,898	1,071,583
Yuran tertunggak	10	-	-	-
Cukai Boleh Pulih		-	-	54,199
Akaun Kongres Akauntan Sedunia ("WCOA 2010")		-	13,676,181	10,802,866
Akaun Amanah Institusi	11	6,022,671	6,474,793	6,214,096
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	12	12,548,123	3,323,136	107,074
Wang tunai dan baki di bank	13	6,675,411	1,820,226	1,365,299
		27,340,486	26,250,636	19,761,353
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>30,670,280</b>	<b>29,943,788</b>	<b>23,473,259</b>
<b>Liabiliti semasa</b>				
Pendahuluan yuran		2,422,200	2,093,700	748,900
Pelbagai akaun belum bayar dan akruan	14	6,326,893	3,183,856	1,833,297
Akaun Kongres Akauntan Sedunia ("WCOA 2010")		-	6,456,510	5,724
Pendapatan tertunda	15	600,213	518,489	417,316
Pendapatan tertunda - Geran Kerajaan	16	718,692	6,829,495	-
Peruntukan cukai		174,561	147,332	-
		10,242,559	19,229,382	3,005,237
<b>Liabiliti bukan semasa</b>				
Liabiliti cukai tertunda	7	49,468	-	-
Pendapatan tertunda - Akaun Penajaan ("WCOA 2010")		-	-	1,538,772
Pendapatan tertunda - Geran kerajaan		-	-	8,914,394
		49,468	-	10,453,166
<b>JUMLAH LIABILITI</b>		<b>10,292,027</b>	<b>19,229,382</b>	<b>13,458,403</b>
<b>ASET BERSIH</b>		<b>20,378,253</b>	<b>10,714,406</b>	<b>10,014,856</b>
<b>DANA TERKUMPUL</b>		<b>20,378,253</b>	<b>10,714,406</b>	<b>10,014,856</b>

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penyata kewangan ini

# Penyata Pendapatan Komprehensif

untuk Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2011

	Nota	2011 RM	2010 RM
<b>Pendapatan keahlian</b>			
Yuran tahunan ahli		7,088,100	6,821,900
Yuran kemasukan ahli		883,350	701,850
Yuran sijil amalan		658,000	639,250
		8,629,450	8,163,000
<b>Pendapatan dari aktiviti-aktiviti lain</b>			
Pendapatan dari aktiviti-aktiviti lain	17	11,622,112	14,612,664
Tolak : Faedah kakitangan	21	(2,461,295)	(2,649,519)
Tolak : Belanja langsung	17	(5,619,247)	(7,367,929)
		3,541,570	4,595,216
Lebihan dari Kongres Akauntan Sedunia ("WCOA 2010")	18	9,506,110	-
Pendapatan lain	19	398,682	374,217
		22,075,812	13,132,433
<b>JUMLAH PENDAPATAN</b>			
<b>Perbelanjaan Operasi</b>			
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	4	365,461	396,546
Pelunasan aset tidak ketara	5	39,663	39,667
Peruntukan dan hapus kira	20	264,326	258,161
Faedah kakitangan	21	7,172,130	7,101,391
Perhubungan antarabangsa	22	501,120	435,080
Perkhidmatan keahlian	23	1,636,312	1,741,288
Perbelanjaan lain	24	1,916,322	1,987,860
		11,895,334	11,959,993
		10,180,478	1,172,440
<b>Lebihan sebelum cukai</b>			
Perbelanjaan cukai pendapatan	25	(516,631)	(472,890)
		9,663,847	699,550
<b>Lebihan untuk tahun kewangan, mewakili jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan</b>			

Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penyata kewangan ini

# Penyata Perubahan dalam Dana Terkumpul

untuk Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2011

	<b>RM</b>
Baki pada 1 Julai 2009	10,014,856
Jumlah pendapatan komprehensif bagi tahun kewangan	699,550
Baki pada 30 Jun 2010	<hr/> 10,714,406
Jumlah pendapatan komprehensif untuk tahun kewangan	9,663,847
Baki pada 30 Jun 2011	<hr/> <u>20,378,253</u>

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penyata kewangan ini*

# Penyata Aliran Tunai

untuk Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2011

	2011 RM	2010 RM		
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI</b>				
Penerimaan daripada ahli-ahli dan bukan ahli	31,373,642	32,753,826		
Pembayaran bagi perbelanjaan	(31,383,352)	(29,639,546)		
Penerimaan bagi WCOA 2010	17,640,542	2,673,147		
Pembayaran bagi WCOA 2010	(14,724,625)	(2,558,351)		
Penjanaan tunai daripada operasi	2,906,207	3,229,076		
Geran Kerajaan diterima	400,000	1,090,400		
Pendapatan sewa	28,100	30,200		
Yuran pengurusan	5,500	5,000		
Bayaran cukai	(332,771)	(188,469)		
<b>Aliran Tunai Operasi Bersih</b>	3,007,036	4,166,207		
<b>ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN</b>				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara (Nota A)	(288,728)	(442,599)		
Dividen diterima dari Akaun Amanah Institusi	307,084	622,559		
Faedah diterima dari simpanan tetap	237,165	74,628		
<b>Aliran Tunai Pelaburan Bersih</b>	255,521	254,588		
<b>PENINGKATAN DALAM TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI DALAM TAHUN KEWANGAN</b>			3,262,557	4,420,795
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AWAL TAHUN KEWANGAN</b>			21,983,648	17,562,853
<b>TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI PADA AKHIR TAHUN KEWANGAN</b>			25,246,205	21,983,648
<b>ANALISIS TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI:-</b>				
Tunai di tangan	6,281	6,045		
Baki di bank	6,669,130	1,814,181		
Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	12,548,123	3,323,136		
Akaun Amanah Institusi	6,022,671	6,474,793		
<b>Akaun WCOA 2010:</b>				
- Baki di bank	-	1,584,402		
- Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	-	1,190,881		
- Akaun Amanah Institusi	-	7,590,210		
	25,246,205	21,983,648		

Dengan penutupan akaun WCOA 2010, baki di bank untuk WCOA 2010 sebanyak RM2,581,566 dan simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen sebanyak RM8,927,241 telah diklasifikasi semula ke akaun Institut.

Penyata Aliran Tunai untuk Tahun Kewangan Berakhir 30 Jun 2011 (sambung)

	2011 RM	2010 RM
<b>Nota A: Belian hartanah, loji dan peralatan dan aset tidak ketara</b>		
Belian hartanah, loji dan peralatan dalam tahun kewangan	213,205	404,554
Belian aset tidak ketara dalam tahun kewangan	-	119,000
Tambah : Belian yang belum dibayar pada tahun kewangan sebelumnya	80,955	-
	<u>294,160</u>	<u>523,554</u>
Tolak : Belian yang belum dibayar pada tahun kewangan berakhir	(5,432)	(80,955)
Seperti di penyata aliran tunai	<u>288,728</u>	<u>442,599</u>

*Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian penyata kewangan ini*



# Nota-Nota Berkenaan Penyata Kewangan

30 Jun 2011

## 1. OBJEKTIF-OBJEKTIF / AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA

Institut diperbadankan di bawah Akta Akauntan, 1967 dan berdomisil di Malaysia. Objektif-objektif / aktiviti-aktiviti utama Institut di bawah Akta adalah:

- untuk menentukan kelayakan seseorang yang akan didaftarkan sebagai ahli;
- untuk menyediakan latihan dan pendidikan oleh Institut atau badan-badan lain, kepada seseorang yang mengamalkan atau ingin mengamalkan profesion perakaunan;
- untuk meluluskan Peperiksaan Kelayakan Institut Akauntan Malaysia serta mengawal dan menyelia pelaksanaan Peperiksaan tersebut;
- untuk mengawal selia amalan profesion perakaunan di Malaysia;
- untuk mempromosikan, melalui sebarang cara yang difikirkan patut, kepentingan profesion perakaunan di Malaysia;
- untuk menjaga kepentingan atau memberi lain-lain bantuan yang berkaitan kepada ahli-ahli atau tanggungannya dalam apa cara yang berpatutan dengan niat untuk melindungi atau meningkatkan kebajikan ahli-ahlinya; dan
- secara umum melaksanakan sebarang usaha yang sesuai bertujuan untuk mencapai objektif-objektif di atas.

Tidak terdapat perubahan yang penting dalam objektif-objektif/aktiviti-aktiviti utama Institut dalam tahun kewangan ini.

Alamat berdaftar Institut ialah Dewan Akauntan, No. 2, Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields, 50470 Kuala Lumpur.

## 2. TARIKH KELULUSAN PENERBITAN

Penyata kewangan Institut telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Majlis menurut resolusi Majlis pada 8 Ogos 2011.

## 3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

### 3.1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Institut telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan (FRSs) di Malaysia. Pada permulaan tahun kewangan semasa, Institut menerima pakai FRSs baru dan disemak semula yang wajib untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas 1 Julai 2010 seperti yang digambarkan sepenuhnya di Nota 3.2.

Penyata kewangan Institut telah disediakan berasaskan konvensyen kos bersejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya dalam panyata dasar individu di bawah.

Penyata kewangan dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) dan semua nilai dibulatkan kepada ringgit terdekat, kecuali dinyatakan sebaliknya.

### 3.2 FRSs BARU DAN DISEMAK SEMULA, PINDAAN KEPADA FRSs DAN TAFSIRAN JAWATANKUASA ISU (IC)

Polisi perakaunan yang diguna pakai oleh Institut adalah selaras dengan yang digunakan dalam tahun kewangan sebelumnya selain daripada penggunaan FRSs baru dan disemak semula, Tafsiran IC dan pindaan kepada FRSs yang relevan dengan operasi Institut dan berkuatkuasa dari awal tahun kewangan semasa seperti yang berikut:

Diskripsi		Berkuatkuasa untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas
FRS 1	Penerimaan Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan (Disemak semula)	1 Julai 2010
FRS 7	Instrumen Kewangan : Pendedahan	1 Januari 2010
FRS 101	Pembentangan Penyata Kewangan (Disemak semula)	1 Januari 2010
FRS 123	Kos Pinjaman	1 Januari 2010
FRS 139	Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 7	Instrumen Kewangan : Pendedahan	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 132	Instrumen Kewangan : Pembentangan - Instrumen kewangan boleh letak dan obligasi berikutan pembubaran - Pindaan penting berikutan dari FRS 101 - Pindaan penting berikutan dari penambahbaikan kepada FRSs (2009)	1 Januari 2010
Pindaan kepada FRS 138	Aset Tak Ketara - Tambahan penting pindaan berikutan dari semakan semula FRS 3	1 Julai 2010
Penambahbaikan kepada FRSs (2009)		1 Januari 2010

Penerimaan pakai FRSs baru dan yang disemak semula dan Tafsiran kepada IC serta pindaan kepada FRSs tidak memberi sebarang kesan ketara ke atas keputusan dan kedudukan kewangan Institut atau sebarang perubahan ketara dalam pembentangan dan pendedahan amaun dalam penyata kewangan selain daripada yang dibincangkan di bawah.

**a) FRS 7, Instrumen Kewangan : Pendedahan**

Sebelum 1 Julai 2010, pendedahan maklumat mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi amaun, pemasaan dan kepastian aliran tunai masa depan sesebuah entiti berkaitan dengan instrumen kewangan dilakukan menurut keperluan FRS 132, Instrumen Kewangan : Pendedahan dan Pembentangan. FRS 7 menggantikan keperluan pendedahan FRS 132 dan memperkenalkan pendedahan yang lebih ke atas instrumen kewangan. Ia memerlukan pendedahan kepentingan instrumen kewangan untuk prestasi dan kedudukan kewangan sesebuah entiti dan maklumat kualitatif dan kuantitatif mengenai pendedahan kepada risiko yang timbul daripada instrumen kewangan, termasuk pendedahan minimum tertentu mengenai risiko kredit, risiko kecairan dan aliran tunai dan risiko pasaran.

Institut telah mengguna pakai FRS 7 secara prospektif menurut peruntukan peralihan piawaian. Akibatnya, sesetengah maklumat perbandingan untuk pendedahan baru tersebut tidak dibentangkan. Memandangkan perubahan tersebut hanya mempengaruhi pendedahan, ia tidak memberi kesan ke atas keputusan atau kedudukan kewangan Institut.

**b) FRS 101, Pembentangan Penyata Kewangan (Disemak semula)**

FRS 101 yang disemak semula memperkenalkan perubahan kepada keperluan keseluruhan bagi pembentangan penyata kewangan, garis panduan bagi strukturnya dan keperluan minimum bagi kandungannya.

Piawaian yang disemak semula memerlukan pembentangan kesemua perubahan ekuiti pemilik dalam penyata perubahan ekuiti dan kesemua perubahan ekuiti bukan pemilik dibentangkan secara berasingan dalam satu penyata pendapatan komprehensif atau dalam dua penyata yang berkaitan. Institut telah memilih untuk membuat pembentangan dalam satu penyata.

Piawaian yang disemak semula juga memerlukan satu penyata kedudukan kewangan pada permulaan tempoh perbandingan yang terawal apabila terdapat perubahan dalam dasar perakaunan secara retrospektif atau apabila

terdapatnya penyataan semula secara retrospektif atau klasifikasi semula butiran dalam penyata kewangan.

Selain itu, FRS 101 yang disemak semula memerlukan pendedahan baru maklumat yang membolehkan pengguna penyata kewangan untuk menilai objektif, dasar dan proses pengurusan modal Institut.

Institut telah menerima pakai FRS 101 yang disemak semula secara retrospektif. Penerimaan pakai tersebut tidak mempunyai kesan ke atas keputusan atau kedudukan kewangan Institut untuk tahun-tahun kewangan semasa dan sebelumnya.

**c) FRS 139, Instrumen Kewangan : Pengiktirafan dan Pengukuran**

FRS 139 menetapkan prinsip-prinsip untuk mengiktiraf dan mengukur aset kewangan, liabiliti kewangan dan sesetengah kontrak untuk membeli atau menjual item bukan kewangan. Institut telah menerima pakai FRS 139 secara prospektif bermula dari 1 Julai 2010 menurut peruntukan piawaian peralihan.

Penerimaan pakai FRS 139 telah mengakibatkan perubahan kepada polisi perakaunan yang berkaitan dengan pengurangan nilai belum terima. Sebelum 1 Julai 2010, peruntukan hutang ragu dilakukan apabila suatu hutang dianggap ragu dalam pungutan. Sebaik sahaja penerimaan pakai FRS 139, kerugian pengurangan nilai diiktiraf apabila terdapatnya bukti objektif yang mana kerugian pengurangan nilai telah berlaku. Jumlah kerugian dinilai sebagai perbezaan di antara amaun dibawa belum terima dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal belum terima.

**3.3 FRSs BARU DAN DISEMAK SEMULA, PINDAAN KEPADA FRSs DAN TAFSIRAN JAWATANKUASA ISU (IC) YANG DIKELUARKAN TETAPI BELUM BERKUATKUASA**

Institut masih belum menerima pakai awal FRSs baru atau yang disemak semula, pindaan kepada FRSs dan Tafsiran IC yang telah dikeluarkan oleh MASB tetapi masih belum berkuatkuasa seperti yang berikut:

Diskripsi		Berkuatkuasa untuk tempoh kewangan bermula pada atau selepas
FRS 124	Pendedahan Pihak Berkaitan	1 Januari 2012
Pindaan kepada FRS 1	Penerimaan Pakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan - Pengecualian Terhadap daripada Pendedahan Perbandingan FRS 7	1 Januari 2011
Pindaan kepada FRS 1	Penerimaan Pakai Kali Pertama Piawaian Pelaporan Kewangan - Pengecualian Tambahan	1 Januari 2011
Pindaan kepada FRS 7	Instrumen Kewangan: Pendedahan - Memperbaiki Pendedahan mengenai Instrumen Kewangan	1 Januari 2011
Penambahbaikan kepada FRSs (2010)		1 Januari 2011

Institut akan menerima pakai FRSs, pindaan kepada FRSs dan tafsiran-tafsiran di atas, apabila ia telah berkuatkuasa dan ia dijangka tidak memberi sebarang kesan ketara kepada penyata kewangan Institut pada penggunaan pakai awal.

### 3.4 RINGKASAN DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

#### a) Pengiktirafan Pendapatan

- (i) Yuran tahunan keahlian perlu dibayar setiap tahun pada permulaan tahun kewangan. Hanya yuran tahunan yang berkaitan dengan tahun kewangan semasa diiktiraf sebagai pendapatan. Yuran berkaitan tempoh-tempoh selepas tahun kewangan semasa diiktiraf sebagai pendahuluan yuran di dalam pendapatan tertunda di bawah liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.
- (ii) Kemasukan keahlian diiktiraf selepas permohonan keahlian diluluskan oleh Majlis. Yuran tahunan dan yuran kemasukan bagi permohonan yang diluluskan sebagai ahli selepas tahun kewangan tetapi telah diterima di dalam tahun kewangan diambil kira sebagai pendapatan tertunda di bawah liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.
- (iii) Pendapatan dari Seminar dan Persidangan diiktiraf dalam tempoh perkhidmatan diberikan. Pembayaran pendahuluan yang diterima dari Seminar dan Persidangan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda di bawah liabiliti semasa dalam penyata kedudukan kewangan.
- (iv) Pendapatan dari jualan bahan/penerbitan Teknikal diiktiraf apabila kawalan fizikal barang niaga diserahkan kepada pembeli.
- (v) Pendapatan dari iklan yang dimasukkan dalam jurnal Institut diiktiraf sepanjang tempoh iklan. Pendapatan yang diterima dari iklan yang berlangsung sebelum tempoh tersebut akan diambil kira sebagai pendapatan tertunda. Pendapatan penajaan adalah ditunda sehingga aktiviti berakhir.
- (vi) Yuran pemprosesan pendaftaran sebagai calon yang layak menduduki Peperiksaan Kelayakan diiktiraf sebaik sahaja diterima tetapi yuran calon-calon yang layak hanya diambil kira setelah mendapat kelulusan dari Jawatankuasa Peperiksaan. Yuran peperiksaan diiktiraf dua kali bagi setiap tahun kalendar apabila peperiksaan berlangsung. Yuran tuisyen diiktiraf sepanjang tempoh tuisyen berlangsung.
- (vii) Pendapatan semakan amalan diiktiraf setelah semakan amalan selesai.
- (viii) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima bayaran diwujudkan.
- (ix) Pendapatan faedah diiktiraf berdasarkan asas hasil yang efektif.
- (x) Pendapatan sewa diiktiraf pada asas akruan.

#### b) Pengurangan nilai aset bukan kewangan

Institut menilai pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk pengurangan nilai aset. Sekiranya wujud petunjuk begini, atau penilaian pengurangan nilai tahunan sesuatu aset diperlukan, Institut membuat anggaran nilai boleh pulih aset.

Nilai boleh pulih aset adalah nilai yang lebih tinggi di antara nilai saksama satu aset ditolak kos jualan dan nilai penggunaannya. Untuk tujuan penaksiran pengurangan nilai, aset dikumpulkan pada tahap terendah yang mana terdapat aliran tunai yang boleh dikenalpasti secara berasingan (unit penajaan tunai (CGU)).

Dalam mentaksir nilai penggunaannya, anggaran aliran tunai masa depan yang dijangka akan dijana oleh aset adalah didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset. Apabila amaun dibawa aset melebihi amaun boleh pulih, aset diturunkan nilai kepada amaun boleh pulih. Kerugian pengurangan nilai diiktiraf berkaitan dengan CGU

atau kumpulan CGU diagihkan dulu untuk mengurangkan amaun dibawa sebarang muhibah yang diagihkan kepada unit atau kumpulan unit tersebut dan kemudiannya, untuk mengurangkan amaun dibawa aset lain dalam unit atau kumpulan unit pada asas pro-rata.

Kerugian pengurangan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali untuk aset yang sebelumnya dinilai semula yang mana penilaian semula dimasukkan ke pendapatan komprehensif lain. Dalam kes ini, pengurangan nilai turut diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain bergantung kepada amaun penilaian semula sebelumnya.

Penaksiran dibuat pada setiap tarikh pelaporan bagi mengesan sama ada terdapat petanda bahawa kerugian pengurangan nilai yang diiktiraf sebelumnya mungkin tidak wujud lagi atau mungkin berkurang. Kerugian pengurangan nilai yang diiktiraf sebelum ini dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih aset sejak kerugian pengurangan nilai terakhir diiktiraf. Jika ia berlaku, amaun dibawa aset dinaikkan kepada amaun boleh pulih. Peningkatan ini tidak boleh melebihi amaun dibawa yang mungkin ditentukan, bersih susut nilai dan tiada kerugian pengurangan nilai telah diiktiraf sebelum ini. Pembalikan ini diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali aset tersebut diukur pada amaun penilaian semula, yang mana pembalikan dianggap sebagai peningkatan penilaian semula. Kerugian pengurangan nilai atas muhibah tidak boleh dibalikkan dalam tempoh seterusnya.

#### c) Pengurangan nilai aset kewangan

Institut menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat bukti objektif bahawa nilai aset kewangan berkurang.

##### Belum terima dan aset kewangan lain dibawa pada kos pelunasan.

Untuk mengenalpasti sama ada terdapat bukti objektif bahawa kerugian pengurangan nilai pada aset kewangan telah berlaku, Institut mempertimbangkan faktor-faktor seperti masalah kewangan ketara penghutang dan kelalaian atau kelewatan ketara dalam pembayaran. Bagi sesetengah kategori aset kewangan yang dinilai sebagai tidak berkurang nilai secara individu, ia dinilai berikutnya untuk pengurangan nilai atas asas kolektif berdasarkan kepada karektor risiko yang sama. Bukti objektif pengurangan nilai untuk portfolio belum terima mungkin termasuk pengalaman lepas Institut dalam kutipan pembayaran, peningkatan dalam bilangan kelewatan pembayaran dalam portfolio melepasi tempoh kredit purata dan perubahan yang boleh dilihat kepada keadaan ekonomi tempatan atau negara yang berkait dengan kelalaian atas belum terima.

Jika kejadian ini berlaku, amaun kerugian pengurangan nilai diukur sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan didiskaunkan pada kadar faedah efektif asal aset kewangan. Kerugian pengurangan nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Amaun dibawa aset kewangan dikurangkan oleh kerugian pengurangan nilai secara langsung untuk semua aset kewangan kecuali belum terima perniagaan, yang mana amaun di bawa dikurangkan melalui penggunaan akaun peruntukan. Apabila belum terima perniagaan menjadi tidak boleh dikumpulkan, ia dihapus kira ke atas akaun peruntukan.

Jika dalam tempoh berikutnya, amaun kerugian pengurangan nilai berkurang dan pengurangan itu boleh dikaitkan secara objektif kepada keadaan yang berlaku selepas pengurangan nilai diiktiraf, kerugian pengurangan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan sehingga amaun dibawa aset tidak melebihi kos pelunasannya pada tarikh ia dibalikkan. Amaun dibalikkan diiktiraf dalam untung atau rugi.

**Sekuriti ekuiti tidak sebut harga dibawa pada kos**

Sekiranya terdapat bukti objektif (seperti perubahan buruk yang ketara dalam persekitaran perniagaan di mana pengeluaran beroperasi, kebarangkalian insolvensi atau masalah kewangan ketara pengeluaran) yang menyebabkan kerugian pengurangan nilai ke atas aset di bawa pada kos telah berlaku, jumlah kerugian dinilai sebagai perbezaan di antara amaun dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai masa depan yang didiskaunkan pada kadar pulangan pasaran semasa untuk aset kewangan yang sama. Kerugian pengurangan nilai sedemikian tidak dibalikkan dalam tempoh berikutnya.

**d) Hartanah, Loji dan Peralatan**

Hartanah, loji dan peralatan dicatatkan pada kos ditolak susut nilai terkumpul dan kerugian pengurangan nilai terkumpul. Hartanah, loji dan peralatan diturunkan nilai pada amaun boleh pulihnya. Kos termasuklah perbelanjaan yang secara langsung menyumbang kepada pemerolehan item tersebut.

Kos penggantian sebahagian item dari hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam amaun dibawa item tersebut jika berkemungkinan faedah ekonomi masa depan terangkum di dalamnya akan mengalir ke Institut dan kosnya boleh diukur dengan pasti. Kos penyelenggaraan harian hartanah, loji dan peralatan diiktiraf dalam penyata pendapatan komprehensif seperti yang ditanggung.

Susut nilai tidak diperuntukkan bagi tanah pegangan kekal kerana ia mempunyai hayat infiniti. Bangunan atas tanah pegangan kekal dan tanah pegangan pajak dilunaskan pada kadar 2% setahun. Susut nilai hartanah, loji dan peralatan lain dikira berdasarkan kaedah garis lurus ke atas anggaran hayat bergunanya seperti berikut:

Peralatan pejabat	10%
Perabot dan kelengkapan	10%
Peralatan komputer	33 <sup>1</sup> / <sub>3</sub> %
Pengubahsuaian	10%

Nilai di bawa hartanah, loji dan peralatan disemak semula untuk pengurangan nilai apabila berlaku peristiwa atau perubahan dalam keadaan yang menunjukkan bahawa nilai di bawa mungkin tidak boleh pulih semula.

Nilai sisa, hayat berguna dan kaedah susut nilai disemak semula pada setiap penghujung tahun kewangan dan dilaraskan secara prospektif, sekiranya sesuai.

Sesebuah item dari hartanah, loji dan peralatan tidak diiktiraf sebaik sahaja dihapuskan atau apabila tiada faedah ekonomi masa depan dijangkakan dari kegunaannya atau pelupusannya. Perbezaan antara hasil pelupusan bersih, jika ada, dan amaun dibawa bersih diiktiraf dalam untung dan rugi.

**e) Aset Tidak ketara - Perisian Komputer**

Kos lesen perisian komputer diperoleh adalah dimodalkan sebagai aset tidak ketara. Kos termasuklah harga belian dan sebarang kos yang terlibat secara langsung dalam penyediaan aset bagi penggunaan yang dirancang. Kos ini dilunaskan berdasarkan asas garis lurus disepanjang tempoh aset dijangka menjana faedah ekonomi.

**f) Yuran Tertunggak**

Yuran tertunggak selama enam (6) bulan dan ke atas yang terhutang daripada ahli-ahli yang telah dibatalkan keahliannya dari Daftar Ahli dan ahli Majlis berpendapat bahawa hutang tersebut tidak boleh dijelaskan oleh ahli-ahlinya akan dihapus kira di dalam untung atau rugi. Pengurangan nilai belum terima dijalankan berdasarkan semakan ke atas semua yuran tertunggak pada tarikh pelaporan. Hutang yang dikutip semula berikutnya diambil kira atas asas tunai. Ahli-ahli yang sedang dalam siasatan dan terlibat dalam prosiding tatatertib yang dikenakan ke atas mereka dan mempunyai yuran tertunggak melebihi enam (6) bulan tidak akan dibatalkan keahlian mereka dari Daftar Ahli.

**g) Inventori**

Penerbitan, cenderamata dan barang niaga dinyatakan pada nilai terendah antara kos dan nilai boleh realis bersih. Kos ditentukan mengikut asas masuk-dulu, keluar-dulu. Nilai boleh realis bersih ialah anggaran harga jualan dalam perniagaan biasa tolak anggaran kos yang perlu untuk membuat jualan.

**h) Cukai Pendapatan**

Cukai pendapatan ke atas keuntungan atau kerugian bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa adalah amaun cukai pendapatan dijangkakan perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun dan ditentukan mengikut kadar cukai yang digubal pada tarikh pelaporan.

Aset cukai tertunda diiktiraf bagi kesemua perbezaan sementara yang boleh diberikan potongan, kredit cukai belum guna dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum guna dibawa ke hadapan, setakat terdapat kemungkinan keuntungan bercukai akan wujud yang mana perbezaan sementara yang boleh ditolak kredit cukai belum guna dibawa ke hadapan dan kerugian cukai belum guna dibawa ke hadapan dapat digunakan.

Amaun dibawa aset cukai tertunda disemak semula pada setiap tarikh pelaporan dan akan dikurangkan setakat yang mana tidak lagi berkemungkinan keuntungan cukai mencukupi akan tersedia untuk membolehkan semua atau sebahagian daripada aset cukai tertunda tersebut digunakan.

Aset cukai tertunda tidak diiktiraf dinilai semula pada setiap tarikh pelaporan dan diiktiraf setakat yang mana berkemungkinan keuntungan bercukai masa depan akan membenarkan aset cukai tertunda boleh digunakan.

Cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangka akan dikenakan pada tempoh apabila aset tersebut direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kepada kadar cukai yang telah digubal atau digubal secara substantif pada tarikh pelaporan. Cukai tertunda diiktiraf sebagai pendapatan atau perbelanjaan dan dimasukkan di dalam penyata pendapatan komprehensif untuk tempoh, kecuali jika ia terhasil dari urusniaga yang diiktiraf secara langsung dalam ekuiti, dalam kes yang mana cukai tertunda turut diiktiraf secara langsung dalam ekuiti.

Aset cukai tertunda dan liabiliti adalah diimbangi, jika hak yang boleh dikuatkuasakan secara undang-undang wujud untuk menolak aset cukai semasa ke atas liabiliti cukai semasa dan cukai-cukai tertunda berkait dengan entiti bercukai yang sama dan pihak berkuasa cukai yang sama.

#### i) Geran Kerajaan

Geran kerajaan pada mulanya diiktiraf pada nilai saksama dalam penyata kedudukan kewangan sebagai pendapatan tertunda yang mana terdapat jaminan munasabah bahawa geran tersebut akan diperolehi dan semua syarat berkaitan akan dipatuhi.

Geran berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan dikira sebagai pendapatan tertunda dan diiktiraf sebagai pendapatan atas asas sistematik ke atas jangkaan hayat aset. Geran yang diterima sebagai pampasan kepada Institut atas perbelanjaan yang telah ditanggung, diiktiraf sebagai pendapatan sepanjang tempoh untuk memadamkan kos yang sepatutnya diberi pampasan. Ini ditunjukkan sebagai nilai bersih dalam untung atau rugi.

#### j) Faedah Kakitangan

##### (i) Faedah Jangka Pendek Kakitangan

Upah, gaji, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan Institut. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar adalah diiktiraf apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan yang meningkatkan hak mereka bagi ketidakhadiran berbayar masa depan. Ketidakhadiran berbayar tak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit adalah diiktiraf apabila berlakunya ketidakhadiran itu.

##### (ii) Rancangan Caruman Tetap

Institut membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi dalam tempoh yang mana perkhidmatan berkaitan diberikan. Apabila caruman telah dibayar, Institut tiada obligasi bayaran lagi.

#### k) Transaksi Mata Wang Asing dan Baki

Transaksi dalam mata wang asing telah ditukarkan kepada Ringgit Malaysia, yang juga merupakan mata wang fungsian Institut pada kadar pertukaran pada tarikh transaksi atau, apabila pembayaran belum dibuat pada akhir tahun kewangan pada anggaran kadar pertukaran pada tarikh akhir tahun kewangan. Semua keuntungan dan kerugian pertukaran mata wang asing diambil kira dalam untung atau rugi.

#### l) Aset Kewangan

Institut mengiktiraf semua aset kewangan dalam penyata kedudukan kewangannya apabila, dan hanya apabila, Institut menjadi satu pihak berkontrak kepada peruntukan instrumen tersebut.

##### (i) Klasifikasi dan penilaian

Aset kewangan dinilai pada mulanya berdasarkan kepada nilai saksama ditambah, dalam kes yang mana aset kewangan bukan pada nilai saksama melalui untung dan rugi, kos urus niaganya yang boleh dikaitkan secara langsung.

Aset kewangan adalah diklasifikasikan dalam aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang sehingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual, bergantung kepada sifat semulajadi dan tujuan aset kewangan dan ditentukan pada masa pengiktirafan permulaan.

##### Pinjaman dan belum terima

Aset kewangan dengan pembayaran ditetapkan atau boleh ditentukan yang mana tidak disebut harga dalam suatu pasaran yang aktif adalah diklasifikasikan sebagai pinjaman dan belum terima.

Berikutan pengiktirafan permulaan, pinjaman dan belum terima dinilai pada kos dilunaskan dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Perolehan dan kerugian diiktiraf dalam untung atau rugi apabila pinjaman dan belum terima dilucut pengiktirafan atau berkurang nilai, melalui proses pelunasan.

Pinjaman dan belum terima diklasifikasikan sebagai aset semasa, kecuali untuk yang mempunyai tempoh matang selepas 12 bulan dari tarikh pelaporan yang diklasifikasikan sebagai bukan semasa.

##### Aset kewangan sedia untuk dijual

Aset kewangan sedia untuk dijual adalah aset kewangan yang ditetapkan sebagai sedia untuk dijual atau tidak diklasifikasikan dalam mana-mana tiga kategori sebelumnya.

Selepas pengiktirafan permulaan, aset kewangan sedia untuk dijual dinilai pada nilai saksama. Sebarang perolehan atau kerugian dari perubahan dalam nilai saksama aset kewangan adalah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain kecuali kerugian pengurangan nilai, keuntungan dan kerugian pertukaran asing bagi instrumen monetari dan faedah dikira menggunakan kaedah faedah efektif diiktiraf dalam untung atau rugi. Keuntungan atau kerugian terkumpul diiktiraf sebelumnya dalam pendapatan komprehensif lain diklasifikasi semula daripada ekuiti kepada untung atau rugi sebagai pelarasan pengklasifikasi semula apabila aset kewangan tersebut dilucut pengiktirafannya. Pendapatan faedah dikira menggunakan kaedah faedah efektif adalah diiktiraf dalam untung atau rugi. Dividen bagi instrumen ekuiti sedia untuk dijual diiktiraf dalam untung atau rugi apabila hak Institut untuk menerima bayaran diwujudkan.

Pelaburan dalam instrumen ekuiti yang mana nilai saksama tidak boleh dinilai dengan pasti adalah dinilai pada kos tolak kerugian pengurangan nilai.

##### (ii) Melucutkan pengiktirafan suatu aset kewangan

Aset kewangan dilucutkan pengiktirafan apabila, dan hanya apabila, hak berkontrak ke atas aliran tunai daripada aset kewangan tamat atau ia memindah aset kewangan tersebut tanpa mengekal kawalan atau memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan kepada pihak lain.

Dengan melucutkan pengiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan antara amaun dibawa dan jumlah ganjaran diterima dan sebarang keuntungan atau kerugian terkumpul yang telah diiktiraf dalam pendapatan komprehensif yang lain adalah diiktiraf dalam untung atau rugi.



(iii) **Kaedah biasa membeli atau menjual aset kewangan**

Kaedah biasa membeli atau menjual adalah membeli atau menjual aset kewangan yang memerlukan penghantaran aset dalam tempoh biasanya ditetapkan oleh peraturan atau konvensi dalam kawasan pasaran terbabit. Semua kaedah biasa membeli atau menjual aset kewangan adalah diiktiraf atau dilucut pengiktirafannya pada tarikh dagangan iaitu tarikh yang mana Institut menyatakan kesanggupannya untuk membeli atau menjual aset tersebut.

**m) Liabiliti kewangan**

Institut mengiktiraf semua liabiliti kewangan dalam penyata kedudukan kewangannya apabila, dan hanya apabila, Institut menjadi satu pihak berkontrak kepada peruntukan instrumen tersebut.

(i) **Klasifikasi dan penilaian**

Liabiliti kewangan dinilai pada mulanya pada nilai saksama ditambah, dalam kes liabiliti kewangan lain, kos urusniaga yang boleh dikaitkan secara langsung.

Liabiliti kewangan diklasifikasikan sebagai sama ada liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau liabiliti kewangan lain pada kos terlunas.

Institut tidak mempunyai sebarang liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 2011. Liabiliti kewangan Institut diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan lain.

**Liabiliti kewangan lain**

Semua liabiliti kewangan, selain daripada yang dikategorikan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi, adalah kemudiannya dinilai pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah efektif. Liabiliti kewangan lain Institut termasuklah yuran pendahuluan dan belum bayar.

Suatu keuntungan atau kerugian ke atas liabiliti kewangan lain diiktiraf dalam untung atau rugi apabila liabiliti kewangan dilucut pengiktirafan dan melalui proses pelunasan.

(ii) **Liabiliti kewangan dilucut pengiktirafan**

Suatu liabiliti kewangan dilucut pengiktirafan apabila, dan hanya apabila, obligasi tertentu dalam kontrak telah lupus. Apabila liabiliti kewangan yang sedia ada ditukar dengan peminjam yang sama dengan syarat yang amat berbeza atau syarat liabiliti sedia ada yang sebahagian besarnya diubah suai, maka ia dianggap sebagai sesuatu pelupusan liabiliti kewangan asal dan liabiliti kewangan baru diiktiraf. Perbezaan antara nilai di bawa liabiliti kewangan yang dilupuskan atau dipindah kepada pihak lain dan ganjaran yang dibayar, termasuk aset bukan tunai yang dipindah atau liabiliti yang diandaikan, adalah diiktiraf dalam untung atau rugi.

**n) Peruntukan**

Peruntukan diiktiraf apabila Institut mempunyai satu obligasi semasa yang sah dari segi undang-undang dan konstruktif kesan daripada peristiwa lepas dan berkemungkinan besar satu aliran keluar sumber melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan amaun obligasi boleh dibuat anggaran yang tepat.

Peruntukan disemak semula pada setiap tarikh pelaporan dan diselaraskan untuk memberi gambaran anggaran

terbaik semasa. Jika ia tidak lagi berkemungkinan bahawa satu aliran keluar sumber melibatkan manfaat ekonomi akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi, peruntukan tersebut akan dibalikkan. Apabila kesan nilai masa wang adalah material, amaun peruntukan diukur pada nilai semasa jangkaan perbelanjaan diperlukan bagi menyelesaikan obligasi menggunakan kadar pra-cukai yang mencerminkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada liabiliti tersebut. Apabila pendiskaunan digunakan, peningkatan dalam amaun peruntukan disebabkan oleh laluan masa, diiktiraf sebagai kos kewangan.

**o) Tunai dan Kesetaraan Tunai**

Tunai dan kesetaraan tunai termasuk tunai dalam tangan, baki di bank, deposit dengan institusi kewangan berlesen dan pelaburan yang amat mudah cair yang boleh ditukar dengan mudah kepada amaun tunai dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah langsung.

**3.5 ANGGARAN DAN PERTIMBANGAN PERAKAUNAN PENTING**

Tiada pertimbangan signifikan dibuat dalam proses menggunakan dasar perakaunan Institut yang mungkin memberi kesan penting ke atas amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan.

Pihak pengurusan membuat andaian penting berkenaan masa depan dan sumber penting lain berkenaan anggaran yang tidak pasti pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko penting yang menyebabkan pelarasan material kepada amaun di bawa atas aset dan liabiliti dalam masa tahun kewangan akan datang.

Berikut mewakili ringkasan sumber penting anggaran yang tidak pasti:

(i) **Hayat berguna hartanah, loji dan peralatan dan aset tak ketara**

Hartanah, loji dan peralatan disusut nilai pada asas garis lurus sepanjang hayat bergunanya yang dianggarkan. Majlis menganggarkan hayat berguna bagi hartanah, loji dan peralatan adalah dalam lingkungan 3 ke 50 tahun. Amaun dibawa untuk hartanah, loji dan peralatan Institut pada 30 Jun 2011 adalah RM3,282,666 (2010: RM3,499,198). Perubahan pada tahap penggunaan yang dijangkakan dan perkembangan teknologi mungkin memberi kesan kepada hayat kegunaan ekonomi dan nilai sisa bagi hartanah, loji dan peralatan. Oleh itu, caj susut nilai masa depan boleh disemak semula.

(ii) **Pengurangan nilai akaun belum terima**

Institut membuat peruntukan untuk kerugian pengurangan nilai berdasarkan kepada penilaian ke atas kebolehpulihan akaun belum terima. Peruntukan digunakan untuk belum terima yang mana peristiwa atau perubahan dalam keadaan menunjukkan amaun dibawa tidak boleh didapati kembali. Dalam menilai tahap hutang yang tidak dapat diperolehi semula, Majlis telah memberi pertimbangan yang wajar terhadap semua maklumat yang penting berkenaan kemampuan penghutang untuk menjelaskan hutang. Apabila jangkaan berbeza daripada anggaran asal, perbezaan sebegini akan memberi kesan kepada nilai dibawa belum terima. Amaun dibawa belum terima dan peruntukan terkumpul bagi kerugian pengurangan nilai didedahkan dalam Nota 9.



## (iii) Cukai Pendapatan dan Cukai Tertunda

Anggaran diperlukan untuk menentukan peruntukan untuk cukai pendapatan. Terdapat urus niaga dan pengiraan yang mana penetapan cukai muktamad adalah tidak pasti dalam keadaan biasa perniagaan. Institut mengiktiraf liabiliti cukai berdasarkan anggaran taksiran liabiliti cukai kena bayar. Sekiranya keputusan cukai muktamad berkenaan perkara tersebut berbeza daripada jumlah yang dicatatkan pada permulaannya, perbezaan tersebut akan memberi kesan ke atas cukai pendapatan dan cukai tertunda dalam tempoh yang mana keputusan dibuat.

Implikasi cukai tertunda yang berpunca dari perubahan dalam kadar cukai pendapatan korporat dinilai dengan

merujuk kepada anggaran realisasi dan penyelesaian perbezaan sementara dalam tempoh masa depan yang mana kadar cukai dijangka akan diguna pakai, berdasarkan kepada kadar cukai digubal atau digubal sebahagiannya pada tarikh pelaporan. Walaupun anggaran Institut mengenai realisasi dan penyelesaian perbezaan sementara adalah berdasarkan maklumat sedia ada pada tarikh pelaporan, prestasi operasi masa depan dan faktor-faktor lain berpotensi memberi kesan kepada jangkaan sebenar dan amaun perbezaan sementara direalisasi dan diselesai. Sebarang perbezaan di antara amaun sebenar dan amaun anggaran boleh diiktiraf dalam untung dan rugi dalam tempoh yang mana realisasi dan penyelesaian sebenar berlaku.

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Tanah Pegangan Kekal RM	Bangunan RM	Peralatan Komputer RM	Pengubah- suaian RM	Perabot & Kelengkapan RM	Peralatan Pejabat RM	Jumlah RM
<b>KOS</b>							
Pada 1 Julai 2010	580,160	2,426,239	1,699,665	1,322,348	520,478	823,777	7,372,667
Tambahan	-	-	147,564	18,070	28,593	18,978	213,205
Pelupusan/hapus kira	-	-	(169,189)	-	(7,775)	(23,150)	(200,114)
Pada 30 Jun 2011	580,160	2,426,239	1,678,040	1,340,418	541,296	819,605	7,385,758
<b>SUSUT NILAI TERKUMPUL</b>							
Pada 1 Julai 2010	-	837,713	1,469,005	788,207	323,620	454,924	3,873,469
Caj untuk tahun	-	48,644	146,611	89,939	30,027	64,293	379,514
Pelupusan/hapus kira	-	-	(122,942)	-	(7,064)	(19,885)	(149,891)
Pada 30 Jun 2011	-	886,357	1,492,674	878,146	346,583	499,332	4,103,092
<b>NILAI DIBAWA BERSIH PADA 30 JUN 2011</b>	580,160	1,539,882	185,366	466,272	194,713	320,273	3,282,666
<b>KOS</b>							
Pada 1 Julai 2009	580,160	2,426,239	1,637,971	1,271,811	461,773	732,187	7,110,141
Tambahan	-	-	200,702	50,537	58,705	94,610	404,554
Pelupusan/hapus kira	-	-	(139,008)	-	-	(3,020)	(142,028)
Pada 30 Jun 2010	580,160	2,426,239	1,699,665	1,322,348	520,478	823,777	7,372,667
<b>SUSUT NILAI TERKUMPUL</b>							
Pada 1 Julai 2009	-	789,069	1,430,917	686,623	295,037	394,100	3,595,746
Caj untuk tahun	-	48,644	177,057	101,584	28,583	62,676	418,544
Pelupusan/hapus kira	-	-	(138,969)	-	-	(1,852)	(140,821)
Pada 30 Jun 2010	-	837,713	1,469,005	788,207	323,620	454,924	3,873,469
<b>NILAI DIBAWA BERSIH PADA 30 JUN 2010</b>	580,160	1,588,526	230,660	534,141	196,858	368,853	3,499,198

Pada akhir tahun kewangan, Institut masih belum menerima hak milik strata untuk lot kedai pegangan pajakan di Sabah yang dibeli pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 2000 yang mempunyai nilai dibawa bersih berjumlah RM302,261 (2010: RM310,160).

Termasuk dalam hartanah, loji dan peralatan adalah aset yang telah disusut nilai penuh yang masih digunakan dengan kos berjumlah RM1,482,330 (2010: RM2,099,783).

Termasuk dalam caj susut nilai untuk tahun ialah susut nilai projek Kongres Akauntan Sedunia (WCOA 2010) berjumlah RM14,053.

## 5. ASET TIDAK KETARA

	2011 RM	2010 RM
<b>Perisian komputer</b>		
<b>Kos</b>		
Pada permulaan tahun kewangan	119,000	-
Tambahan dalam tahun kewangan	-	119,000
Pada penghujung tahun kewangan	<u>119,000</u>	<u>119,000</u>
<b>Pelunasan terkumpul</b>		
Pada permulaan tahun kewangan	39,667	-
Pelunasan dalam tahun kewangan	39,663	39,667
Pada penghujung tahun kewangan	<u>79,330</u>	<u>39,667</u>
<b>Amaun di bawa bersih pada penghujung tahun kewangan</b>	<u>39,670</u>	<u>79,333</u>

Perisian komputer mewakili kos perisian yang diperolehi. Kos perisian diperolehi, termasuk kesemua kos langsung dalam menyediakan aset bagi tujuan penggunaannya, adalah dilunaskan pada asas garis lurus ke atas jangka hayat berguna selama 3 tahun.

## 6. PELABURAN

	2011 RM	2010 RM
<b>Pada harga kos :-</b>		
Pelaburan	<u>7,458</u>	<u>7,458</u>

Pihak Institut telah membeli pegangan sebanyak 9.09% di dalam modal saham yang di terbit dan berbayar di dalam Ultimate Professional Centre (Sarawak) Sdn Bhd ("UPC") pada tahun kewangan berakhir 30 Jun 1996.

## 7. CUKAI TERTUNDA

	2011 RM	2010 RM
Aset cukai tertunda	-	121,371
Liabiliti cukai tertunda	(49,468)	(14,208)
	<u>(49,468)</u>	<u>107,163</u>
<b>Pada permulaan tahun kewangan</b>	107,163	190,053
(Dikredit)/Caj ke Penyata Pendapatan Komprehensif		
- hartanah, loji dan peralatan	(35,260)	(64,901)
- peruntukan	(70,524)	4,901
- kerugian cukai	(50,847)	(22,890)
	(156,631)	(82,890)
<b>Pada penghujung tahun kewangan</b>	<u>(49,468)</u>	<u>107,163</u>
<b>Pada penghujung tahun kewangan</b>		
Aset cukai tertunda (sebelum diimbangi)		
- hartanah, loji dan peralatan	-	-
- peruntukan	-	70,524
- kerugian cukai	-	50,847
	-	121,371
Diimbangi	-	(14,208)
Aset cukai tertunda (selepas diimbangi)	<u>-</u>	<u>107,163</u>

## 7. CUKAI TERTUNDA (sambung)

	2011 RM	2010 RM
Liabiliti cukai tertunda (sebelum diimbangi)		
- hartanah, loji dan peralatan	(49,648)	(14,208)
Diimbangi	-	14,208
Liabiliti cukai tertunda (selepas diimbangi)	<u>(49,648)</u>	<u>-</u>

**Aset cukai tertunda tidak diiktiraf**

Aset cukai tertunda telah tidak diiktiraf untuk amaun berikut pada tarikh pelaporan memandangkan tiada dasar praktikal untuk menentukan kebarangkalian boleh realisasi masa depan untuk faedah cukai berpotensi yang dijanakan dari sumber perniagaan tertentu.

	2011 RM	2010 RM
Aset cukai tertunda tidak diiktiraf berkenaan dengan item-item yang berikut:		
Perbezaan sementara boleh tolak	380,742	-
Elaun modal tidak diserap	346,573	-
Kerugian cukai tidak digunakan	195,564	-
	<u>922,879</u>	<u>-</u>
Aset cukai tertunda berpotensi tidak diiktiraf pada 24%	<u>221,491</u>	<u>-</u>

## 8. INVENTORIES

	2011 RM	2010 RM
<b>Pada kos :-</b>		
Penerbitan, cenderamata dan barang niaga	<u>69,688</u>	<u>55,402</u>

## 9. AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PRABAYAR

	30 Jun 2011 RM	30 Jun 2010 RM Dinyatakan semula	1 Julai 2009 RM
Jumlah terhutang oleh peserta persidangan dan seminar	684,720	171,459	104,475
Pelbagai akaun belum terima	673,316	208,892	297,638
	1,358,036	380,351	402,113
Tolak : Peruntukan untuk kerugian pengurangan nilai	(31,054)	(55,529)	(27,804)
	<u>1,326,982</u>	<u>324,822</u>	<u>374,309</u>
Prabayar	647,527	531,248	658,501
Pelbagai deposit	50,084	44,828	38,773
	697,611	576,076	697,274
	<u>2,024,593</u>	<u>900,898</u>	<u>1,071,583</u>

Tempoh kredit yang diberi kepada akaun belum terima ialah dari 30 hari ke 60 hari (2010: 30 hari ke 60 hari).

9. AKAUN BELUM TERIMA, DEPOSIT DAN PRABAYAR (sambung)

Perubahan peruntukan untuk kerugian pengurangan nilai sepanjang tahun kewangan adalah seperti berikut:

	30 Jun 2011 RM	30 Jun 2010 RM Dinyatakan semula	1 Julai 2009 RM
Baki pada 1 Julai	55,529	27,804	42,067
Kerugian pengurangan nilai diiktiraf dalam tahun	11,120	47,285	49,204
Kerugian pengurangan nilai pulih semula	(35,595)	(19,560)	(63,467)
Baki pada 30 Jun	<u>31,054</u>	<u>55,529</u>	<u>27,804</u>

Analisa jangka masa belum terima ialah seperti berikut:

Belum lepassi tempoh matang atau berkurang nilai	481,395	87,167	67,993
1 hingga 30 hari lepassi tempoh matang tetapi tidak berkurang nilai	279,031	84,510	168,617
31 hingga 60 hari lepassi tempoh matang tetapi tidak berkurang nilai	294,789	56,504	88,793
61 hingga 90 hari lepassi tempoh matang tetapi tidak berkurang nilai	66,329	46,610	21,077
Lebih dari 90 hari lepassi tempoh matang tetapi tidak berkurang nilai	205,438	50,031	27,829
	<u>1,326,982</u>	<u>324,822</u>	<u>374,309</u>
Pengurangan nilai	31,054	55,529	27,804
	<u>1,358,036</u>	<u>380,351</u>	<u>402,113</u>

**Belum terima yang belum lepassi tempoh matang atau berkurang nilai**

Belum terima yang belum lepassi tempoh matang atau berkurang nilai adalah merupakan penghutang yang dipercayai kreditya yang mana rekod bayarannya dengan Institut adalah baik. Tiada belum terima Institut yang sama ada melepasi tempoh bayaran atau berkurang nilai telah dirundingkan semula pada tahun kewangan. Institut tidak memegang sebarang cagaran ke atas baki-baki tersebut.

**Belum terima yang lepassi tempoh matang tetapi tidak berkurang nilai**

Belum terima yang lepassi tempoh matang tetapi tidak berkurang nilainya adalah berkaitan dengan penghutang yang lambat membuat pembayaran. Berdasarkan pengalaman lepas, ahli Majlis Institut yakin dapat memungut hutang tersebut dan berpendapat bahawa tiada peruntukan untuk pengurangan nilai diperlukan berhubung baki-baki tersebut memandangkan tiada perubahan ketara dalam kualiti kredit dan baki-baki tersebut masih dianggap dapat diperolehi semula dengan sepenuhnya.

Tiada diantara belum terima Institut yang sama ada melepasi tempoh matang atau berkurang nilai telah dirundingkan semula dalam tahun kewangan. Institut tidak memegang sebarang cagaran ke atas baki-baki tersebut.

**Belum terima yang berkurang nilai**

Belum terima yang berkurang nilai pada tarikh pelaporan adalah seperti berikut:

	30 Jun 2011 RM	30 Jun 2010 RM Dinyatakan semula	1 Julai 2009 RM
Belum terima - amaun nominal	31,054	55,529	27,804
Tolak : Peruntukan untuk kerugian pengurangan nilai	(31,054)	(55,529)	(27,804)
	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

Belum terima tersebut telah dikenalpasti secara individu untuk di kurang nilai kerana menurut Majlis, berdasarkan kepada penilaian mereka pada tarikh pelaporan, mereka menganggarkan akaun belum terima tersebut tidak dapat dipulihkan.

## 10. YURAN TERTUNGGAK

Menurut Kaedah-kaedah (Keanggotaan dan Majlis) 2001, Bahagian II, perenggan 7(1), Majlis boleh mengarahkan Pendaftar mengeluarkan nama-nama ahli yang tertunggak yuran tahunan mereka selama 6 bulan atau lebih dari daftar keahlian. Ahli-ahli yang sedang dalam siasatan dan terlibat dalam prosiding tatatertib yang dikenakan ke atas mereka dan yang tertunggak lebih dari enam (6) bulan tidak akan dikeluarkan dari Daftar Keahlian. Anggaran dibuat untuk hutang ragu berdasarkan semakan semula semua yuran tertunggak pada tarikh pelaporan.

	<b>2011</b>	<b>2010</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran tertunggak	7,750	5,000
Tolak : Peruntukan untuk kerugian pengurangan nilai	(7,750)	(5,000)
	<u>-</u>	<u>-</u>

## 11. AKAUN AMANAH INSTITUSI

Pihak Institut telah melaburkan dana di dalam satu Akaun Amanah Institusi yang dikelolakan oleh Amanah Raya Berhad, satu syarikat awam liabiliti terhad yang ditubuhkan di Malaysia. Kadar dividen kasar boleh terima oleh Institut ialah 4.25% setahun (2010: 4.25% setahun).

## 12. SIMPANAN TETAP DENGAN INSTITUSI KEWANGAN BERLESEN

Kadar faedah efektif boleh terima bagi simpanan tetap dengan institusi kewangan berlesen ialah di antara 2.25% hingga 3.10% (2010: 2.00% hingga 3.00%) setahun. Tempoh pemegangan simpanan tetap ialah antara 30 hari hingga 1 tahun (2010: 30 hari hingga 1 tahun).

## 13. TUNAI DAN BAKI DI BANK

Profil dedahan matawang tunai dan baki di bank adalah seperti berikut:-

	<b>2011</b>	<b>2010</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Ringgit Malaysia	5,243,999	1,820,226
Dolar Amerika Syarikat	1,431,412	-
	<u>6,675,411</u>	<u>1,820,226</u>

## 14. PELBAGAI AKAUN BELUM BAYAR DAN AKRUAN

	<b>2011</b>	<b>2010</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Pelbagai akaun belum bayar	514,380	666,573
Akruan - Perbelanjaan seminar dan persidangan	737,345	458,024
Akruan - Faedah kakitangan	1,892,434	1,635,980
Akruan - Lain-lain	846,247	423,279
Akruan WCOA 2010	2,336,487	-
	<u>6,326,893</u>	<u>3,183,856</u>

Tempoh kredit yang diberi oleh pelbagai akaun belum bayar kepada Institut merangkumi 14 hari ke 60 hari (2010: 14 hari ke 60 hari).

## 15. PENDAPATAN TERTUNDA

	30 Jun 2011 RM	30 Jun 2010 RM Dinyatakan semula	1 Julai 2009 RM
Kemasukan keahlian bergantung kepada kelulusan Majlis Pemegang sijil amalan bergantung kepada kelulusan Majlis	285,133	257,867	189,202
Pendapatan Tertunda - Keahlian sedia ada	7,500	3,250	4,000
Pendapatan Tertunda - Seminar dan Persidangan	29,350	22,000	4,250
Pendapatan Tertunda - Lain-lain	266,309	205,222	152,694
	11,921	30,150	67,170
	<u>600,213</u>	<u>518,489</u>	<u>417,316</u>

## 16. PENDAPATAN TERTUNDA - GERAN KERAJAAN

	WCOA 2010 RM	FRSIC RM	ICS RM	SSCDF RM	Jumlah RM
<b>30 Jun 2011</b>					
Geran diterima	10,000,000	1,700,000	125,000	565,400	12,390,400
Pendapatan berpunca daripada pemegangan geran	1,615,831	-	-	-	1,615,831
Pendapatan tertunda dikeluarkan	<u>(11,615,831)</u>	<u>(1,551,454)</u>	<u>(88,956)</u>	<u>(31,298)</u>	<u>(13,287,539)</u>
	<u>-</u>	<u>148,546</u>	<u>36,044</u>	<u>534,102</u>	<u>718,692</u>
<b>30 Jun 2010</b>					
Geran diterima	10,000,000	1,300,000	125,000	565,400	11,990,400
Pendapatan berpunca daripada pemegangan geran	1,328,021	-	-	-	1,328,021
Pendapatan tertunda dikeluarkan	<u>(5,337,655)</u>	<u>(1,104,602)</u>	<u>(15,902)</u>	<u>(30,767)</u>	<u>(6,488,926)</u>
	<u>5,990,366</u>	<u>195,398</u>	<u>109,098</u>	<u>534,633</u>	<u>6,829,495</u>

### (a) WCOA 2010

Pendapatan tertunda dari geran diterima, pemegangan geran, yuran delegasi, pendapatan penajaan dan pameran serta pertandingan golf telah diiktiraf sebagai pendapatan sebaik selesai WCOA 2010 pada bulan November 2010.

### (b) FRSIC

Institut telah ditawarkan geran dari Dana Pembangunan Pasaran Modal (CMDP) dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 2008. Geran ini adalah untuk menubuhkan dan operasi urusetia untuk melaksanakan aktiviti-aktiviti Jawatankuasa Pelaksanaan Piawaian Pelaporan Kewangan (FRSIC); ia dibayar setiap tahun dalam tempoh 5 tahun dari 1 Oktober 2007 hingga 30 September 2012 yang berjumlah sebanyak RM2,000,000. RM400,000 telah diterima dalam tahun kewangan (2010 : RM400,000).

Berikut ialah butiran lengkap pergerakan akaun FRSIC dalam tahun kewangan:

	2011 RM	2010 RM
<b>(i) Geran diterima</b>		
Pada permulaan tahun kewangan	1,300,000	900,000
Geran diterima dalam tahun kewangan	400,000	400,000
Pada penghujung tahun kewangan	<u>1,700,000</u>	<u>1,300,000</u>
<b>(ii) Pendapatan tertunda dikeluarkan untuk mengimbangi perbelanjaan berkaitan yang ditanggung</b>		
Pada permulaan tahun kewangan	1,104,602	743,699
Penasihat	12,000	33,000
Pentadbiran	725	853
Mesyuarat	746	1,188
Gaji	433,381	325,862
	<u>446,852</u>	<u>360,903</u>
Pada penghujung tahun kewangan	<u>1,551,454</u>	<u>1,104,602</u>



16. PENDAPATAN TERTUNDA - GERAN KERAJAAN (sambung)

(c) ICS

Ini mewakili geran daripada Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia sebanyak RM125,000 bagi Institut membangunkan kes bersepadu untuk digunakan oleh universiti di bawah kursus yang baru diperkenalkan sebagai Kajian Kes Bersepadu (ICS).

Berikut ialah butiran lengkap pergerakan akaun ICS dalam tahun kewangan:

	2011 RM	2010 RM
(i) Geran diterima		
Pada permulaan tahun kewangan	125,000	-
Geran diterima dalam tahun kewangan	-	125,000
Pada penghujung tahun kewangan	<u>125,000</u>	<u>125,000</u>
(ii) Pendapatan tertunda dikeluarkan untuk mengimbangi perbelanjaan berkaitan yang ditanggung		
Pada permulaan tahun kewangan	15,902	-
Mesyuarat dan bengkel	71,523	15,028
Perjalanan	1,531	874
	<u>73,054</u>	<u>15,902</u>
Pada penghujung tahun kewangan	<u>88,956</u>	<u>15,902</u>

(d) SSCDF

RM1.1308 juta telah diluluskan di bawah Dana Pembangunan Kapasiti Sektor Perkhidmatan (SSCDF), Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) yang mana RM630,800 bertujuan untuk Program Peningkatan dan Pemodenan dan RM500,000 untuk Program Latihan/Luar Jangkauan. 50% dari geran yang berjumlah RM565,400 telah diterima oleh Institut dalam tahun kewangan sebelumnya dan bakinya akan dituntut setelah selesai kelak. Institut perlu melaksanakan program-program tersebut sebelum 31 Disember 2011 menurut keperluan MIDA.

Berikut ialah butiran lengkap pergerakan akaun SSCDF dalam tahun kewangan:

	← 2011 →		← 2010 →	
	Peningkatan & Pemodenan RM	Latihan / Luar Jangkauan RM	Peningkatan & Pemodenan RM	Latihan / Luar Jangkauan RM
(i) Geran diterima				
Pada permulaan tahun kewangan	315,400	250,000	-	-
Geran diterima dalam tahun kewangan	-	-	315,400	250,000
Pada penghujung tahun kewangan	<u>315,400</u>	<u>250,000</u>	<u>315,400</u>	<u>250,000</u>
(ii) Pendapatan tertunda dikeluarkan untuk mengimbangi perbelanjaan berkaitan yang ditanggung				
Pada permulaan tahun kewangan	30,767	-	-	-
Mesyuarat dan bengkel	531	-	30,767	-
Perjalanan	-	-	-	-
Pada penghujung tahun kewangan	<u>31,298</u>	<u>-</u>	<u>30,767</u>	<u>-</u>

17. PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN DARI/(UNTUK) AKTIVITI-AKTIVITI LAIN

	2011		2010			
	Pendapatan RM	Faedah Kakitangan RM	Perbelanjaan Langsung RM	Pendapatan RM	Faedah Kakitangan RM	Perbelanjaan Langsung RM
Pusat Pembangunan Profesional	10,013,948	(975,287)	(5,133,715)	12,582,880	(931,150)	(6,435,023)
Pemasaran dan promosi	-	-	-	1,073,527	(278,789)	(434,195)
Pendidikan	1,059,891	(511,597)	(273,457)	435,920	(318,004)	(216,905)
Aktiviti-aktiviti cawangan	86,700	-	(91,506)	223,292	-	(204,815)
Semakan malam	367,639	(974,411)	(35,282)	206,497	(1,121,576)	(30,973)
Pendapatan/(kurangan) keahlian yang lain	16,940	-	(28,343)	30,573	-	(1,682)
	<u>11,545,118</u>	<u>(2,461,295)</u>	<u>(5,562,303)</u>	<u>14,552,689</u>	<u>(2,649,519)</u>	<u>(7,323,593)</u>
Aktiviti bersama dengan badan profesional lain:						
Ulasan belanjawan	61,193	-	(54,676)	59,975	-	(34,333)
Perbelanjaan NACRA	15,801	-	(833)	-	-	(1,500)
Perbelanjaan NAFMA	-	-	(1,435)	-	-	(8,503)
	<u>76,994</u>	<u>-</u>	<u>(56,944)</u>	<u>59,975</u>	<u>-</u>	<u>(44,336)</u>
Total	<u>11,622,112</u>	<u>(2,461,295)</u>	<u>(5,619,247)</u>	<u>14,612,664</u>	<u>(2,649,519)</u>	<u>(7,367,929)</u>

Nota 21

Nota 21

Termasuk dalam jenis-jenis perbelanjaan langsung adalah seperti berikut:

	2011 RM	2010 RM
Perbelanjaan hotel	2,158,831	3,110,703
Yuran penceramah	1,862,026	1,911,121
Perbelanjaan aktiviti-aktiviti penajaan	-	261,981
Perbelanjaan induksi keahlian	82,404	88,026
Perbelanjaan latihan dalaman untuk klien	-	31,700
Sewaan pangkalan data/penyebaran e-mel	-	29,287
Perbelanjaan Peperiksaan Kelayakan	109,974	116,646
Perbelanjaan tuisyen	86,806	71,909

## 18. AKAUN KONGRES AKAUNTAN SEDUNIA (WCOA 2010)

Institut telah menganjurkan Kongres Akauntan Sedunia ke-18 yang telah diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia dari 8 hingga 11 November 2010.

RM10 juta dianugerahkan oleh Kementerian Kewangan (MoF) dalam tahun kewangan berakhir 30 Jun 2007 untuk projek WCOA 2010.

Sebuah akaun bank telah dibuka atas nama "Kongres Akauntan Sedunia 2010" yang ditadbirkan oleh Jawatankuasa Khas yang terdiri daripada wakil-wakil dari Kementerian Kewangan dan Jabatan Akauntan Negara. Laporan perbelanjaan dihantar kepada mereka setiap tiga bulan.

Setelah projek WCOA 2010 selesai, semua baki telah disatukan dengan akaun Institut.

**Akaun WCOA 2010 diwakili oleh yang berikut:**

	← 2011 →	
	RM	RM
<b>Geran Kerajaan (Nota 16)</b>		10,000,000
<b>Pendapatan berpunca daripada pemegangan geran: (Nota 16)</b>		
Dividen daripada Akaun Amanah Institusi	1,325,853	
Faedah simpanan tetap	276,966	
Faedah pendapatan daripada akaun semasa	13,012	1,615,831
<b>Pendapatan berpunca daripada WCOA 2010:</b>		
Yuran delegasi	14,027,562	
Pendapatan dari penajaan	2,984,420	
Pendapatan dari pameran	778,432	
Pendapatan dari pertandingan golf	72,400	17,862,814
<b>Jumlah Pendapatan daripada WCOA 2010</b>		29,478,645
<b>Tolak: Perbelanjaan WCOA 2010</b>		
Pentadbiran	(2,571,202)	
Yuran penerimaan	(57,024)	
Ganjaran juruaudit	(24,650)	
Caj bank	(19,223)	
Komisen untuk pameran	(61,439)	
Komisen untuk penajaan	(83,750)	
Komisen kepada IFAC	(1,402,756)	
Susut nilai	(36,053)	
Faedah kakitangan	(2,147,939)	
Perbelanjaan pameran	(543,120)	
Penghantaran/Pengedaran	(365,287)	
Sumber tenaga kerja	(132,978)	
Mesyuarat	(222,161)	
Pemasaran dan promosi	(2,145,416)	
Yuran Penganjur Kongres Profesional	(1,800,000)	
Pengurusan risiko	(114,031)	
Cukai perkhidmatan	(91,981)	
Program sosial	(2,595,657)	
Kos penceramah	(535,145)	
Pengangkutan	(225,610)	
Penyewaan lokasi	(4,797,113)	(19,972,535)
<b>Lebihan dari akaun WCOA 2010</b>		9,506,110

Dividen dan kadar faedah dan tempoh pemegangan bagi dana diletakkan di dalam Akaun Amanah Institusi dan simpanan tetap didedahkan di Nota 11 dan 12.

## 19. PENDAPATAN LAIN

	<b>2011</b>	<b>2010</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Dividen dari akaun amanah institusi	255,425	269,125
Pendapatan Hibah atas akaun semasa	30,239	18,996
Faedah atas simpanan tetap	56,050	34,778
Yuran pengurusan	6,000	6,000
Pelbagai pendapatan	19,768	14,118
Pendapatan sewa	31,200	31,200
	<u>398,682</u>	<u>374,217</u>

## 20. PERUNTUKAN DAN HAPUS KIRA

	<b>2011</b>	<b>2010</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
(Pembalikan)/Peruntukan pengurangan nilai bagi belum terima Hartanah, loji dan peralatan dihapus kira	(24,475)	32,095
Aset dihapus kira	50,223	1,207
Inventori kurang laku dan usang dihapus kira	3,611	4,825
Yuran tertunggak dihapus kira	-	41,834
	<u>234,967</u>	<u>178,200</u>
	<u>264,326</u>	<u>258,161</u>

## 21. FAEDAH KAKITANGAN

	<b>2011</b>	<b>2010</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Gaji, kerja lebih masa dan bonus	7,526,285	7,944,152
Caruman KWSP	1,254,208	1,207,843
Faedah kakitangan yang lain	389,981	344,835
Caruman keselamatan sosial	68,776	66,450
Latihan kakitangan	217,551	170,044
Kebajikan kakitangan	176,624	17,586
	<u>9,633,425</u>	<u>9,750,910</u>
Tolak: Manfaat kakitangan dicaj ke aktiviti-aktiviti lain (Nota 17)	<u>(2,461,295)</u>	<u>(2,649,519)</u>
	<u>7,172,130</u>	<u>7,101,391</u>

## 22. PERHUBUNGAN ANTARABANGSA

	<b>2011</b>	<b>2010</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Yuran kepada badan-badan perakaunan antarabangsa	297,810	241,351
Mesyuarat majlis, jawatankuasa teknikal dan penasihat badan-badan perakaunan antarabangsa	203,310	193,729
	<u>501,120</u>	<u>435,080</u>

## 23. PERKHIDMATAN KEAHLIAN

	<b>2011</b>	<b>2010</b>
	<b>RM</b>	<b>RM</b>
Mesyuarat agung tahunan	131,679	94,687
Majlis, jawatankuasa dan mesyuarat-mesyuarat lain	138,266	148,502
Warta kerajaan	20,620	20,155
Jurnal Institut - Accountants Today	1,216,049	1,322,223
Perpustakaan	49,781	56,362
Program perekrutan keahlian	379	23,441
Teknikal, bahan bercetak dan pengeposan	79,538	75,918
	<u>1,636,312</u>	<u>1,741,288</u>

## 24. PERBELANJAAN LAIN

	2011 RM	2010 RM
Pengiklanan - pengrekrutan kakitangan	16,333	38,422
Ganjaran juruaudit	13,400	13,660
Caj bank dan komisen	128,565	122,399
Perbelanjaan pentadbiran cawangan	9,600	63,750
Derma dan sumbangan	-	5,530
Perbelanjaan perjawatan	485,175	505,021
Perbelanjaan am	79,945	73,025
Hadiah, cenderamata dan penghargaan	10,613	6,965
Honorarium kepada pendaftar	60,000	60,000
Insurans	72,559	67,037
Sewa pejabat	376,460	307,962
Yuran profesional	26,345	107,429
Perbelanjaan promosi	87,218	55,974
Perbelanjaan perhubungan awam	-	52
Pembaikan dan penyelenggaraan	140,730	148,311
Yuran penyertaan ke badan-badan profesional	3,634	2,985
Perjalanan dan penginapan	65,696	60,624
Utiliti	340,049	348,714
	<u>1,916,322</u>	<u>1,987,860</u>

## 25. PERBELANJAAN CUKAI PENDAPATAN

	2011 RM	2010 RM
Cukai pendapatan		
- tahun semasa	360,000	390,000
- tahun sebelumnya	-	-
	<u>360,000</u>	<u>390,000</u>
Cukai tertunda (Nota 7)	156,631	82,890
	<u>516,631</u>	<u>472,890</u>

Untuk tujuan cukai, Institut diklasifikasikan sebagai "Persatuan Perdagangan" menurut seksyen 53(3) Akta Cukai Pendapatan 1967 yang mana pendapatannya dicukai pada kadar skala.

Penyesuaian perbelanjaan cukai pendapatan boleh digunakan untuk lebihan sebelum cukai pada kadar cukai pendapatan berkanun kepada perbelanjaan cukai pendapatan pada kadar cukai pendapatan efektif Institut adalah seperti berikut:

	2011 RM	2010 RM
Lebihan sebelum cukai	10,180,478	1,172,440
Cukai pada kadar cukai berkanun 24% (2010: 26%)	2,443,315	304,834
Kesan cukai dari:		
- belanja tidak boleh tolak bagi tujuan cukai	56,769	52,084
- elaun modal tidak diserap bagi tahun semasa yang tidak boleh diambilkira di bawah Pembetulan Ketetapan Awam 6/2005	32,114	62,722
- kerugian tahun semasa yang tidak boleh diambilkira di bawah Pembetulan Ketetapan Awam 6/2005	35,948	-
- lebihan peruntukan aset cukai tertunda dalam tahun sebelumnya	-	78,040
- aset cukai tertunda tidak diiktiraf	221,491	-
- pendapatan tidak tertakluk kepada cukai	(2,281,466)	-
- perubahan dalam kadar cukai	8,460	(24,790)
	<u>516,631</u>	<u>472,890</u>

## 26. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Urus niaga yang diuruskan dengan pihak berkaitan dalam tahun kewangan adalah seperti berikut:-

### (a) Yuran dibayar oleh ahli Majlis

	2011 RM	2010 RM
Yuran tahunan keahlian	6,000	7,500
Yuran sijil amalan	4,250	4,250
	10,250	11,750

### (b) Pampasan kakitangan pengurusan utama

Kakitangan pengurusan utama adalah orang yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, memberi arahan dan mengawal aktiviti-aktiviti Institut sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan pengurusan utama Institut adalah terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif, Pengarah Eksekutif dan Ketua Pegawai Operasi dan ganjaran mereka bagi tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2011 RM	2010 RM
Gaji	774,413	773,386
Caruman KWSP	105,032	110,808
Caruman keselamatan sosial	620	620
	880,065	884,814

Termasuk dalam akaun belum bayar dan akruan adalah baki belum dijelaskan pada hujung tahun berkaitan dengan pampasan kena bayar untuk kakitangan pengurusan utama sebanyak RM135,211 (2010: RM100,960).

## 27. INSTRUMEN KEWANGAN

Suatu instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan kedua-dua aset kewangan bagi satu pihak peniagaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu pihak perniagaan yang lain.

### (a) Kategori Instrumen Kewangan

Berikut adalah butir-butir aset kewangan dan liabiliti kewangan Institut yang dianalisa mengikut kategori:

	2011 RM	2010 RM
<b>Aset kewangan</b>		
Pinjaman dan akaun belum terima:		
- Akaun belum terima, deposit dan prabayar	2,024,593	900,898
- Simpanan tetap di institusi kewangan berlesen	12,548,123	3,323,136
- Akaun Amanah Institut	6,022,671	6,474,793
- Tunai dan baki di bank	6,675,411	1,820,226
	27,270,798	12,519,053
Aset kewangan sedia untuk dijual:		
- Pelaburan	7,458	7,458
<b>Liabiliti kewangan</b>		
Liabiliti kewangan dinilai pada kos dilunaskan:		
- Akaun belum bayar	514,380	666,573
- Akruan	5,812,513	2,517,283
	6,326,893	3,183,856

**INSTRUMEN KEWANGAN** (sambung)**(b) Objektif-objektif dan Dasar-dasar Pengurusan Risiko Kewangan**

Objektif pengurusan risiko kewangan Institut adalah bertujuan memastikan Institut menerbitkan nilai dan memaksimumkan ganjaran kepada ahli-ahlinya. Dasar pengurusan risiko kewangan Institut bertujuan memastikan sumber kewangan dan bukan kewangan mencukupi untuk menjalankan operasi-operasinya dengan lancar. Pihak Institut membiayai operasi-operasinya dengan penjana dana dalaman dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko kadar faedah dari pinjaman bank. Pihak Institut tidak melabur di dalam saham yang disenarai dan oleh itu tidak terdedah kepada risiko pasaran akibat risiko turun naik instrumen kewangan berikutan perubahan harga pasaran.

**(i) Risiko Kredit**

Belum terima dan urus niaga dengan institusi perbankan mungkin menimbulkan risiko kredit yang memerlukan kerugian diiktiraf sekiranya pihak balas gagal melaksanakan urusan mengikut kontrak. Pihak balas adalah institusi kewangan berlesen dan organisasi. Adalah menjadi dasar Institut untuk memantau kedudukan kewangan pihak balas secara berterusan untuk memastikan bahawa pendedahan Institut terhadap risiko kredit adalah minimum. Institut telah menjalankan kawalan ketat dengan mengeluarkan ahli-ahli yang tertunggak lebih dari enam (6) bulan seperti yang diperuntukkan di bawah Kaedah-kaedah Institut Akauntan Malaysia (Keanggotaan dan Majlis) 2001.

Selain daripada yang disebut, Institut tidak mempunyai tumpuan risiko kredit yang ketara. Pendedahan maksimum kepada risiko kredit adalah diwakili oleh amaun dibawa aset kewangan dalam kedudukan kewangan.

**(ii) Risiko Kecairan**

Risiko kecairan atau pembiayaan adalah risiko tidak dapat memenuhi komitmen yang berkaitan dengan instrumen kewangan.

Institut mengamalkan pengurusan risiko kecairan yang berhemat untuk meminimumkan ketidakpadanan antara aset dan liabiliti kewangan dan mengekalkan tunai atau kesetaraan tunai yang mencukupi untuk keperluan modal kerja.

**Analisis kematangan**

Profil kematangan liabiliti kewangan Institut pada hujung tempoh pelaporan berdasarkan kepada bayaran kontraktual yang belum didiskaunkan adalah seperti berikut:

	<b>Kurang dari 1 tahun 2011 RM</b>
Pelbagai belum bayar	514,380
Akruan - Perbelanjaan seminar dan persidangan	737,345
Akruan - Faedah kakitangan	1,892,434
Akruan - Lain-lain	846,247
Akruan WCOA 2010	2,336,487
	<u>6,326,893</u>

**(iii) Risiko Kadar Faedah**

Institut juga terdedah kepada risiko kadar faedah yang berkaitan dengan simpanan tetapnya dengan bank berlesen.

Institut memastikan ia menyimpan di simpanan tetap pada kadar faedah yang kompetitif di bawah terma dan syarat yang paling menguntungkan.

Institut juga terdedah kepada risiko kadar faedah yang berkaitan dengan simpanan tetapnya dengan institusi kewangan yang berlesen. Memandangkan simpanan tetap tersebut tertakluk kepada kadar tetap dan tidak diambil kira pada nilai saksama melalui untung atau rugi, sebarang perubahan dalam kadar faedah pasaran tidak akan mempengaruhi keputusan kewangan untuk tahun semasa dan dana Institut.

**(c) Nilai saksama**

Amaun dibawa aset kewangan dan liabiliti kewangan Institut pada akhir tahun kewangan menghampiri nilai saksamanya disebabkan jangka pendek kematangannya.



## 28. PENGURUSAN MODAL

Objektif Institut dalam mengurus modal adalah:

- untuk melindungi fungsi-fungsi Institut, iaitu mengawal selia dan membangunkan profesion perakaunan di Malaysia sejajar dengan obligasi-obligasi berkanunnya di bawah Akta Akauntan, 1967;
- untuk membangun dan meningkatkan kewibawaan menerusi pendidikan dan latihan berterusan bagi menghadapi cabaran ekonomi global; dan
- untuk memperuntukkan modal bagi tujuan memperkukuhkan keberkesanan kendalian Institut.

Institut sering menyemak semula dan menguruskan modalnya bagi memastikan kecukupan untuk keperluan kendalian dan modal. Kesemua lebihan dipindah kepada dana terkumpul untuk keperluan kendalian masa depan.

Untuk tujuan pendedahan modal, Majlis menganggap dana terkumpul sebagai modal Institut.

## 29. PERNYATAAN SEMULA PERBANDINGAN

Termasuk di dalam akaun belum terima ialah amaun yang diiktiraf dari pendaftaran peserta untuk seminar dan persidangan yang tidak memenuhi definisi aset, amaun tersebut dan yang sepadan dengannya telah dilaraskan sewajarnya pada pendapatan tertunda dan angka-angka perbandingan telah dinyatakan semula seperti di bawah:

**Pada 30 Jun 2010**

	Seperti yang dinyatakan sebelum ini RM	Pelarasan RM	Seperti yang dinyatakan semula RM
<b>Aset semasa</b>			
Akaun belum terima, deposit dan prabayar	1,243,251	(342,353)	900,898
<b>Liabiliti semasa</b>			
Pendapatan tertunda	860,842	(342,353)	518,489

Baki pada 1 Julai 2009 tidak termasuk amaun diiktiraf dari pendaftaran peserta untuk seminar dan persidangan dan sewajarnya pelarasan tidak diperlukan.